Kami juga diberi penghormatan dengan Anugerah “*Malaysia Takaful Association Star Award 2024*” atas kejayaan inisiatif **TH** Khairat, yang menyediakan perlindungan kewangan kepada pendeposit dan waris sebagai persediaan pada waktu yang memerlukan. Pengiktirafan berprestij ini mengukuhkan lagi komitmen kami terhadap Intermediasi Berasaskan Nilai (VBI) dan peranan kami sebagai institusi yang bertanggungjawab. Selain itu, **TH** turut menerima anugerah khas dari Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) yang sekali gus menguatkan lagi kejayaan program **TH** Khairat dan komitmen kami terhadap kebajikan pemegang taruh.

HIJRAH24 has embraced digital transformation with the THiJARI platform, offering depositors an easy and secure online channel for financial and hajj-related transactions. The platform has been continuously enhanced with new features and improved security measures, alongside robust cybersecurity monitoring, ensuring the protection of depositor data.

Our achievements reflect the hard work and dedication across all facets of the organisation, as evidenced by the awards and recognitions received in 2024.

TH has once again honoured, for the third consecutive time, with the prestigious Saudi Arabian Labbaitom Award for Best Service in the Hajj Affairs Office category. This recognition reflects our ongoing commitment to delivering our mandate with excellence. Additionally, **TH** became the first institution to complete its audit by the National Audit Department for the financial year ending 31 December 2023. This milestone demonstrates the robustness of our financial management and governance practices, highlighting our dedication to transparency, accountability, and sound financial stewardship - key pillars of our transformation agenda.

We were honoured with the Malaysia Takaful Association Star Award 2024 for our impactful work in the **TH** Khairat programme, an initiative that provides financial protection to depositors and their beneficiaries in times of need. This prestigious recognition underscores our commitment to Value-Based Intermediation (VBI) and our role as a socially responsible institution. Additionally, we received a special award from Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB), further affirming the success of the **TH** Khairat programme and our dedication to stakeholder well-being.



Perbelanjaan Operasi Operational Expenditure

RM902.24

juta / million

2023: RM844.47juta / million



ULASAN PRESTASI OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY THE GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Pertama kali dalam sejarah Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLICs), **TH** telah bekerjasama dengan Jawatankuasa Muzakarah MKI bagi membentangkan amalan Zakat **TH**, menandakan pencapaian penting dalam usaha kami untuk menegak dan memajukan prinsip-prinsip tadbir urus Islam. Kerjasama ini memperkukuhkan kedudukan **TH** sebagai institusi Islam yang dihormati dan komited kepada prinsip-prinsip Maqasid Syariah.

Saya juga dengan sukacitanya ingin berkongsi bahawa **TH** menduduki tempat ke-2 dalam 100 Majikan Pilihan Graduan 2024 Kategori Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC). Pencapaian ini membuktikan komitmen kami untuk membangun dan memupuk bakat, selain reputasi kami yang semakin berkembang sebagai majikan pilihan. Kami akan terus fokus dalam mewujudkan suasana kerja yang dinamik dan inklusif bagi menarik dan mengekalkan bakat terbaik, selaras dengan aspirasi strategik kami untuk menjadi organisasi yang dipacu bakat.

Semua pengiktirafan ini lebih daripada sekadar anugerah - ia adalah bukti usaha kolektif pasukan kami dan kemajuan yang telah dicapai di bawah Pelan Transformasi HIJRAH24. Dengan momentum ini, kami kekal fokus untuk memberikan nilai yang lestari kepada pendeposit, pemegang taruh dan masyarakat umum.

PRESTASI KEWANGAN

2024 merupakan satu lagi tahun yang cemerlang untuk **TH** dari segi prestasi kewangan, apabila kami mencatatkan keuntungan bersih sebanyak RM2.21 bilion (TK2023: RM2.33 bilion) dengan hasil RM4.65 bilion (TK2023: RM4.29 bilion), yang menyumbang kepada hasil pendapatan keseluruhan sebanyak 5.08 peratus (TK2023: 4.89 peratus).

Deposit meningkat kepada RM91.75 bilion (TK2023: RM89.01 bilion), manakala perbelanjaan operasi adalah RM902.25 juta (TK2023: RM844.46 juta). Untuk musim haji 1445H/2024M, **TH** meneruskan Bantuan Kewangan Haji (HAFIS) secara bersasar berjumlah RM185.17 juta untuk 31,600 jemaah, berbanding RM198.55 juta untuk jumlah jemaah yang sama sebelum ini.

TH komited memastikan pulangan yang optimum untuk para pendeposit, dengan jumlah pengagihan keuntungan sebanyak RM42.88 bilion sejak penubuhannya. Tahun ini menyaksikan pengagihan keuntungan sebanyak RM2.92 bilion untuk TK2024, berbanding RM2.71 bilion untuk 2023, RM2.64 bilion untuk TK2022, dan RM2.46 bilion untuk TK2021. Agihan keuntungan ini telah mengambil kira peruntukan zakat sebanyak RM99.35 juta (TK2023: RM103.25 juta) yang dibayar kepada Majlis-majlis Agama Islam Negeri bagi pihak pendeposit.

In a historic first for Government-Linked Investment Companies (GLICs), **TH** engaged with the Jawatankuasa Muzakarah MKI to present our practices on zakat, marking a significant milestone in our journey to uphold and advance Islamic governance principles. This engagement reinforces our position as a respected Islamic institution committed to the principles of Maqasid Shariah.

Lastly, I am pleased to share that **TH** ranked 2nd in the Malaysia's 100 leading Graduate Employer 2024 for the Government Linked Investment Corporations. This achievement reflects our commitment to developing and nurturing talent, as well as our growing reputation as an employer of choice. As we continue to evolve, we remain focused on creating a dynamic and inclusive workplace that attracts and retains top talent, in line with our strategic aspiration to be a talent-powered organisation.

These recognitions are more than just accolades - they are a testament to the collective effort of our people and the progress we have made under the HIJRAH24 Transformation Plan. With this momentum, we remain focused on delivering sustainable value to our depositors, stakeholders, and the broader community.

FINANCIAL PERFORMANCE

2024 has been another year of strong financial performance for **TH**, as we posted a net profit of RM2.21 billion (FY2023: RM2.33 billion) on the back of revenue of RM4.65 billion (FY2023: RM4.29 billion), which contributed to a total income yield of 5.08 per cent (FY2023: 4.89 per cent).

Deposits grew to RM91.75 billion (FY2023: RM89.01 billion), while operational expenditure was RM902.25 million (FY2023: RM844.46 million). For the hajj season 1445H/2024M, **TH** continued with the targeted Hajj Financial Support (HAFIS) amounting to RM185.17 million for a total of 31,600 pilgrims as opposed to RM198.55 million for the same number of pilgrims recorded previously.

TH remains committed to ensuring optimal returns for our depositors, with RM42.88 billion in total profit distribution to date since our inception. The year saw a total of 2.92 billion billion profit distribution paid out for FY2024, in comparison to the RM2.71 billion for 2023, RM2.64 billion for 2022 and RM2.46 billion for 2021. This takes into consideration the zakat allocation of RM99.35 million (FY2023: RM103.25 million) paid to all State Islamic Religious Councils on behalf of our depositors.


TH's SAA / TH's SAA 2024 - 2026

RANGKA KERJA SAA / SAA FRAMEWORK

Mengoptimumkan profil risiko-pulangan untuk menghasilkan pulangan yang stabil dan konsisten, dipandu oleh selera risiko dan keperluan liabiliti.

Optimising risk-return profile to generate steady and stable return guided by risk appetites and liability requirements.

1. Aset > Liabiliti / Asset > Liability
Fokus pada pulangan yang stabil merentasi kelas aset
Focus on stable return across asset classes
2. Pulangan yang Kompetitif / Competitive Returns
Mengoptimumkan portfolio dengan pertimbangan kecairan
Optimise portfolio with liquidity considerations
3. Pulangan Sepadan dengan Selera Risiko
Return matches with the risk appetite



PRESTASI PELABURAN

Jabatan Pelaburan kami menerajui pelaksanaan Alokasi Aset Strategik (SAA) baharu bagi tempoh 2024 hingga 2026, di mana pelaburan dalam ekuiti telah ditingkatkan untuk menghasilkan pulangan yang lebih tinggi, manakala aset pendapatan tetap yang mendominasi lebih separuh daripada SAA, terus memberi jaminan keselamatan. Peningkatan ini menghasilkan profil pulangan-risiko yang lebih optimum bagi menghasilkan pulangan stabil dan berterusan yang dipandu oleh selera risiko dan keperluan liabiliti. SAA yang telah dikemas kini ini akan menjadi panduan ketika melakukan pelaburan strategik, selari dengan objektif jangka panjang kami untuk memberi pertumbuhan dan nilai yang mampan kepada para pendeposit.

Untuk 2024, aset pelaburan **TH** mencatatkan peningkatan sebanyak 3.80 peratus kepada RM97.18 bilion dari RM93.62 bilion yang direkodkan pada 31 Disember 2023 berikutan peningkatan saiz deposit kepada RM91.75 bilion dan pendapatan pelaburan sebanyak RM4.65 bilion yang direkodkan untuk tahun ini.

TH mencatatkan jumlah pendapatan yang direalisasikan sebanyak RM4.65 bilion, di mana RM3.87 bilion disumbangkan oleh pendapatan pasif dan pendapatan lain, manakala RM0.78 bilion adalah dari keuntungan transaksi.

INVESTMENT PERFORMANCE

Our Investment Department has spearheaded the implementation of a new Strategic Asset Allocation (SAA) for the period 2024 to 2026, whereby investment in equity is increased to generate higher returns, while fixed income assets, dominating slightly over half of the SAA, continue to provide security. This enhancement generates a more optimum risk-return profile to generate steady and stable returns guided by risk appetites and liability requirements. This updated SAA will guide us as we continue to pursue strategic investments that align with our long-term objectives of delivering sustainable growth and value for our depositors.

For 2024, **TH's** investment assets managed to chart an increase of 3.80 per cent to RM97.18 billion from RM93.62 billion recorded on 31 December 2023 attributable to increases in deposit size to RM91.75 billion and investment income of RM4.65 billion recorded for the year.

TH recorded a total realised income of RM4.65 billion of which RM3.87 billion was contributed by passive income and other income, while RM0.78 billion was from transaction profits.

ULASAN PRESTASI OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY THE GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

Jumlah pendapatan keseluruhan **TH** pada tahun 2024 disumbang sebahagian besarnya oleh instrumen pendapatan tetap sebanyak 50 peratus dan pendapatan daripada pelaburan ekuiti sebanyak 35 peratus. Pendapatan daripada hartanah dan instrumen pasaran wang pula masing-masing menyumbang sebanyak 10 peratus dan 5 peratus.

PENGURUSAN DEPOSIT

TH terus memberi keutamaan dalam mengukuhkan kedudukan sebagai institusi yang dipercayai dan mudah diakses oleh pendeposit di seluruh Malaysia. Menyedari kepentingan memastikan perkhidmatan kami kekal relevan dengan keperluan pemegang taruh yang sentiasa berubah, kami telah melaksanakan beberapa inisiatif untuk memperluaskan jangkauan, meningkatkan kemudahan, dan mengekalkan keyakinan pendeposit.

Di tengah-tengah usaha ini adalah peluasan rangkaian perkhidmatan **TH** secara strategik melalui kerjasama dan usaha digitalisasi, selari dengan usaha penyusunan semula cawangan. **TH** kini beroperasi di 107 cawangan di seluruh negara, disokong oleh platform digital kami, THiJARI, yang telah menambahbaik pengalaman pendeposit melalui pelbagai perkhidmatan dalam talian. Platform ini membolehkan pendeposit melakukan transaksi dengan efisien, mengurus akaun, mengakses perkhidmatan yang diperibadikan dengan lebih cekap dan memuaskan.

Selain cawangan, kami juga memanfaatkan lebih dari 10,000 titik sentuh pelanggan melalui kerjasama strategik di seluruh negara bagi mempertingkatkan lagi kebolehcapaian perkhidmatan kami. Ekosistem yang kukuh ini memastikan pendeposit dapat mengakses perkhidmatan **TH** dengan mudah tanpa kesulitan, bahkan di kawasan terpencil. Pelancaran Cawangan Bergerak atau **TH Gerak** merupakan inisiatif utama bagi membolehkan kami memperluaskan jangkauan ke komuniti luar bandar dan menyediakan sokongan peribadi kepada mereka yang memerlukan.

Kami bangga melaporkan bahawa usaha ini telah menghasilkan Kadar Kepuasan Pelanggan sebanyak 96 peratus pada tahun 2024. Ini jelas menunjukkan komitmen berterusan kami untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan meningkatkan pengalaman pendeposit.

Sebagai langkah ke hadapan, **TH** kekal komited untuk terus memajukan keupayaan digital kami, memperluaskan rangkaian perkhidmatan dan memastikan **TH** kekal menjadi institusi pilihan bagi jutaan rakyat Malaysia.

The total income of **TH** in 2024 is largely contributed by fixed income instruments at 50 per cent, and equity investment income at 35 per cent. Income from real estate and money market instruments contribute 10 per cent and 5 per cent, respectively.

DEPOSIT MANAGEMENT

Fortifying our position as a trusted and accessible institution for depositors across Malaysia remained a core priority. Recognising the importance of ensuring our services remain relevant to the evolving needs of our stakeholders, we have implemented several initiatives aimed at expanding our reach, enhancing convenience, and maintaining depositor's confidence.

At the heart of these efforts is the strategic expansion of our service network through partnership and digitisation efforts, in parallel with our branch rationalisation efforts. **TH** currently operates 107 branches nationwide, supported by our digital platform, THiJARI, which has transformed the depositor's experience with a range of online services. This platform allows depositors to conduct transactions efficiently, manage their accounts, and access personalised services, improving both speed and satisfaction.

In addition to our branches, **TH** has leveraged a vast network of over 10,000 customer touchpoints through strategic partnerships across the country, significantly enhancing our accessibility. This robust ecosystem ensures that depositors can conveniently access **TH's** services without difficulty, even in the most remote areas. The launch of Mobile Branches or **TH Gerak** has been a key initiative in this regard, enabling us to extend our reach into rural communities and provide personal, on-the-ground support to those who need it most.

We are proud to report that these efforts have resulted in a Customer Satisfaction Rate of 96 per cent in 2024. This reflects our ongoing commitment to delivering excellent services and continuously improving the depositor experience.

As we move forward, **TH** remains dedicated to further advancing our digital capabilities, expanding our service network, and ensuring that we remain an institution of choice for millions of Malaysians.

OPERASI HAJI 1445H/2024M

Alhamdulillah, kami bersyukur operasi haji untuk Musim Haji 1445H/2024M berjalan lancar dan selamat dengan seramai 31,600 jemaah di bawah penjagaan kami.

Dengan rahmat Allah SWT dan kerjasama erat antara Kementerian Haji dan Umrah Arab Saudi, Kementerian Luar dan Kerajaan Arab Saudi, kami beriltizam untuk menganjurkan musim haji yang berjaya, dengan memberi keutamaan kepada kebajikan dan keselamatan jemaah haji. Hampir 600 petugas haji terlatih telah ditempatkan di Arab Saudi untuk memudahkan urusan jemaah haji dalam semua aspek, termasuk ibadah, kesihatan dan kebajikan.

Untuk tahun 2024, **TH** telah menanggung 60 peratus kos haji untuk kumpulan B40 dan 42 peratus untuk kumpulan M40, yang menunjukkan komitmen kami untuk membantu jemaah yang memerlukan. Sejak 2001, jumlah HAFIS yang dibiayai oleh pendeposit **TH** adalah RM2.58 bilion.

Secara keseluruhannya, operasi haji **TH** berjalan dengan lancar, dan komitmen kami terhadap kecemerlangan perkhidmatan terbukti dengan memperoleh skor kepuasan jemaah haji yang tinggi melebihi 90 peratus. Anugerah Labbaitom Arab Saudi untuk Perkhidmatan Terbaik dalam Kategori Pejabat Urusan Haji menunjukkan usaha berterusan kami untuk memberikan perkhidmatan haji yang luar biasa dan memastikan pengalaman terbaik dari segi penjagaan dan sokongan buat jemaah haji Malaysia memenuhi piawaian tertinggi. Ia juga merupakan bukti inovasi kami dalam meningkatkan operasi haji selaras dengan matlamat strategik di bawah HIJRAH24.



HAJJ OPERATIONS FOR 1445H/2024M

Alhamdulillah, we are grateful for the smooth and safe hajj operation achieved for the 1445H/2024M Hajj Season with a total of 31,600 pilgrims under our care.

With the grace of the Almighty and the close collaboration between the Saudi Ministry of Haj and Umrah, Foreign Ministry and Saudi Arabian government to organise a successful hajj season, the welfare and safety of the hajj pilgrims remained a top priority. Nearly 600 trained officers were deployed to Saudi Arabia to facilitate the affairs of the hajj pilgrims in all aspects, including worship, health and welfare.

For 2024, **TH** also absorbed 60 per cent of the hajj costs for the B40 group and 42 per cent for the M40 group, further reaffirming our commitment to supporting pilgrims requiring assistance. Since 2001, the total HAFIS which is funded by all **TH** depositors is RM2.58 billion.

All in all, our hajj operations were carried out smoothly, and our dedication to service excellence was reflected in a high satisfaction score of over 90 per cent among pilgrims. We also garnered another prestigious Saudi Arabian Labbaitom Award for the Best Service in the Haj Affairs Office category. This accolade underscores our unwavering commitment to delivering exceptional hajj services and ensuring that the experience of Malaysian pilgrims meets the highest standards of care and support. It serves as a validation of our continuous efforts to innovate and elevate our hajj operations in alignment with our strategic goals under HIJRAH24.



ULASAN PRESTASI OLEH PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF PERFORMANCE REVIEW BY THE GROUP MANAGING DIRECTOR AND CHIEF EXECUTIVE OFFICER

BUDAYA DIGITAL

Dalam situasi dunia yang sentiasa berubah, kami komited untuk menyediakan perkhidmatan yang berinovasi dan dipercayai, bagi memastikan **TH** terus berada di barisan hadapan dalam perkhidmatan kewangan Islam.

Dengan kemajuan Rangka Kerja IT 2022-2026 dan Inisiatif Digitalisasi HIJRAH24, **TH** telah berjaya melakukan transformasi yang signifikan dalam infrastruktur digital kami.

Pada tahun 2024, **TH** meningkatkan usaha memodenkan sistem teras kami bagi memastikan ia dapat memenuhi keperluan pendeposit yang semakin berkembang. Salah satu komponen utama transformasi ini adalah penambahbaikan platform THiJARI yang kini menawarkan pengalaman lebih lancar dan mesra pengguna bagi kemudahan transaksi dan meningkatkan aksesibiliti. Dengan mempermudah proses dan mengadaptasi teknologi terkini, **TH** meletakkan posisinya sebagai institusi yang berdaya digital dan berfikir ke hadapan.

MEMPERTAHANKAN KOMITMEN KELESTARIAN

Pada Januari 2024, **TH** mengambil langkah penting dengan menerima pakai Rangka Kerja Kelestarian komprehensif yang diluluskan oleh Lembaga. Rangka kerja ini berfungsi sebagai pelan tindakan yang menyelaras hala tuju strategik **TH** dengan Maqasid Syariah, di samping menggabungkan prinsip-prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus (ESG) yang kukuh ke dalam setiap aspek operasi.

Ketika mengharungi landskap global yang semakin kompleks, kami komited dalam memastikan usaha kelestarian kami mencerminkan nilai-nilai dan tanggungjawab dengan menyeimbangkan pertumbuhan jangka panjang dan kesejahteraan pemegang taruh. Rangka kerja ini menggariskan komitmen berterusan kami terhadap kelestarian dan pertimbangan ESG di seluruh sektor kewangan Islam.



DIGITAL CULTURE

Our commitment to innovation underscores our goal of delivering reliable services while ensuring **TH** remains at the forefront of Islamic financial services in a rapidly changing world.

As we advance our IT Blueprint 2022-2026 and the HIJRAH24 Digitalisation Initiative, **TH** has made significant progress in transforming our digital infrastructure.

In 2024, we intensified efforts to modernise our core systems, ensuring they are equipped to meet the evolving needs of our depositors. A key component of this transformation is the enhancement of our THiJARI platform, which now offers a more seamless, user-friendly experience that simplifies transactions and increases accessibility. By streamlining processes and embracing cutting-edge technologies, these digital upgrades are positioning **TH** as a forward-thinking, digitally empowered institution.

UPHOLDING SUSTAINABILITY COMMITMENT

In January 2024, **TH** took a significant step forward by adopting a comprehensive Sustainability Framework approved by the Lembaga. This framework serves as a blueprint, aligning our strategic direction with Maqasid Shariah, while also embedding robust environmental, social, and governance (ESG) principles into every facet of our operations.

As we navigate an increasingly complex global landscape, we are committed to ensuring that our sustainability efforts reflect our values and responsibilities, balancing long-term growth with the well-being of our stakeholders. This framework underlines our ongoing dedication to sustainability and in integrating ESG considerations across the Islamic financial sector.



MELANGKAH KE HADAPAN

HIJRAH24 telah meletakkan asas yang kukuh, dan kini tiba masanya untuk Pelan Strategik **TH** 2025-2027 memberi fokus kepada inovasi serta keutamaan strategik baharu bagi memastikan **TH** terus kekal relevan dan bersedia menghadapi masa depan. Fokus utama dalam pelan ini termasuk pengoptimuman pelaburan untuk pulangan lestari, pengembangan keupayaan digital, semakan struktur operasi haji, dan pembaharuan model cawangan.

Inisiatif-inisiatif di bawah Pelan Strategik **TH** 2025-2027 ini akan mendorong kami ke arah kecekapan yang lebih tinggi, pertumbuhan, dan ketahanan, memastikan kami terus memenuhi misi dalam menyediakan nilai dan keselamatan kepada pendeposit sambil menegakkan prinsip-prinsip Maqasid Syariah. Kami yakin usaha-usaha ini akan mengukuhkan kedudukan **TH** sebagai institusi Islam yang unggul, bersedia untuk menghadapi cabaran masa depan dan meraih peluang-peluang baru.

PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH

Akhir kata, saya ingin merakamkan ucapan penghargaan kepada Kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Perdana Menteri, YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim dan menteri-menteri Kabinet terutamanya Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar, dan Timbalan Menteri, YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, serta semua agensi kerajaan dan badan pengawal selia yang terlibat atas sokongan dan bimbingan berterusan yang diberikan.

Ucapan terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga, Panel Pelaburan, dan Jawatankuasa Penasihat Syariah yang mana bimbingan mereka amat berharga dalam memastikan kesinambungan kejayaan kami. Saya juga ingin mengiktiraf dedikasi Pengurusan dan warga **TH**, serta rakan kongsi strategik kami atas komitmen tanpa henti mereka yang telah memainkan peranan penting dalam mencapai visi bersama kami.

Insyaa-Allah, dengan berakhirnya HIJRAH24, saya yakin **TH** berada di landasan yang kukuh untuk mengharungi masa depan, dan saya amat teruja untuk meneruskan perjalanan kami ke arah kecemerlangan perkhidmatan untuk para pendeposit dan jemaah haji negara.

MOVING FORWARD

HIJRAH24 has laid a solid foundation, and now it's time for the **TH** Strategic Plan 2025-2027 to build upon it by focusing on innovation and new strategic priorities that ensure **TH** remains resilient and future ready. Focus areas of this plan include optimising investments for sustainable returns, expanding digital capabilities, structural reviews of hajj operations and rejuvenating our branch models.

These initiatives under the **TH** Strategic Plan 2025-2027 will drive us towards greater efficiency, growth, and resilience, ensuring that we continue to fulfil our mission of providing value and security to our depositors while upholding the principles of Maqasid Shariah. We are confident that these efforts will solidify **TH**'s standing as a leading Islamic institution, well-prepared to meet future challenges and seize new opportunities.

APPRECIATION AND GRATITUDE

As a final note, I would like to express my deepest appreciation to the Malaysian government, led by Prime Minister YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim and its Cabinet Ministers especially the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), YB Senator Dato' Setia Dr. Haji Mohd Na'im Haji Mokhtar, and Deputy Minister, YB Senator Dr. Zulkifli Hassan, as well as all relevant government agencies and regulatory bodies for the continued support and guidance extended to us.

My heartfelt gratitude extends to our members of the Lembaga, Investment Panel, and Shariah Advisory Committee, whose guidance have been invaluable in ensuring our continued success. I would also like to acknowledge the dedication of **TH**'s Management and staff, as well as our strategic partners, whose unwavering commitment has been instrumental in achieving our shared vision.

Insyaa-Allah, with the completion of HIJRAH24, I am confident that **TH** is on a solid footing to navigate the future, and I look forward to continuing our journey towards excellence in service to our depositors and pilgrims.

Datuk Syed Hamadah Syed Othman

Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutif
Group Managing Director and Chief Executive Office

OBJEKTIF STRATEGIK

STRATEGIC OBJECTIVE

01 - PENTADBIRAN DANA / FUND ADMINISTRATION



Dipandu oleh enam (6) objektif strategik, Pentadbiran Dana di bawah HIJRAH24 telah membuat kemajuan yang ketara ke arah mewujudkan rangka kerja pengurusan dana yang kukuh dan adaptif. Usaha ini menegaskan misi **TH** untuk terus menjadi peneraju dalam kewangan Islam, yang komited kepada pertumbuhan mampan dan menjaga kepentingan pendeposit.

Guided by six (6) strategic objectives, Fund Administration under HIJRAH24 has made marked progress toward creating a robust and adaptive fund management framework. These efforts underscore **TH**'s mission to remain a leader in Islamic finance, dedicated to sustainable growth and safeguarding depositor interests.

EVOLUSI STRATEGIK DAN OBJEKTIF

Pada teras transformasi Pentadbiran Dana adalah Strategi Pelaburan: Dari Pandemik ke Endemik, yang telah mengimbangi semula portfolio **TH** di tengah perubahan keadaan ekonomi global. Berikutan impak pandemik ke atas pasaran global dan tempatan, **TH** telah menjalankan penilaian semula yang menyeluruh terhadap pengagihan asetnya, dengan mensasarkan peningkatan yang berhemah dalam pendedahan antarabangsa dan pelbagai sektor untuk meningkatkan daya tahan dan kestabilan pendapatan. Penyesuaian ini telah mengukuhkan kedudukan pasaran antarabangsa **TH**, mengimbangi risiko dan peluang untuk memastikan keselamatan pendeposit melalui aliran pendapatan yang pelbagai dan berdaya tahan.

Sebagai pelengkap kepada peralihan strategik ini, inisiatif Pelaburan ESG yang didorong oleh Maqasid menekankan komitmen **TH** untuk menyelaraskan pelaburannya dengan nilai-nilai Islam dan tanggungjawab sosial yang lebih luas. Dilancarkan untuk mengintegrasikan prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG) dalam setiap keputusan pelaburan, inisiatif ini telah diterapkan sejak 2022 dan telah membimbing **TH** ke arah portfolio yang beretika. **Menjelang 2024, lebih 75 peratus daripada pelaburan portfolio ekuiti awam TH memegang penarafan ESG A dan B, merangkumi infrastruktur hijau dan pegangan yang bertanggungjawab sosial.**

STRATEGIC EVOLUTION AND OBJECTIVES

At the core of Fund Administration's transformation is the Investment Strategy: From Pandemic to Endemic, which rebalanced **TH**'s portfolio amid changing global economic conditions. Following the pandemic's impact on global and local markets, **TH** undertook a comprehensive re-evaluation of its asset allocation, targeting a prudent increase in international and diversified exposure to boost resilience and income stability. These adjustments have strengthened **TH**'s international market position, balancing risk and opportunity to ensure depositor security through diversified, resilient income streams.

Complementing this strategic shift, the Maqasid-Driven ESG Investment initiative underscores **TH**'s commitment to aligning its investments with Islamic values and broader social responsibility. Launched to integrate Environmental, Social, and Governance (ESG) principles into each investment decision, this initiative has taken root since 2022 and has guided **TH** toward an ethically driven portfolio. **By 2024, over 75 per cent of TH's equity public portfolio investments hold ESG ratings of A and B, covering green infrastructure and socially responsible holdings.** This integration of

Lebih
Over **75%**
daripada pelaburan
portfolio ekuiti
awam **TH** memegang
penarafan ESG A
dan B
of **TH**'s equity public
portfolio investments
hold ESG ratings
of A and B



Pengintegrasian prinsip ESG ini telah membezakan **TH** sebagai institusi perintis dalam kewangan Islam yang beretika, memberi sumbangan bukan sahaja kepada nilai pendeposit tetapi juga kepada impak sosial jangka panjang.

MENINGKATKAN DAYA TAHAN MELALUI RANGKA KERJA PELABURAN YANG KUKUH

Satu tonggak dalam HIJRAH24 adalah pembangunan Rangka Kerja Pelaburan yang Kukuh, yang direka untuk menetapkan standard tinggi bagi tadbir urus, pengurusan risiko, dan protokol operasi. Sejak pelaksanaannya, rangka kerja ini menghadapi cabaran untuk menyesuaikan diri dengan standard peraturan sambil mengimbangi keselamatan pendeposit dan pertumbuhan aset. Menjelang 2024, rangka kerja ini telah berjaya disempurnakan untuk merangkumi dasar komprehensif mengenai mitigasi risiko dan pemantauan prestasi pelaburan. Penambahbaikan ini membolehkan **TH** untuk mengemudi ketidakpastian pasaran dengan lebih baik, memastikan pelaburan selaras secara konsisten dengan mandat. Komitmen terhadap kewaspadaan dan ketelusan ini telah mengukuhkan kedudukan **TH** sebagai model tadbir urus dalam kewangan Islam.

Selari dengan itu, objektif Analisis & Sistem Pelaburan Masa Depan yang Berdaya Tahan telah membolehkan **TH** memodenkan operasi melalui inovasi digital. Pelancaran THRECS pada 2023 menandakan pencapaian yang signifikan, memudahkan proses Pentadbiran Dana dengan analitik data masa nyata. Sistem ini sangat penting dalam meningkatkan kecekapan **TH** dalam mengurus dana. Walau bagaimanapun, pelaksanaan awal memerlukan penyelesaian cabaran teknikal, termasuk integrasi sistem dan latihan kakitangan.

PENYEGARAN PELABURAN DAN PENCIPTAAN NILAI

Tumpuan utama transformasi Pentadbiran Dana di bawah HIJRAH24 adalah objektif Penyegaran Pelaburan & Penciptaan Nilai, yang memfokuskan kepada pengoptimuman portfolio pelaburan **TH** dan peningkatan nilainya. Dipandu oleh Pelan Penciptaan Nilai (VCP), inisiatif ini menyasarkan pelaburan yang kurang berprestasi dan cabaran legasi. Menjelang 2024, dividen yang diterima daripada pelaburan strategik yang tersenarai dan tidak tersenarai, meningkat sebanyak 13.4 peratus, mencerminkan komitmen **TH** dalam memperkukuhkan strategi pelaburannya. Pertumbuhan ini menekankan tumpuan **TH** terhadap aset yang mampan dan bernilai tinggi, mengukuhkan kestabilan kewangan dan meningkatkan sumbangan keseluruhan daripada portfolio pelaburannya - menyediakan asas yang kukuh untuk pertumbuhan masa depan.

ESG principles has distinguished **TH** as a pioneering institution in ethical Islamic finance, contributing not only to depositor value but also to long-term societal impact.

ENHANCING RESILIENCE THROUGH A ROBUST INVESTMENT FRAMEWORK

A foundational pillar in HIJRAH24 has been the development of a Robust Investment Framework, designed to set high standards for governance, risk management, and operational protocols. Since its initiation, this framework has faced the challenge of adapting to regulatory standards while balancing depositor security and asset growth. By 2024, this framework has been successfully refined to include comprehensive policies on risk mitigation and investment performance monitoring. These enhancements have enabled **TH** to better navigate market volatility, ensuring investments are consistently aligned with its mandate. This commitment to prudence and transparency has reinforced **TH**'s standing as a model of governance in Islamic finance.

In parallel, the objective of Future-Proofing Investment Systems & Analytics has enabled **TH** to modernise operations through digital innovation. The rollout of THRECS in 2023 marked a significant achievement, streamlining fund administration processes with real-time data analytics. This system has been essential in improving **TH**'s efficiency in managing funds. However, initial implementation required overcoming technical challenges, including system integration and staff training.

INVESTMENT REJUVENATION AND VALUE CREATION

Central to Fund Administration's transformation under HIJRAH24 is the objective of Investment Rejuvenation & Value Creation, focused on optimising **TH**'s investment portfolio and enhancing its value. Guided by the Value Creation Plan (VCP), this initiative targeted underperforming investments and legacy challenges. By 2024, dividends received from strategic investments, both listed and unlisted, improved by 13.4 per cent, reflecting **TH**'s commitment to strengthening its investment strategy. This growth underscores **TH**'s focus on sustainable, high-value assets, reinforcing financial stability and enhancing the overall contribution of its investment portfolio - laying a solid foundation for future growth.

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

01 - PENTADBIRAN DANA / FUND ADMINISTRATION

MENINGKATKAN SINERGI DAN PENGLIBATAN KUMPULAN

Menyokong usaha ini, objektif **TH** untuk Meningkatkan Sinergi & Penglibatan Kumpulan memberi tumpuan kepada penciptaan rangka kerja operasi yang bersepadu di kalangan anak syarikat. Inisiatif ini telah menggalakkan pengawasan pusat dan amalan tadbir urus yang diseragamkan, menyelaraskan objektif dan memaksimumkan kecekapan di kalangan entiti kumpulan. Sejak 2022, **TH** telah mengamalkan model pengurusan berpusat, memupuk kerjasama antara syarikat dan pelaporan yang lebih efisien.

MENUJU MASA DEPAN YANG BERDAYA TAHAN DAN MAMPAN

Kemajuan yang dicapai dalam Pentadbiran Dana di bawah HIJRAH24 menekankan komitmen **TH** terhadap model yang berdaya tahan dan patuh syariah yang memberikan pulangan stabil untuk pendeposit dan mengukuhkan kepimpinan **TH** dalam kewangan Islam. Melalui perancangan strategik, kecemerlangan tadbir urus, dan inovasi teknologi, **TH** telah mewujudkan asas yang kukuh untuk pertumbuhan mampan yang selaras dengan nilai-nilai pendeposit dan misi utama **TH**. Perjalanan HIJRAH24 mewakili pendekatan proaktif untuk menangani cabaran kewangan, menyesuaikan diri dengan perubahan peraturan, dan mewujudkan persekitaran di mana matlamat etika dan kewangan dicapai.

ENHANCING GROUP SYNERGY AND ENGAGEMENT

Supporting these efforts, **TH's** Enhance Group Synergy & Engagement objective focuses on creating a unified operational framework across subsidiaries. This initiative has promoted centralised oversight and standardised governance practices, aligning objectives and maximising efficiency across group entities. Since 2022, **TH** has adopted a centralised management model, fostering intercompany collaboration and streamlined reporting.

TOWARD A RESILIENT AND SUSTAINABLE FUTURE

The progress made within Fund Administration under HIJRAH24 underscores **TH's** commitment to a resilient, shariah-compliant model that delivers stable returns for depositors and reinforces **TH's** leadership in Islamic finance. Through strategic planning, governance excellence, and technological innovation, **TH** has established a strong foundation for sustainable growth aligned with both depositor values and **TH's** overarching mission. The HIJRAH24 journey represents a proactive approach to addressing financial challenges, adapting to regulatory changes, and fostering an environment where both ethical and financial goals are achieved.



02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT



PENGURUSAN HAJI MAMPAN

Aspirasi utama **TH** adalah untuk membolehkan semua jemaah haji Malaysia menikmati perjalanan haji dengan sebaik mungkin dan pulang dengan haji yang mabrur, terbukti dengan kejayaan pengurusan operasi haji pada Musim Haji 1445H/2024M. Pelbagai cabaran telah berjaya diharungi sehingga **TH** sekali lagi berjaya dinobatkan sebagai penerima Anugerah Labbaitom untuk kali ketiga berturut-turut.

SUSTAINABLE HAJJ MANAGEMENT

The main aspiration of **TH** is to enable all Malaysian pilgrims to experience their haji journey in the best possible way and return with a Mabrur haji, as proven by the successful management of the haji operation during the 1445H/2024M Hajj Season. Various challenges were overcome, leading to **TH** receiving the Labbaitom Award for the third time in a row.

PENGUMUMAN KUOTA HAJI, KOS HAJI DAN PENETAPAN BAYARAN HAJI

Kerajaan Arab Saudi telah menetapkan kuota haji bagi rakyat Malaysia pada Musim Haji 1445H/2024M sebanyak 31,600. Perkara ini telah diumumkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Dato’ Setia Dr. Mohd Na’im Haji Mokhtar sewaktu kunjungan beliau di majlis menandatangani Memorandum Aturan Urusan Haji 1445H/2024M di Jeddah, Arab Saudi pada 8 Januari 2024.

Pada 19 Januari 2024, **TH** telah mengumumkan bahawa surat tawaran haji akan mula dikeluarkan secara beransur-ansur kepada bakal jemaah yang telah sampai giliran untuk melaksanakan ibadat haji bagi Musim Haji 1445H/2024M. Turut diumumkan kos haji yang berjumlah RM33,300 seorang dan Bantuan Kewangan Haji (HAFIS) Bersasar yang diberikan oleh **TH** kepada jemaah haji Muassasah daripada kalangan B40 dan M40.

Peningkatan kos haji pada 2024 adalah sebanyak 8 peratus berbanding tahun sebelumnya di mana empat (4) komponen utama yang dikenalpasti adalah penginapan jemaah, penerbangan carter haji, sajian makanan jemaah serta logistik dan caj perkhidmatan di Tanah Suci.

ANNOUNCEMENT OF HAJJ QUOTA, HAJJ COST AND HAJJ PAYMENT

The Kingdom of Saudi Arabia had set the hajj quota for Malaysian citizens for 1445H/2024M Hajj Season at 31,600. This was announced by the Minister in the Prime Minister’s Department (Religious Affairs), YB Senator Dato’ Setia Dr. Mohd Na’im Haji Mokhtar, during his visit at the signing ceremony of the Hajj Management Memorandum of Understanding 1445H/2024M in Jeddah, Saudi Arabia, on 8 January 2024.

On 19 January 2024, **TH** announced the phased distribution of hajj offer letters to eligible pilgrims for the 1445H/2024M Hajj Season. The hajj cost of RM33,300 per person was also announced, as well as the Targeted Hajj Financial Assistance (HAFIS) provided by **TH** to the Muassasah pilgrims within B40 and M40 categories.

Hajj costs increased by 8 per cent compared to the previous year, covering four (4) main components including pilgrims’ accommodation, chartered hajj flights, catering services and logistics, and service charges in the Holy Land.



BAYARAN HAJI
Musim Haji 1445H/2024M
Haji Payment
Haji Season 1445H/2024M

KOS HAJI / Hajj Cost
RM33,300

Bayaran Haji Seorang
Jemaah Muassasah
Haji Payment by
Muassasah Pilgrims

Kumpulan / Group
***B40**
RM12,356

Kumpulan / Group
M40
RM19,152

Kumpulan / Group
T20
RM33,300

Nota / Note:
* Selepas RM1,000 bantuan kerajaan Malaysia. Bayaran asal adalah **RM13,356**
Including the RM1,000 in Malaysian government assistance. The original payment amounted to **RM13,356**

OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE



02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT

Walaupun **TH** konsisten dalam memberikan kesedaran mengenai Istito'ah (kemampuan) dalam ibadat haji, **TH** tetap berusaha sebaik mungkin untuk memastikan golongan kurang berkemampuan tidak terpinggir untuk melengkapkan Rukun Islam ke-5 iaitu menunaikan ibadat haji. Bagi memastikan ketelusan bantuan kepada golongan kurang berkemampuan, HAFIS diteruskan pada musim haji kali ini.

Mekanisma penentuan bagi HAFIS masih diteruskan dengan tiga (3) kumpulan bersasar iaitu B40, M40 dan juga T20. Sejumlah RM185 juta telah diperuntukkan bagi HAFIS pada musim haji kali ini berbanding RM199 juta bagi tahun sebelumnya. Manakala Kerajaan Malaysia telah menyumbang sebanyak RM1,000 kepada setiap seorang bakal jemaah kategori B40.

Although **TH** has consistently promoted awareness of Istito'ah (ability) in performing hajj, **TH** remains committed to ensuring that those who are less fortunate are not deprived of the opportunity to fulfill the fifth pillar of Islam. To maintain transparency in providing aid to underprivileged pilgrims, the HAFIS programme continued to be implemented this hajj season.

The HAFIS assistance mechanism continued to focus on three (3) income groups, namely, the B40, M40, and T20. A total of RM185 million was allocated for HAFIS this hajj season, compared to RM199 million the previous year. Meanwhile, the Malaysian Government contributed RM1,000 to each pilgrim within the B40 income category.



Bagi Musim Haji 1445H/2024M, Kerajaan Arab Saudi tidak meletakkan syarat tertentu terhadap bakal jemaah yang ingin menunaikan haji. Namun begitu, bagi memastikan kelancaran operasi haji, Kementerian Kesihatan telah menggariskan beberapa garis panduan pemeriksaan haji terhadap bakal jemaah termasuk mewajibkan bakal jemaah untuk mengambil suntikan vaksin tertentu bagi meningkatkan daya tahan terhadap penyakit berjangkit semasa mengerjakan ibadat haji di Tanah Suci.

For the 1445H/2024M Hajj Season, the Kingdom of Saudi Arabia did not impose specific conditions for pilgrims who wish to perform hajj. However, to ensure the smooth operation of hajj, the Ministry of Health had outlined guidelines for the medical examination of pilgrims, including the mandatory vaccination for certain diseases to improve immunity against infectious diseases while on pilgrimage in the Holy Land.

KOS HAJI / Hajj Cost

adalah semua bayaran untuk perkhidmatan dan kemudahan bagi seseorang menunaikan haji
comprises all payments for services and facilities for someone to perform hajj

**Komponen UTAMA
MAIN Components**

 **Penginapan di Makkah & Madinah**
Accommodation in Makkah & Madinah

 **Penerbangan Pergi Balik Carter Haji**
Hajj Charter Flight

 **Perkhidmatan di Tanah Suci (Bas, Mutawif dan Khemah semasa di Arafah & Mina)**
Services in the Holy Land (Bus, Mutawif and Tents while at Arafah & Mina)

 **Sajian Makan Setiap Hari di Makkah & Madinah**
Daily Meal Offerings in Makkah & Madinah



PERSIAPAN OPERASI HAJI 1445H/2024M

Persiapan operasi haji 1445H/2024M bermula dengan Muzakarah Haji Peringkat Kebangsaan ke-40 (MHPK) yang telah berlangsung pada 23 hingga 25 Oktober 2023 bertempat di Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA.

MHPK pada kali ini telah disertai secara hybrid oleh lebih 450 orang peserta yang terdiri daripada Pengurusan **TH**, ahli Jawatankuasa Penasihat Ibadat Haji (JPIH), Pengkursus Ibadat Haji Tanah Air (PEKTA), wakil-wakil Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Wakaf, Zakat & Haji (JAWHAR), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Pejabat Mufti, dan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA). Sebanyak lima (5) kertas kerja telah dibentangkan di dalam Muzakarah Haji pada kali ini dan resolusi yang dibentangkan pada hari penutup digunapakai sebagai rujukan di dalam kursus-kursus haji dan penerbitan haji pada Musim Haji 1445H/2024M. MHPK kali ini turut disertai oleh wakil daripada Republik Indonesia dan Thailand yang turut berkongsi ilmu dan pengalaman haji negara masing-masing melalui sesi forum yang diadakan.

Kursus Asas Haji (KAH) merupakan kursus asas haji yang perlu disertai oleh semua bakal jemaah yang akan menunaikan haji sebagai persediaan bagi melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan berkaitan ibadat haji dan kesihatan serta urusan perjalanan haji. Sebanyak 13 modul telah dilaksanakan di 208 masjid terpilih di seluruh negara bermula 18 Oktober 2023 hingga 25 Januari 2024, iaitu 13 minggu berturut-turut. Bencana banjir yang berlaku di beberapa tempat telah menyebabkan beberapa lokasi tertentu terpaksa ditangguhkan, namun berkat usaha semua pihak, siri KAH telah berjaya ditamatkan dalam tempoh yang telah ditetapkan.

Kursus Intensif Haji (KIH) diadakan pada 14 Februari hingga 9 Mac 2024 bertempat di 90 masjid terpilih. Bagi menguji kefahaman peserta terhadap siri kursus yang dijalankan, **TH** telah mewajibkan peserta kursus untuk menjawab soalan-soalan kuiz KIH di dalam portal eBimbingan. Langkah ini telah berjaya mempromosi penggunaan portal eBimbingan kepada bakal jemaah haji.

Kursus Perdana Haji (KPH) pula telah dilaksanakan bermula 19 April hingga 5 Mei 2024 di 17 lokasi terpilih di seluruh negara. Secara keseluruhan siri bimbingan haji bagi Musim Haji 1445H/2024M telah berjaya dilaksanakan sepertimana yang dirancang.

Sesi Penilaian Prestasi Operasi Haji Musim Haji 1444H/2023M telah diadakan pada 31 Oktober hingga 3 November 2023 bertujuan untuk membincang, mengkaji dan menganalisa isu dan permasalahan melalui laporan yang disediakan oleh pengurusan di peringkat sektor semasa operasi Musim Haji 1444H/2023M.

PREPARATION FOR 1445H/2024M HAJJ OPERATIONS

The preparation for the 1445H/2024M hajj operations began with the 40th National Hajj Conference (MHPK), which took place from 23 October to 25 October 2023, at the Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA.

The conference was attended by over 450 participants, including **TH** Management, members of the Hajj Advisory Committee (JPIH), Hajj Trainers from Malaysia (PEKTA), representatives from JAKIM, Department of Awqaf, Zakat and Hajj (JAWHAR), Ministry of Health Malaysia (MOH), the Mufti's Office, and Public Higher Education Institutions (IPTA). A total of five (5) paperworks were presented at this conference, and the resolutions presented on the closing day served as references for hajj courses and publications for the 1445H/2024M Hajj Season. The MHPK was also attended by representatives from Republic of Indonesia and Thailand, who shared their hajj knowledge and experiences during a forum.

The Basic Hajj Course (KAH) is a compulsory course for all prospective pilgrims who are going to perform hajj, as preparation to equip them with knowledge related to hajj rituals, health, and hajj travel arrangements. A total of 13 modules were implemented at 208 selected mosques across the country from 18 October 2023 to 25 January 2024, for 13 consecutive weeks. The flood disaster that occurred in several areas caused some locations to be postponed, but thanks to the efforts of all parties, the KAH series was successfully completed within the specified period.

The Intensive Hajj Course (KIH) was held from 14 February to 9 March 2024, at 90 selected mosques. To assess participants' understanding of the series of courses conducted, **TH** has made it mandatory for course participants to answer KIH quiz questions in the eBimbingan portal. This initiative has successfully promoted the eBimbingan portal to prospective hajj pilgrims.

The Prime Hajj Course (KPH) was held from 19 April to 5 May 2024, at 17 selected locations across the country. Overall, the hajj guidance series for the 1445H/2024M Hajj Season was successfully carried out.

The Hajj Performance Evaluation Session for the 1444H/2023M Hajj Season was held from 31 October to 3 November 2023 to discuss, review, and analyse issues and problems based on reports from the Management at the sector level during the 1444H/2023M Hajj Season operations.

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT

TAWARAN HAJI

Surat tawaran haji mula dikeluarkan pada 19 Januari 2024 kepada bakal jemaah yang akan menunaikan ibadat haji pada Musim Haji 1445H/2024M secara berperingkat. Pada tahun ini, aplikasi THiJARI telah digunakan secara meluas di mana bakal jemaah boleh menyemak surat tawaran serta proses menjawab tawaran tanpa pergi ke pejabat cawangan **TH**. Rayuan haji juga boleh dibuat melalui aplikasi THiJARI bermula 26 Januari 2024 iaitu seminggu selepas surat tawaran dikeluarkan.

Seperti tahun terdahulu, penggunaan aplikasi Saudi Visa Bio masih diteruskan oleh Kerajaan Arab Saudi bagi pendaftaran biometrik. Ini telah menjadi syarat utama untuk proses kelulusan dan pengeluaran visa haji.

PETUGAS HAJI

Setiap tahun, Petugas Haji merupakan tulang belakang bagi kejayaan operasi haji. Bagi musim haji kali ini, **TH** telah melantik lebih 600 orang petugas haji untuk menyantuni jemaah haji yang terdiri daripada Rombongan Kebajikan (RK) dan Rombongan Perubatan (RP).

Bagi memperkasa petugas haji, **TH** telah memberikan pendedahan kepada bakal petugas haji melalui beberapa siri kursus yang dikendalikan oleh jurulatih yang mahir dan berpengalaman. Kursus Teras Petugas Haji telah dilaksanakan pada 10 hingga 13 Disember Disember 2023 dan disertai oleh 255 peserta. Objektif kursus ini adalah untuk memberikan pendedahan dan maklumat awal berkaitan perjalanan, peraturan serta proses pelaksanaan operasi haji kepada mereka yang pertama kali bertugas di Tanah Suci.

Operasi Haji Tanah Air dan Tanah Suci telah memperolehi pensijilan ISO sejak tahun 2006. Operasi haji **TH** adalah berteraskan kepada piawaian antarabangsa ISO ini. Pada 6 hingga 8 Februari 2024, Bengkel Pemantapan Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2015 Pengurusan Haji diadakan bertujuan memberi pemahaman dan penambahbaikan kepada prosedur dan arahan kerja berkaitan pengurusan haji.

Kursus Pengukuhan Petugas Haji pula telah dilaksanakan bermula 4 hingga 8 Mac 2024 dengan disertai oleh lebih 600 orang bakal petugas. Selain pendedahan kepada ilmu, kemahiran teknikal dan semangat kerja berpasukan yang bertujuan untuk membangun dan melahirkan petugas haji Tanah Suci yang kompeten, produktif, responsif dan berdaya tahan dalam memastikan kelancaran operasi haji merentasi pelbagai sektor di Makkah, Madinah dan Jeddah.

HAJJ OFFERS

Hajj offer letters were issued in phases starting from 19 January 2024 to the eligible pilgrims for the 1445H/2024M Hajj Season. This year, the THiJARI application was widely used, allowing pilgrims to check their offer letters and respond to the offer without having to visit the **TH** Branch Offices. Hajj appeals could also be made via the THiJARI application starting on 26 January 2024, one week after the issuance of the offer letters.

As in previous years, the Saudi Visa Bio application was required by the Saudi Arabian Government for biometric registration. This has become a key requirement for the hajj visa approval and issuance process.

HAJJ OFFICERS

Every year, hajj officers play crucial roles in the success of **TH** hajj operations. For this season, **TH** had appointed over 600 hajj officers to serve the pilgrims, including those in the Welfare and Medical Groups.

To enhance the competency of the hajj officers, **TH** provided training through several courses run by skilled and experienced trainers. The Induction Course was held from 10 to 13 December 2023, with 255 participants. The main objective of this course was to offer first-time staff early exposure to the journey, its regulations, and the operational processes involved.

Since 2006, the hajj operations in both the Homeland and Holy Land have been ISO certified. The **TH** hajj operations are based on this international ISO standard. From 6 to 8 February 2024, a workshop on Strengthening the Documentations of the ISO 9001:2015 Quality Management System for Hajj Management was held to provide understanding and improvements to procedures and work instructions related to hajj management.

The Hajj Officers' Refresher Course was held from 4 to 8 March 2024, with over 600 participants. Besides exposure to knowledge, technical skills, and teamwork, the course aimed to develop competent, productive, responsive, and resilient hajj officers to ensure smooth operations across various sectors in Makkah, Madinah and Jeddah.

Selain petugas daripada Malaysia, operasi haji di Tanah Suci juga turut dibantu petugas haji ambilan tempatan.

Operasi Haji Tanah Air (OHTA) juga memainkan peranan besar kepada kejayaan operasi haji keseluruhan. Oleh itu, **TH** telah mempersiapkan petugas haji yang bertugas di Tanah Air dengan mengadakan program Pengukuhan Petugas Haji Tanah Air yang dilaksanakan pada 17 hingga 19 Mei 2023 melibatkan sejumlah 145 peserta. Program ini mendedahkan tentang pengurusan haji dan pengendalian jemaah haji bagi memastikan kelancaran urusan penerbangan di seluruh stesen berlepas.

PENGELOLA JEMAAH HAJI (PJH)

Sebanyak 25 buah syarikat yang terdiri daripada 22 syarikat berpengalaman dan tiga (3) syarikat baru telah diberikan Lesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) 1445H/2024M, termasuk TH Travel & Services Sdn. Bhd. untuk mengelolakan jemaah haji Malaysia bagi Musim Haji 1445H/2024M. Majlis Serahan Lesen PJH 1445H/2024M telah disempurnakan pada 7 Disember 2023 bertempat di Dewan Besar **TH**.

Karnival Haji merupakan pusat sehenti bagi bakal haji yang ingin menunaikan ibadat haji secara pakej. Pada 19 hingga 21 Januari 2024, **TH** dengan kerjasama Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitra) telah menganjurkan Karnival Haji bertempat di Hotel Movenpick & Pusat Konvensyen dan mendapat sambutan dengan kehadiran lebih 16,000 orang pengunjung. Karnival ini telah dirasmikan oleh YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Haji Mokhtar, Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) yang turut melancarkan Pakej Haji Rahmah dengan harga kurang daripada RM50,000.



In addition to Malaysian staff, the operations in the Holy Land were supported by local staff.

The Homeland Hajj Operations (OHTA) also plays a significant role in the overall success of the hajj operations. Therefore, **TH** has prepared hajj officers working in the Homeland by organising the Strengthening Programme for Homeland Hajj Officers, which was held from 17 to 19 May 2023, involving a total of 145 participants. This programme provided insights into hajj management and the handling of hajj pilgrims to ensure the smooth operation of flights at all departure stations.

LICENSED HAJJ OPERATORS (PJH)

A total of 25 companies, comprising 22 experienced companies and three (3) new companies, were granted the Licensed Hajj Operator (PJH) for the 1445H/2024M season, including TH Travel & Services Sdn. Bhd., to manage Malaysian hajj pilgrims. The PJH 1445H/2024M License Handover Ceremony was conducted on 7 December 2023, at the **TH** Grand Hall.

The Hajj Carnival is a one-stop centre for pilgrims who wish to perform hajj through a private package. From 19 to 21 January 2024, **TH**, in collaboration with Persatuan Syarikat Pengendalian Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitra), had organised the Hajj Carnival at the Movenpick Hotel & Convention Centre, attracting over 16,000 visitors. The carnival was officiated by YB Senator Dato' Setia Dr. Mohd Na'im Haji Mokhtar, the Minister in the Prime Minister's Department (Religious Affairs), who also launched the Rahmah Hajj Package priced under RM50,000.



OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE

02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT

PERJALANAN HAJI

Bagi melancarkan proses perlepasan jemaah haji, sebanyak lapan (8) stesen berlepas telah dikenalpasti sebagai tempat jemaah haji melapor diri. Stesen tersebut adalah seperti berikut:

HAJJ JOURNEY

To facilitate the hajj pilgrims' departure process, eight (8) departure stations were identified as check-in points for hajj pilgrims. The stations were as follows:

Alor Setar, Kedah

RAIA Hotel & Convention Centre Alor Setar

Kota Bharu, Kelantan

Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra

Kota Kinabalu, Sabah

RAIA Hotel, Kota Kinabalu

Pulau Pinang

RAIA Inn Pulau Pinang

Kuala Terengganu, Terengganu

Lapangan Terbang Sultan Mahmud

KLIA, Sepang

Movenpick Hotel & Convention Centre KLIA

Johor Bahru, Johor

Lapangan Terbang Antarabangsa Senai

Kuching, Sarawak


RAIA Hotel & Convention Centre Kuching

Pra-perlepasan jemaah haji atau “Makkah Route” yang disediakan oleh Kerajaan Arab Saudi dengan kerjasama Kerajaan Malaysia diteruskan pada musim haji kali ini bagi memberi keselesaan kepada jemaah haji dan menjimatkan masa menunggu di lapangan terbang di Jeddah dan Madinah.

Kuota rasmi Malaysia bagi Musim Haji 1445H/2024M adalah seramai 31,600 dengan pecahan seperti berikut:-

The pre-departure arrangements for the pilgrims, or the “Makkah Route,” provided by the Saudi Arabian Government in collaboration with the Malaysian Government, continued this hajj season to offer comfort to the pilgrims and reduce the waiting time at the airports in Jeddah and Madinah.

The official hajj quota for Malaysia for the 1445H/2024M Hajj Season was 31,600, divided as follows:



TH telah melantik Malaysia Airlines Berhad (MAB) dan Saudia Airlines (SAUDIA) untuk menyediakan perkhidmatan penerbangan carter haji kepada semua jemaah haji Malaysia. Sebanyak 100 penerbangan carter telah digunakan untuk membawa jemaah haji pergi dan balik dari lapangan terbang KLIA ke Jeddah ataupun Lapangan Terbang Madinah. MAB telah menguruskan sebanyak 55 penerbangan, manakala baki sebanyak 45 penerbangan lagi diuruskan oleh pihak SAUDIA.

TH has appointed Malaysia Airlines Berhad (MAB) and Saudia Airlines (SAUDIA) to provide charter flight services for all Malaysian pilgrims. A total of 100 charter flights were used to transport the pilgrims to and from KLIA to Jeddah or Madinah airports. MAB managed 55 flights, while SAUDIA managed the remaining 45 flights.

Penerbangan telah dilaksanakan dalam dua (2) fasa iaitu Fasa pertama daripada KLIA ke Madinah/Jeddah bermula 9 Mei 2024 sehingga 8 Jun 2024. Manakala Fasa kedua pula iaitu daripada Jeddah/Madinah ke KLIA bermula 24 Jun 2024 sehingga 19 Julai 2024.

Bagi Musim Haji 1445H/2024M, penempatan bagi jemaah haji Muassasah telah melibatkan 12 bangunan penginapan di Makkah yang dibahagikan kepada empat (4) zon iaitu:

- Zon A – Shuib Amir/Sulaimaniyyah**
- Zon B – Ajyad Masafi**
- Zon C – Hafae'r**
- Zon D – Misfalah**

Manakala di Madinah pula, sebanyak tiga (3) hotel telah digunakan di bawah pengawasan dua (2) zon. Pelbagai perkhidmatan nilai tambah disediakan di setiap bangunan penginapan untuk kemudahan jemaah seperti perkhidmatan dobi, komunikasi, kafeteria dan program ziarah. Perkhidmatan Penghantaran Barang Jemaah Haji juga disediakan di bangunan penginapan bagi memudahkan jemaah haji menguruskan penghantaran barang ke Tanah Air.

TH dengan kerjasama tempatan, Bank Alinma telah menambah dua (2) lagi mesin ATM di bangunan penginapan Land Premium bagi memudahkan jemaah haji membuat pengeluaran wang tanpa perlu berjalan jauh. Ini merupakan tambahan mesin ATM yang ditempatkan di bangunan penginapan jemaah haji Malaysia atas usaha dan kerjasama semua pihak selain sedia ada di Abraj Janadriah.

Jemaah haji Muassasah disediakan makan tengahari dan makan malam di semua bangunan penginapan di Makkah dan Madinah. Penyediaan makanan ini adalah di bawah kawal selia **TH** sepenuhnya bagi menjamin kualiti makanan yang terbaik.

Kesihatan jemaah haji sentiasa menjadi keutamaan **TH**. Pada Musim Haji 1445H/2024M, secara keseluruhannya **TH** telah menyediakan sebanyak 13 fasiliti kesihatan yang ditempatkan di setiap bangunan penginapan jemaah, dua (2) fasiliti kesihatan kecemasan ditempatkan di bangunan Abraj Janadriah dan Land Premium, serta dua (2) pusat rawatan iaitu Pusat Rawatan **TH** Makkah dan Pusat Rawatan **TH** Madinah.

Bagi menambahbaik perkhidmatan, unit farmasi telah memperkenalkan 'Sudut Kaunseling Ubat' di mana jemaah haji boleh mendapatkan nasihat pakar mengenai penggunaan ubat-ubatan termasuklah cara penyimpanan dan pengendalian ubatan yang betul terutama di dalam cuaca panas yang mencecah 50°C. Aktiviti Ziarah Rahmah ke bilik penginapan jemaah haji juga diteruskan bagi mengenalpasti keadaan kesihatan jemaah haji yang memerlukan rawatan dan khidmat nasihat kesihatan.

The flights were conducted in two (2) phases: the first phase from KLIA to Madinah/Jeddah started from 9 May 2024 to 8 June 2024. The second phase, from Jeddah/Madinah to KLIA, began from 24 June 2024 to 19 July 2024.

For the 1445H/2024M Hajj Season, the accommodation for Muassasah pilgrims in Makkah involved 12 buildings, divided into four (4) zones:

- Zon A – Shuib Amir/Sulaimaniyyah**
- Zon B – Ajyad Masafi**
- Zon C – Hafae'r**
- Zon D – Misfalah**

Meanwhile, in Madinah, three (3) hotels were used under the supervision of two (2) zones. Various value-added services were provided in each accommodation building for the convenience of the pilgrims, such as laundry, communication services, cafeterias, and visits. Postal services were also available at the accommodation buildings to assist pilgrims in managing the delivery of their belongings back to their home country.

TH, in collaboration with Bank Alinma, added two (2) more ATM machines in the Land Premium accommodation building to allow pilgrims to withdraw money without having to go far. This addition of ATM machines at the Malaysian hajj pilgrims' accommodation was part of the efforts and collaboration of all parties, in addition to the existing machines at Abraj Janadriah.

Muassasah pilgrims were provided with lunch and dinner at all accommodation buildings in Makkah and Madinah. The food was prepared under the full supervision of **TH** to ensure the best quality.

The health of the pilgrims is always a priority for **TH**. For the 1445H/2024M Hajj Season, **TH** set up 13 clinics in each accommodation building, two (2) emergency clinics at the Abraj Janadriah and Land Premium buildings, as well as two (2) treatment centres, namely the **TH** Makkah Treatment Centre and the **TH** Madinah Treatment Centre.

To improve services, a 'Medication Counselling Corner' was introduced by the Pharmacy Unit where pilgrims could consult experts on the proper use, storage, and handling of medications, especially in the intense heat reaching 50°C. The Ziarah Rahmah activity continued to be implemented this season to check the health of pilgrims and offer medical advice.

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT

Tanggal 8 Zulhijjah 1445H bersamaan dengan 15 Jun 2024 iaitu sehari sebelum hari Wukuf, semua jemaah haji telah digerakkan daripada bangunan penginapan di Makkah ke Arafah secara berperingkat seawal pukul 8 pagi. Kerajaan Arab Saudi telah memperkenalkan usaha menswastakan semua perkhidmatan Muassasah buat julung kalinya untuk menambahbaik perkhidmatan Masya'ir kepada jemaah haji seluruh dunia. Perkhidmatan porter telah disediakan oleh pihak Mashariq buat bagi membantu melancarkan pergerakan jemaah haji ke Masya'ir.

Muassasah Tewafa Asia Tenggara telah diswastakan kepada syarikat Mashariq bermula Musim Haji 1444H/2023M. Sejak Muassasah Tewafa Asia Tenggara diswastakan sepenuhnya, perkhidmatan Masya'ir terus ditambahbaik untuk keselesaan jemaah haji seluruh dunia. Antara penambahbaikan yang dilakukan pada musim haji kali ini adalah penyediaan set bantal, dan selimut yang divakum, bilangan pendingin hawa dan tandas yang dipertingkatkan, penyediaan karpet yang lebih tebal dan selesa, penyediaan dinding khemah dengan material *gypsum board* yang kalis api, pantry layan diri di setiap Maktab serta tempat berteduh yang menggunakan material *double layer shield* di kawasan menunggu bas di Muzdalifah. Sajian makanan pula disediakan secara *ready-to-eat* (RTE) yang dikendalikan sepenuhnya oleh Mashariq.

Sebanyak 50 peratus jemaah haji Malaysia telah diuruskan untuk melaksanakan Nafar Awwal pada 12 Zulhijjah dan selebihnya melakukan Nafar Thani. Manakala sistem 'Tarakudiah' atau penggiliran bas dari Arafah, Muzdalifah dan Mina melibatkan 3 hingga 9 pusingan bagi setiap bas.

On the 8th of Zulhijjah 1445H, which corresponds to 15 June 2024, a day before the Day of Arafah, pilgrims were moved from their accommodations in Makkah to Arafah in stages, starting as early as 8 am. For the first time, the Saudi Arabian had introduced privatisation of all Muassasah services to improve the Masya'ir services for pilgrims from around the world. Porter services were introduced by Mashariq to help ease the movement of pilgrims to the Masya'ir.

The Muassasah Tewafa for Southeast Asia was privatised to Mashariq Company starting from 1444H/2023M. Since the full privatisation of Muassasah Tewafa for Southeast Asia, the Masya'ir services have been continuously improved for the comfort of pilgrims worldwide. Some of the improvements made this season include the provision of vacuum-sealed pillows, mattresses, and blankets, an increase in the number of air conditioners and toilets, thicker and more comfortable carpets, the use of fireproof gypsum board for tent walls, self-service pantries in every Maktab, and shelters made from double-layer shield materials in the waiting areas for buses in Muzdalifah. Ready-to-eat (RTE) meals, fully managed by Mashariq, were also provided.

50 per cent of Malaysian pilgrims performed Nafar Awwal on the 12th of Zulhijjah, and the rest performed Nafar Thani. The "Tarakudiah" system involves bus rotations from Arafah, Muzdalifah, and Mina, with each bus making between 3 to 9 rounds.



Selaras dengan transaksi tanpa tunai yang sedang giat dilaksanakan di Arab Saudi, **TH** dengan kerjasama Bank Islam bagi dua (2) tahun berturut-turut telah menawarkan perkhidmatan kad debit dengan pengecualian caj bagi pengeluaran wang di mesin ATM di Makkah dan Madinah sepanjang musim haji. **TH** juga bekerjasama dengan bank tempatan Arab Saudi, Alinma Bank untuk menyediakan mesin ATM pada tiga (3) bangunan penginapan jemaah haji untuk kemudahan jemaah haji.

PENCAPAIAN RANGKA TINDAKAN PENGURUSAN
HAJI 2021-2025


Pada tahun keempat pelaksanaan Blueprint Haji, pencapaian keseluruhan telah mencapai 82 peratus. Sejumlah 41 program telah dilaksanakan berdasarkan lima (5) teras.

In line with the cashless transaction system being actively implemented in Saudi Arabia, **TH**, in collaboration with Bank Islam has offered debit card services with no withdrawal fees at ATMs in Makkah and Madinah for two consecutive years during the hajj season. **TH** also collaborated with the local Saudi Arabian bank, Alinma Bank, to provide ATMs in three (3) pilgrims accommodation buildings for the convenience of hajj pilgrims.



ACHIEVEMENT OF THE HAJJ BLUEPRINT
FRAMEWORK 2021-2025

In the fourth year of the Hajj Blueprint's implementation, 82 per cent of overall plans have been achieved. A total of 41 programmes have been delivered across five (5) key thrusts.


Pencapaian Prestasi Syot Kilat pada 2021-2024 (Papan Pemuka Blueprint Haji)
Snapshot of Performance Achievements in 2021-2024 (Hajj Blueprint Dashboard)



2024
Jumlah Program / Total Programmes 33
Selesai / Completed 27
Tertangguh / Delayed 6



2022
Jumlah Program / Total Programmes 42
Selesai / Completed 38
Tertangguh / Delayed 4



2023
Jumlah Program / Total Programmes 41
Selesai / Completed 35
Tertangguh / Delayed 6



2021
Jumlah Program / Total Programmes 31
Selesai / Completed 29
Tertangguh / Delayed 2

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

02 - PENGURUSAN HAJI / HAJJ MANAGEMENT

Ini menunjukkan kemajuan yang signifikan dalam mencapai matlamat yang dirancang sepanjang tempoh tersebut. Dengan baki satu tahun lagi, terdapat 28 program yang masih perlu dilaksanakan di bawah lima (5) teras utama iaitu Teras 1: Perundangan dan Tadbir Urus, Teras 2: Pelanggan, Teras 3: Perkhidmatan, Teras 4: Bimbingan, dan Teras 5: Kewangan.

Bagi memastikan kejayaan sepenuhnya untuk tempoh setahun terakhir, fokus perlu diberikan kepada;

1. Pemantauan intensif ke atas kemajuan setiap program
2. Penilaian semula keutamaan program untuk memastikan sumber diagihkan secara optimum.
3. Kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan utama.
4. Peningkatan kecekapan operasi bagi mengatasi sebarang halangan dalam pelaksanaannya.

TH akan kekal sebagai institusi berprestasi cemerlang yang dihormati atas perkhidmatan haji bertaraf dunia yang dibanggakan oleh semua pemegang taruhnya. Lima teras utama tersebut akan menentukan amalan pengurusan terbaik melalui sesi libat urus dan kerjasama penuh setiap jabatan di **TH**.

Dengan perlaksanaan yang menyeluruh, *Hajj Blueprint* akan memastikan kecemerlangan dan pengalaman haji yang lancar serta berkesan untuk semua pihak.

PENUTUP

Kejayaan operasi haji bagi Musim Haji 1445H/2024M tidak datang dengan mudah. Ia merupakan hasil perancangan dan persiapan teliti yang dilakukan oleh **TH** dan semua pihak termasuk agensi Kerajaan yang turut serta menyumbang dalam pelaksanaan operasi sama ada di Tanah Air mahupun di Tanah Suci. Kerjasama dan sokongan Kerajaan Malaysia serta keakraban hubungan diplomatik dengan Kerajaan Arab Saudi juga turut menyumbang kepada kejayaan ini saban tahun.

This shows significant progress in achieving the planned goals over the period. With one year remaining, there are 28 programmes still to be implemented under five (5) main thrusts, namely Thrust 1: Legislative and Governance, Thrust 2: Clients, Thrust 3: Services, Thrust 4: Guidance, and Thrust 5: Finance.

To ensure complete success for the final year, focus needs to be given to;

1. Intensive monitoring of each programme's progress
2. Re-evaluation of programme priorities to ensure optimal allocation of resources.
3. Strategic collaboration with key stakeholders.
4. Improved operational efficiency to overcome any obstacles in its implementation.

TH will remain an institution of excellence that is respected for its world-class hajj services that all its stakeholders take pride in. The five main thrusts will determine best management practices through engagement sessions and full cooperation of each department in **TH**.

With comprehensive implementation, the Hajj Blueprint will ensure excellence and a smooth and effective hajj experience for all parties.

CONCLUSION

The successful **TH** Hajj Operation for the 1445H/2024M Hajj Season was the culmination of meticulous planning and collaborative effort. **TH**, alongside various government agencies in Malaysia and the Holy Land, worked diligently to ensure its success. The cooperation and support of the Malaysian Government, as well as the close diplomatic relations with the Government of Saudi Arabia, have also contributed to this success year after year.

03 - PENGURUSAN DEPOSIT / DEPOSIT MANAGEMENT



TH komited meneruskan kesinambungan dalam pengurusan deposit dan merealisasikan hala tuju HIJRAH24. Pelbagai program dan aktiviti terus dilaksanakan bagi memastikan pencapaian matlamat pada tahun terakhir pelaksanaan HIJRAH24. Inisiatif-inisiatif ini bertujuan untuk merealisasikan penyampaian perkhidmatan yang efisien dan memberikan pengalaman terbaik kepada semua pemegang taruh **TH** khususnya para pendeposit.

TH is committed to maintaining continuity in managing our deposits and achieving the objectives of HIJRAH24. Various programmes and activities continue to be implemented to ensure the goals are met in the final year of the HIJRAH24 transformation plan. These initiatives aim to deliver efficient services and provide the best experience for **TH** stakeholders, especially our depositors.

TH telah mempelopori pelbagai inisiatif, berkongsi pengalaman dan membangunkan aktiviti serta program untuk kepentingan pendeposit. Walaupun menghadapi situasi ekonomi, politik tempatan, dan global yang mencabar pada tahun 2024, **TH** terus mencapai kejayaan mampan dalam memberikan perkhidmatan yang optimum kepada para pendeposit.

Inisiatif memperkasakan operasi diteruskan melalui kerangka rasionalisasi perkhidmatan dan operasi pejabat cawangan bagi memberi nilai tambah perkhidmatan kepada semua pemegang taruh. Ini bertujuan memastikan perkhidmatan **TH** terus kekal relevan dan berada pada landasan sewajarnya.

Bagi tahun 2024, pengurusan deposit memfokus kepada elemen peningkatan pendeposit baharu; pertambahan pengguna baharu aplikasi THiJARI; pembangunan produk dan perkhidmatan berteraskan pulangan; indeks kepuasan pelanggan dan peningkatan saiz dana pendeposit.

Pada tahun 2024, jumlah pendeposit meningkat daripada 9.15 juta kepada 9.55 juta, dengan nilai dana bertambah daripada RM89.01 bilion kepada RM91.75 bilion.

TH has pioneered various initiatives, shared its experiences and developed activities and programmes for the benefit of depositors. Despite facing challenging economic, local, and global political conditions in 2024, **TH** continues to achieve sustainable success in providing optimal services to its depositors.

The initiative to empower operations is continued through the rationalization framework of branch office services and operations to add value to services for all stakeholders. This aims to ensure that **TH**'s services remain relevant and are on the right track.

For the year 2024, deposit management focused on the element of increasing new depositors; increasing new users for the THiJARI application; return-driven product and service development; customer satisfaction index and increase in depositor fund size.

In 2024, the number of depositors increased from 9.15 million to 9.55 million, with the funds increasing from RM89.01 billion to RM91.75 billion.

ASPIRASI HIJRAH24
HIJRAH24 Aspirations



Meningkatkan Kemampunan Deposit
Improving Deposit Sustainability



Memperkasakan Penyampaian Perkhidmatan
Empowering Service Delivery



Memacu Pengalaman Digital
Driving Digital Experiences



9.55
Juta Pendeposit
Million Depositors
2023: 9.15 juta / million



RM91.75
Bilion Deposit
Billion Deposits
2023: RM89.01 bilion / billion

OBJEKTIF STRATEGIK

STRATEGIC OBJECTIVE

03 - PENGURUSAN DEPOSIT / DEPOSIT MANAGEMENT

MENINGKATKAN KEMAMPAHAN

DEPOSIT DAN KESETIAAN

PENDEPOSIT

Transaksi elektronik atau transaksi atas talian terus meningkat pada tahun 2024, memudahkan pendeposit dalam urusan kewangan dan bukan kewangan **TH**.

Kerjasama erat dengan rakan perbankan strategik sedia ada terus dikukuhkan bagi penyediaan saluran dan perkhidmatan dalam talian yang lebih mudah dan efisien kepada para pendeposit. Perkhidmatan **TH** boleh diakses melalui platform perbankan atas talian bank-bank rakan strategik. Tahap keselamatan dan kawalan juga sentiasa dipertingkatkan dalam usaha memberikan jaminan terhadap perkhidmatan secara maya. Tambahan juga, tahap kawalan dalaman perkhidmatan **TH** adalah setara dengan amalan pasaran bagi memastikan transaksi perkhidmatan dapat dilakukan oleh pendeposit dengan selamat dan mudah.

Dalam masa yang sama, saluran-saluran alternatif lain seperti *uniteller* dan ejen kutipan terus dikekalkan bagi memberi platform pilihan saluran perkhidmatan kepada pendeposit agar lebih selesa dan memudahkan mereka berurusan selain meningkatkan capaian perkhidmatan **TH**.

IMPROVING DEPOSIT

SUSTAINABILITY AND DEPOSITORS'

LOYALTY

Electronic transactions or online transactions continued to increase in 2024, facilitating depositors in both financial and non-financial matters of **TH**.

Close cooperation with existing strategic banking partners continues to be strengthened to provide easier and more efficient online channels and services for depositors. **TH** services can be accessed through the online banking platforms of strategic partner banks. Security and control levels are continuously enhanced to ensure the safety of virtual services. Additionally, **TH's** internal control measures are aligned with market practices to ensure that depositors can conduct service transactions securely and conveniently.

At the same time, alternative channels such as uniteller and collection agents are maintained to provide depositors with more convenient service options, making their transactions easier while enhancing the accessibility of **TH** services.



Kaunter Bergerak **TH**
TH Mobile Counter

10,000

Jumlah Titik Sentuh

Total Touchpoints

Transaksi Dalam Talian

Online Transactions

17,087,620

2024

16,119,778

2023

Transaksi ATM & CDM

ATM & CDM Transactions

4,954,358

2024

5,876,861

2023

Transaksi **TH** Cawangan

TH Branches Transactions

3,753,226

2024

3,950,487

2023

Transaksi *Uniteller*

Uniteller Transactions

262,542

2024

286,605

2023

Transaksi Ejen Kutipan

Collection Agent Transactions

68,859

2024

84,324

2023

Pada tahun 2024, **TH** meneruskan inisiatif pelan strategik tiga (3) tahun HIJRAH24 secara konsisten melalui kerangka pemasaran dan strategi cawangan bergerak. Pelan dan aktiviti pemasaran yang berkesan dan agresif secara fizikal dan dalam talian turut dilaksanakan bagi mempromosi faedah menabung bersama **TH** kepada golongan sasaran.

Sasaran utama adalah untuk meningkatkan saiz dana, jumlah simpanan dan menambah bilangan pendeposit. Lima (5) aktiviti kempen utama yang dilaksanakan adalah:

- » Kempen Al-Falah: Mensasar dan mengalakkan simpanan daripada golongan pendeposit 18 tahun dan ke atas.
- » Kempen Carum & Simpan: Mempromosikan potongan gaji bulanan di kalangan pendeposit yang berkerjaya.
- » Kempen Bijaknya Menabung: Mensasarkan dan menanam minat menabung bagi golongan berumur 17 tahun dan ke bawah.
- » Terpaling Sayang: Mempromosikan dan meningkatkan penyertaan pendeposit terhadap **TH** Khairat.
- » Auto Simpan@THiJARI - FPX: Galakan penggunaan platform simpanan secara atas talian.

TH turut menambah baik program **TH** Khairat dengan memperkenalkan Langganan Berganda serta berkolaborasi dengan THTS dalam mempromosikan pakej umrah dan perkhidmatan berkaitan.



In 2024, **TH** continues its three-year strategic plan initiative, HIJRAH24, consistently through the framework of marketing and mobile branch strategies. Effective and aggressive marketing plans and activities, both physical and online, are also implemented to promote the benefits of saving with **TH** to the target audience.

The main objective is to increase fund size, total savings and the number of depositors. The five (5) main campaign activities implemented are:

- » Al-Falah Campaign: Targeting and encouraging savings from depositors aged 18 and above.
- » 'Carum & Simpan' Campaign: Promote monthly salary deductions among working depositors.
- » 'Bijaknya Menabung' Campaign: Targeting and instilling an interest in saving for people aged 17 and under.
- » 'Terpaling Sayang' Campaign: Promoting and increasing depositors' participation in **TH** Khairat.
- » Auto Simpan @THiJARI - FPX: Encourage the use of online saving platforms.

TH also improved the **TH** Khairat Programme by introducing Double Subscription and collaborated with THTS to promote Umrah packages and related services.



OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE

03 - PENGURUSAN DEPOSIT / DEPOSIT MANAGEMENT

MEMPERKUKUKKAN PENYAMPAIAN
MAKLUMAT DAN PERKHIDMATAN
MELALUI TRANSFORMASI
PERKHIDMATAN

Tahun 2024 merupakan tempoh kelangsungan dan pemantauan operasi bagi pelaksanaan inisiatif penggabungan atau penyatuan cawangan yang melibatkan lapan (8) buah cawangan di Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan lapan (8) Pusat Perkhidmatan **TH** (PPTH) di seluruh negara (kecuali PPTH Langkawi dan PPTH Labuan).

Sejajar dengan inisiatif ini, aktiviti pemasaran luar premis dipergiatkan lagi dan dijenamakan semula sebagai **TH Gerak**. Pelaksanaan ini menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien dan mampu menyantuni lebih ramai pendeposit khususnya di kawasan luar bandar melalui pembukaan kaunter perkhidmatan dan produk **TH**.

TH Gerak dilihat lebih berkesan dan secara efektif mengukuhkan lagi aktiviti-aktiviti promosi perkhidmatan **TH**. Inisiatif turun padang ke tempat awam memperlihatkan langkah proaktif **TH** menyantuni pendeposit dan mendapat sambutan baik daripada orang ramai.

TH juga sedang menyediakan kerangka rasionalisasi cawangan-cawangan terpilih yang dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh tiga (3) tahun bermula 2025 sehingga 2027.

Bagi menilai kualiti penyampaian perkhidmatan, **TH** menggunakan Indeks Kepuasan Pelanggan (IKP) sebagai rujukan atau penanda aras kepuasan pelanggan terhadap perkhidmatan **TH**. Pengukuran tahap kepuasan ini dibahagikan kepada perkhidmatan kaunter dan Tabung Haji Contact Centre (THCC). Indeks Kepuasan Pelanggan bagi tahun 2024 menunjukkan keputusan yang cemerlang dengan pencapaian 96.18 peratus bagi perkhidmatan kaunter dan 100 peratus bagi THCC. Ia menunjukkan **TH** sentiasa memastikan penyampaian perkhidmatan kepada pendeposit berada pada tahap yang terbaik.

STRENGTHENING DELIVERY
OF INFORMATION AND
SERVICES THROUGH SERVICE
TRANSFORMATION

The year 2024 marks a period of continuity and operational monitoring for the implementation of the branch merger or consolidation initiative, involving eight (8) branches at Urban Transformation Centres (UTC) and eight (8) **TH** Service Centres (PPTH) across the country (except PPTH Langkawi and PPTH Labuan).

In line with this initiative, off-premise marketing activities were further intensified and rebranded as **TH Gerak**. This implementation offers more efficient services and can accommodate more depositors, especially in rural areas through the opening of **TH** service counters and products.

TH Gerak is seen to be more effective, and they further strengthen **TH** promotion activities effectively. The public responded favourably to the initiative, demonstrating **TH's** proactive efforts to ease and assist depositors.

TH is currently preparing the framework for the rationalisation process of selected branches and is expected to be implemented within three (3) years (2025 - 2027).

To evaluate the quality of service delivery, **TH** uses the Customer Satisfaction Index (CSI) as a reference or benchmark for customer satisfaction with our services. Level of satisfaction is divided into counter services and Tabung Haji Contact Center (THCC). The CSI for 2024 shows excellent results with the achievement of 96.18 per cent for counter service and 100 per cent for THCC. These further cements **TH's** commitment to ensure service delivery to depositors is at its best level.

5 Pejabat **TH** Wilayah
TH Regional Offices



14 Pejabat **TH** Negari
TH State Offices

107 Pejabat **TH** Cawangan
TH Branches

Jumlah Lokasi Cawangan Bergerak
Total Mobile Branch Locations

Bulan / Month	Jumlah Lokasi / No. of Locations
Januari / January	671
Februari / February	515
Mac / March	400
April / April	192
Mei / May	357
Jun / June	482
Julai / July	550
Ogos / August	596
September / September	511
Oktober / October	606
November / November	460
Disember / December	343
Jumlah / Total	5,683


Indeks Kepuasan Pelanggan
Customer Satisfaction Index



MELANGKAUI HAJI, KESEDIAAN MENDEPANI PENGALAMAN TRANSAKSI DIGITAL

THiJARI, sejak diperkenalkan pada 2020 dan sehingga kini telah menjadi medium pilihan utama pendeposit untuk melakukan urusan **TH**. Kini, lebih daripada 3.29 juta pendeposit telah mendaftar sebagai pengguna THiJARI. Transaksi pindahan wang menunjukkan peningkatan pindahan daripada **TH** ke **TH** dengan mencatatkan lebih 1.35 juta transaksi dengan jumlah lebih RM636.87 juta. Terimaan deposit melalui platform FPX sebanyak 1,865,690 transaksi dengan jumlah RM1.70 billion. Manakala, transaksi deposit melalui JomPAY mencatatkan 794,838 transaksi dengan jumlah RM551.66 juta.

Pengguna THiJARI & Transaksi Mengikut Tahun
THiJARI Users and Transactions By Year



TH juga telah menyediakan perkhidmatan Pindahan eTelegrafik dan eForm melalui THiJARI bagi memenuhi keperluan pendeposit yang kini lebih selesa dengan perkhidmatan dalam talian.

Selain itu, bagi melestarikan THiJARI, beberapa ciri baharu diperkenalkan untuk kemudahan jemaah haji antaranya permohonan rayuan haji, menjawab tawaran haji dan bayaran Dam dan Qurban. Sebanyak 36,911 tawaran haji telah diterima melalui THiJARI.

Manakala sebanyak 23,376 transaksi bayaran Dam telah dilakukan melibatkan jumlah keseluruhan sebanyak RM16,856,975. Begitu juga peningkatan transaksi Qurban di Tanah Suci dengan 12,549 permohonan berjumlah RM12,830,064 telah berjaya dilakukan melalui THiJARI.

BEYOND HAJJ, READINESS TO FACE DIGITALLY DRIVEN TRANSACTION EXPERIENCES

THiJARI, since its introduction in 2020, is now the primary choice for depositors to conduct **TH** transactions. Currently, more than 3.29 million depositors have registered as THiJARI users. Fund transfers show an increase in **TH** to **TH** transactions by recording over 1.35 million transactions with a total amount of over RM636.87 million. Deposits generated from the FPX platform amounted to 1,865,690 transactions with a total of RM1.70 billion. Meanwhile, deposit transactions through JomPAY recorded 794,838 transactions with a total of RM551.66 million.

TH has also provided eTelegraphic Transfer and eForm services through THiJARI to meet the expectations of depositors who are now more comfortable with online services.

In addition, to enhance THiJARI, several new features have been introduced for the convenience of hajj pilgrims, including the application for hajj appeals, responding to hajj offers, and payments for Dam and Qurban. A total of 36,911 hajj offers have been accepted through THiJARI this year.

Meanwhile, a total of 23,376 Dam payment have been made, involving a total amount of RM16,856,975. Similarly, there has been an increase in Qurban transactions in the Holy Land, with 12,549 applications totaling RM12,830,064 successfully processed through THiJARI.

OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE

03 - PENGURUSAN DEPOSIT / DEPOSIT MANAGEMENT

Transaksi di THiJARI / THiJARI Transactions



Ringkasan Akaun
Semak baki dan penyata akaun
Account Summary
Check balance and account statement



TH Khairat
Pendaftaran, semak status, kemaskini dan muat turun borang tuntutan
TH Khairat
Registration, Check status, Update and download claim form



Perkhidmatan Haji
Daftar, rayuan, semak status, semak tawaran, surat jadual penerbangan, Dam dan lain-lain
Haji Services
Register, appeal, check status and offers, flight schedule letters, Dam and more



Pembukaan Akaun Kanak-kanak
Buka akaun anak dibawah jagaan
Account Opening For Children
Account opening for children under care



Pindahan wang dari bank ke akaun **TH** melalui **FPX**
Bank to TH Account transfers via FPX



Qurban
Pembayaran Ibadah Qurban
Qurban
Payment of Qurban



Agihan Potongan Gaji
Semak/tetapkan agihan
Distribution of Salary Deductions
Check/set distribution



Kelab TaHa
Semak nombor keahlian Kelab TaHa
Kelab TaHa
Check Kelab TaHa membership number



Penamaan/Hibah Amanah
Semak Penama/Waris
Nomination/Hibah Amanah
Check Nominees/Beneficiaries



Sadaqah
Kepada TKJHM/TWT
Sadaqah
Towards TKJHM/TWT





Pendaftaran THiJARI
THiJARI Registration

599,840 **Pengguna Baharu**
New Users

menjadikan jumlah keseluruhan **3.29** juta pengguna
making a total of **3.29** million users



Peningkatan Transaksi
Increased Transactions

3.29 juta pengguna
million users

dengan lebih **116.08** juta / million
with over **116.08** juta / million

transaksi telah direkod sejak 2020.
transactions have been recorded since 2020.

Transaksi Sadaqah juga meningkat kepada
Sadaqah transactions also increased to **34,275**

transaksi dengan jumlah terkumpul
transactions with a cumulative total of **RM2.28** juta pada 2024.
million in 2024.



Kemudahan Haji
Hajj Facilities

Sebanyak **36,911**
A total of **36,911**

tawaran haji
hajj offers

telah diterima melalui THiJARI.
have been accepted through THiJARI this year.

**Kenaikan** **60%** **Rayuan Haji**
Increase **60%** **Hajj Appeals**

dilakukan di THiJARI berbanding 2023.
were made through THiJARI compared to 2023.

04 - MODAL INSAN / HUMAN CAPITAL



Dalam usaha untuk memacu kecemerlangan dan memperkukuhkan modal insan melalui inisiatif HIJRAH24, **TH** mengorak langkah strategik bagi meningkatkan pengurusan bakat dalam organisasi. Inisiatif ini bertujuan membentuk budaya berprestasi tinggi yang memacu daya saing dan mempersiapkan **TH** untuk mencapai misi yang lebih besar. Dengan berfokus pada pengurusan bakat, HIJRAH24 mengenal pasti potensi penuh setiap warga kerja, memastikan mereka terus berkembang dan menyumbang secara optimum kepada matlamat organisasi.

In an effort to drive excellence and strengthen human capital through the HIJRAH24 initiative, **TH** took strategic steps to improve talent management in the organisation. This initiative aims to create a high-performance culture that drives competitiveness and prepares **TH** to achieve a greater mission. With a focus on talent management, HIJRAH24 unearths the full potential of each employee, ensuring that they continue to grow and contribute optimally to the organisation's goals.

HIJRAH24 menjadi bukti dedikasi **TH** dalam melahirkan warga kerja berprestasi tinggi dan berintegriti, yang dapat mendepani cabaran dunia semasa dan masa hadapan dengan cemerlang.

PEMERKASAAN AL-FALAH **TH**

TH meneruskan usaha menzahirkan seruan slogan ‘Hayya ‘Alal Falah’ kepada semua warga kerjanya seiring dengan usaha melestarikan misi **TH**. Rangka Kerja Keupayaan Al-Falah & Budaya Kerja Al-Falah merupakan dua (2) inisiatif berkaitan dengan nilai Al-Falah yang terangkum dalam HIJRAH24.


Bagi merealisasikan hasrat HIJRAH24 dan budaya Al-Falah dapat dizahirkan di **TH**, asas pembentukan Al-Falah meletakkan nilai “Taqwa” yang mana warganya perlu menghayati prinsip 3i (Islam, Iman, Ihsan) di samping mencontohi nilai Siddiq, Amanah, Tabligh dan Fathonah serta membudayakannya dalam setiap gerak kerja di **TH**.

HIJRAH24 is proof of **TH**'s dedication to producing high-performing employees with integrity, who can face the challenges of the current and future world with excellence.

EMPOWERING **TH**'S AL-FALAH

TH continues its efforts to actualise the call of the slogan ‘Hayya ‘Alal Falah’ to all employees in line with efforts to continue **TH**'s mission. Al-Falah's Capability Framework & Al-Falah's Work Culture are two (2) initiatives related to the values of Al-Falah that are summarised in HIJRAH24.

To achieve the aspirations of HIJRAH24 and cultivate the culture of Al-Falah within **TH**, the foundation of Al-Falah lies in the value of “Taqwa.” Our workforce must adhere to the 3i (Islam, Iman, Ihsan) principles, while also embodying the values of Siddiq, Amanah, Tabligh, and Fathonah, integrating these principles into all aspects of **TH**'s operations.



OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE

04 - MODAL INSAN / HUMAN CAPITAL

Dalam memperkasakan budaya Al-Falah di **TH**, pelbagai inisiatif secara terancang dan berkesan giat dilaksanakan agar terus memberikan impak positif kepada modal insan di **TH** khususnya dan Kumpulan amnya.

Terdapat lima (5) segmen yang menjadi teras penggerak dalam memastikan budaya Al-Falah dapat diterapkan dalam diri warga kerja **TH**. Sepanjang 2024, kelima-lima segmen ini diaplikasikan melalui pelaksanaan 256 aktiviti atau program antaranya:

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Program Pembangunan Modal Insan merupakan program utama dalam membentuk sahsiah dan meningkatkan pengetahuan serta kemahiran warga **TH**. Pelbagai aktiviti berbentuk latihan dan kesedaran terus dilaksanakan supaya warganya memahami penghayatan sebenar slogan “Hayya ‘Alal Falah”.

Berikut adalah program Pembangunan Modal Insan yang dilaksanakan sepanjang 2024:

In empowering the Al-Falah culture at **TH**, various initiatives are planned and effectively implemented to continue providing positive impact on human capital at **TH** in particular and the Group in general.

There are five (5) segments that form the driving force in ensuring that Al-Falah culture is instilled in **TH** employees. Throughout 2024, these five segments were applied through the implementation of 256 activities or programmes including:

HUMAN CAPITAL DEVELOPMENT

The Human Capital Development Programme is the main programme that shapes the character and enhancing the skills and knowledge of **TH** employees. Various activities in the form of training and awareness continue to be implemented so that employees understand the true meaning of the slogan “Hayya ‘Alal Falah”.

Here are the Human Capital Development programmes implemented throughout 2024:

Bil. / No.	Nama Program / Programme Title	Penglibatan / Participation	Catatan / Scope
Pembangunan Sahsia / Sahsia Development			
1.	Program Sahsia Unggul (PSU2.0)	382 Warga TH / TH Employees	9 Siri / Series
2.	Kursus Kepimpinan Al-Falah (KKAF 2.0)	319 Warga TH / TH Employees	4 Siri / Series
3.	Kursus Kepimpinan Profesional Mukmin (K2PM)	682 Warga TH HQ / TH HQ Employees	7 Siri / Series
4.	Program Tahsin & Tafhim Qiraah	335 Warga TH / TH Employees	36 Kelas / Classes
5.	Program Liqa Mahabbah Al-Falah bersama Pengurusan TH	89 Pengurusan TH TH Management Personnel	2 Siri Setahun / Series Annually
6.	Kursus Bahasa Arab Al-Falah Bersijil	40 Warga TH / TH Employees	12 Jam Kredit / Credit Hours
7.	Tausiyah Al-Falah & Kapsul JMI Al Falah (Setiap pagi Jumaat) secara dalam talian / (Every Friday Morning) Online	Hampir 300 Warga TH sertai setiap siri / About 300 employees for each series	190 Siri / Series
Pembangunan dan Pembelajaran / Learning and Developmentt			
8.	Program Kepimpinan	*603 peserta / participants	28 bil. program / programmes 16 program fizikal / physical programmes 12 program e-pembelajaran / e-learning programmes
9.	Program Generik Teras	*3,515 peserta / participants	93 bil. program / programmes 75 program fizikal / physical programmes 18 program e-pembelajaran / e-learning programmes
10.	Program Fungsian Jabatan/Bahagian	*10,049 peserta / participants	364 bil. program / programmes 277 program fizikal / physical programmes 87 program e-pembelajaran / e-learning programmes

* Jumlah penyertaan peserta adalah secara kumulatif. / The number of participants is cumulative.

PEMBANGUNAN PELAN PENGGANTIAN

Pelan Penggantian di **TH** telah mengalami perubahan yang ketara sejak 10 tahun yang lalu. Semenjak perubahan signifikan yang dilaksanakan pada Pelan Penggantian Berstruktur pada tahun 2021, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam mengenal pasti, menilai, membangun dan menyediakan bakat berpotensi tinggi. Di antara aktiviti utama yang dijalankan termasuk penglibatan bersama pengurusan kanan untuk mengkaji kesediaan dan menyediakan Pelan Pembangunan Individu (IDP) bakal pengganti.

IDP yang komprehensif untuk bakal pelapis adalah berdasarkan rangka kerja IDP seperti gambarajah di bawah:

DEVELOPMENT OF SUCCESSION PLANNING

Succession Management in **TH** has undergone significant changes over the past 10 years. Since the inception of **TH** Structured Succession Planning in 2021, **TH** has made significant strides in identifying, assessing, developing, and preparing our high-potential talent. Key activities undertaken thus far include engagement with senior management to review the readiness and prepare the Individual Development Plan (IDP) of potential successors.

The comprehensive IDP for potential successors is based on the IDP framework as illustrated below:

Sampel / Sample		Pelan Pembangunan Individu 2023/2024 / Individual Development Plan 2023/2024			
A Pembelajaran Formal (10%) Formal Learning (10%)		B Pembelajaran Daripada Orang Lain (20%) Learning From Others (20%)			C Pembelajaran Daripada Pengalaman (70%) Learning From Experience (70%)
Kemahiran Sasaran: Kepimpinan/Teknikal Targeted Skills: Leadership/Technical		Sesi Bimbingan (Kepimpinan/Teknikal) Coaching (Leadership/Technical)			Kemahiran Sasaran: Kepimpinan/Kemahiran Teknikal Kompetensi Targeted skills: Leadership/Technical Competency
		Sesi / Session 1	Sesi / Session 2	Sesi / Session 3	% Selesai Completed
Memimpin Perubahan dan Inovasi Champion Change and Innovation					1. Role Play (Main Peranan) - Memainkan peranan bagi jawatan yang disasarkan dalam tempoh masa yang terhad Role Play - Acting the targeted position for a limited time 0%
Pembelajaran Formal - Kursus latihan bilik darjah atau dalam talian yang disasarkan kepada pembangunan kemahiran tertentu contohnya: - Platform pembelajaran dalam talian Udemy - Pendidikan Eksekutif dengan Institusi Pengajian Perniagaan terkemuka Formal Learning - Classroom or online training courses targeted toward specific skill development areas such as: - Udemy online learning platform - Executive Education with renowned Business Schools		Pembimbing/Mentor: Bimbingan untuk jurang kemahiran yang disasarkan bagi pembangunan dalam kemahiran kepimpinan dan teknikal. Tiga (3) sesi bimbingan untuk mengetahui: - Aspirasi untuk jawatan tersebut - Tahap kesediaan untuk jawatan yang disasarkan - Kekuatan (untuk mengisi jawatan tersebut) - Cabaran dan keperluan pembangunan Sesi 1 - Potensi untuk berkembang dalam TH dan berminat untuk mengisi jawatan tersebut. Melihat dan mengenal pasti kekuatannya untuk menilai tahap kesediaan semasa, cabaran yang dihadapi adalah... Aspek tumpuan pembangunan adalah... Sesi 2 Perbincangan/Bimbingan/Mentor mengenai aspek yang dikenal pasti (Fokus pada satu aspek pada satu masa) Sesi 3 - Semak kemajuan Coaching/Mentoring: Coaching for targeted skill gap for development in leadership and technical skills Three (3) coaching sessions to enquire: - Aspiration for the position - Readiness level for the targeted position - Strength (to fill the position) - Challenges and development needs Sesi 1 - Potential to grow in TH and interest to fill up the position. - View and identify strength of current readiness level, challenges encountered are... - The focus areas for development are... Sesi 2 Discuss/Coach/mentor on areas identified (Focus one area at a time) Sesi 3 - Review progress			Pembelajaran dari Pengalaman Latihan di Tempat Kerja Membentangkan kertas kerja pengurusan kepada MANCO, Jawatankuasa Lembaga atau Lembaga Penggiliran Jawatan Pemindahan sementara antara pelbagai pekerjaan. Memberi peluang kepada calon untuk merasai pengalaman dalam pelbagai perniagaan & kepimpinan Tugasan Mencabar Memberi tugas dan pekerjaan yang tidak berkaitan dengan peranan semasa. Memberi calon peluang untuk bekerja dengan tanggungjawab pekerjaan tahap seterusnya, contohnya: menyertai Innovation-Lab, membuat/menyemak polisi, menguruskan pekerja yang sukar, bertugas di anak syarikat, bertugas di kawasan fungsian baru Peninjaian Kerja (Job Shadowing) Bekerja bersama-sama dengan MCP dan mendapatkan pengalaman mengenai peranan dan tanggungjawab kerja tersebut Tugasan Silang Fungsional Bertugas dalam fungsi lain sama ada di dalam atau merentas jabatan/bahagian, contohnya: Petugas OHTA/OHTS, memangku jawatan lebih tinggi (yang kosong) Learning from Experience On-The-Job Training Present management paper to MANCO, Lembaga Committee or Lembaga Job Rotation Transfer for temporary periods of time between varying jobs. Provide nominees with a range of business & leadership experiences Challenging Assignment Assign a job that is not associated with current role. Provide an opportunity to work on next-level job responsibilities e.g. participate in Innovation-Lab, policy making/review, manage difficult employees, assign to subsidiary, work in new functional area Job Shadowing Work alongside and gain experience of the MCP role and gain an insight into that job responsibilities Cross Functional Job Assignment Assign a job of other functions within/cross department/division e.g. Petugas OHTA/OHTS, acting for higher post (that is vacant)

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

04 - MODAL INSAN / HUMAN CAPITAL

IDP menggariskan insentif pembangunan pembelajaran kepada tiga (3) kategori:

A. Pembelajaran Formal

- i. Pembelajaran bilik darjah atau sesi seperti
 - Persidangan Kepimpinan **TH** NextGen 2.0 bekerjasama dengan penyedia program pembelajaran dan pendidikan eksekutif yang terkenal seperti AIM, ASB, RSOG, Arbinger
 - Program simulasi kepimpinan
 - Perkongsian kepimpinan – pemimpin yang muncul melalui saluran bakat
- ii. Pembelajaran sendiri melalui Platform Pembelajaran Dalam Talian Terbuka (Udemy, LinkedIn Learning, Coursera, Harvard, dll.)

B. Belajar Daripada Orang Lain

- i. Bakal pengganti yang dilatih oleh penyandang
- ii. Bimbingan daripada pakar subjek lain (PKS), seperti rakan sebaya atau individu daripada jabatan atau organisasi lain

C. Belajar Secara Praktikal (Pengalaman)

- i. Tugas projek
- ii. Tugas tugas (iaitu Bengkel Perancangan Strategik oleh Bahagian Perancangan Korporat & Strategik)
- iii. Bayangan Kerja (MANCO, Jawatankuasa Lembaga, Jawatankuasa Peringkat Pengurusan)
- iv. Tugas kerja merentas fungsi (musim haji, tugas kerja merentas bahagian)

KESEJAHTERAAN WARGA **TH**

Program Kesejahteraan Warga **TH** ini menekankan elemen kesihatan psikologi mental & kesejahteraan yang perlu diberikan keutamaan dalam membangun modal insan yang seimbang dari segi pemikiran, emosi, tingkah laku dan kerohanian.

Sepanjang tahun 2024, sebanyak 71 program kaunseling telah diadakan, berteraskan kesejahteraan psikologi warga **TH**. Program-program yang dilaksanakan ini dinilai pada tahap cemerlang dengan purata penilaian tahap kepuasan peserta sebanyak 98.2 peratus. Program ini menyokong aspirasi HIJRAH24 – Kesejahteraan Mental & Pemerkasaan Kesejahteraan Psikologi.

The IDP outlines learning development incentives into three (3) categories:

A. Formal Learning

- i. Classroom learning or sessions such as
 - The **TH** NextGen 2.0 Leadership Conference in collaboration with well-known executive learning and education programme providers such as AIM, ASB, RSOG, Arbinger
 - Leadership simulation programme
 - Leadership sharing – leaders emerging through talent channels
- ii. Self-learning through Open Online Learning Platforms (Udemy, LinkedIn Learning, Coursera, Harvard, dll.)

B. Learning From Others

- i. Potential successors trained by incumbents
- ii. Mentoring from other subject matter experts (SMEs), such as peers or individuals from other departments or organisations

C. Practical Learning (Experience)

- i. Project assignment
- ii. Task assignments (i.e. Strategic Planning Workshop by Corporate & Strategic Planning Division)
- iii. Job Shadowing (MANCO, Board Committee, Management Level Committee)
- iv. Cross-functional work assignments (haji season, cross-departmental work assignments)

WELL-BEING OF **TH** EMPLOYEES

The **TH** Employees Well-being Programme emphasises the psychological health elements that need to be prioritised in developing balanced human capital in terms of thought, emotions, behaviour and spirituality.

Throughout the year 2024, a total of 71 counselling programs were held, pertaining to the psychological well-being of **TH** citizens. These implemented programmes are evaluated at an excellent level with the average participant satisfaction evaluated at 98.2 per cent. This programme supports the aspirations of HIJRAH24 – Mental Well-Being & Psychological Well-Being Empowerment.

PROGRAM PERSIJILAN

Bagi memastikan warga **TH** diiktiraf oleh agensi luar, seramai dua (2) orang telah menghadiri program persijilan profesional iaitu *Association of Chartered Certified Accountants (ACCA)* dan *Chartered Financial Analyst (CFA)*. Di samping itu juga, seramai 81 warga **TH** telah menghadiri program persijilan kompetensi kefungsian seperti *Certified Professional in Measurement and Verification*, *Certified Energy Manager (CEM)* dan Persijilan Kelayakan Bersekutu Kewangan Islam (AQIF).

PROGRAM PEMBANGUNAN KEPIMPINAN

Dalam usaha meningkatkan kemahiran kepimpinan di kalangan kumpulan Pengurusan, **TH** telah menganjurkan program *Executive Coaching for Senior Leaders*, *Certified Professional Mentor* dan *Next Generation Leadership Program 2.0* yang telah dihadiri seramai 100 orang.



PUSAT PEMBELAJARAN TH

Bagi menyokong inisiatif HIJRAH24 iaitu budaya kerja berprestasi tinggi, Pusat Pembelajaran yang dikenali sebagai **TH Talent Hub** telah disediakan bagi kemudahan dan persekitaran latihan yang mesra pelanggan serta kondusif kepada warga **TH**. **TH Talent Hub** ini bertempat di Lantai 21, Menara **TH** Tun Razak mempunyai tiga (3) bilik latihan dan tiga (3) Learning Cube bagi memudahkan pelaksanaan latihan secara fizikal serta atas talian.



CERTIFICATION PROGRAMME


To ensure that **TH** employees are recognised by external agencies, two (2) people attended professional certification programmes, namely the Association of Chartered Certified Accountants (ACCA) and Chartered Financial Analyst (CFA). In addition, 81 **TH** employees also attended functional competency certification programs such as Certified Professional in Measurement and Verification, Certified Energy Manager (CEM) and the Associate Qualifications in Islamic Finance (AQIF).

LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME

In an effort to improve leadership skills among the Management team, **TH** has organised the Executive Coaching for Senior Leaders, Certified Professional Mentor and Next Generation Leadership Programme 2.0 which were attended by 100 people.

TH LEARNING CENTER

To support the HIJRAH24 initiative of a high-performance work culture, a central Learning Centre known as the **Talent Hub** has been provided with facilities and a customer-friendly and conducive training environment for **TH** employees. The Talent Hub is located on the 21st Floor, Menara **TH** Tun Razak and has four (4) types of rooms equipped with the latest facilities for courses, seminars, workshops, presentations and online learning.



OBJEKTIF STRATEGIK
STRATEGIC OBJECTIVE

04 - MODAL INSAN / HUMAN CAPITAL

KEMASYARAKATAN

Inisiatif ini memastikan budaya Al-Falah **TH** turut diterjemahkan melalui libat urus bersama masyarakat luar melalui aktiviti sosial dan kebajikan. Sebanyak 12 aktiviti kemasyarakatan dilaksanakan sepanjang 2024.

PUSAT ILMU

Pada tahun 2024, dalam proses meningkatkan ilmu pengetahuan dan mewujudkan budaya Al-Falah yang berkualiti, sebanyak 127 program dilaksanakan melalui aktiviti berbentuk forum, daurah kitab, kuliah marathon dan sebagainya.

KERJASAMA KORPORAT


Pembentukan budaya Al-Falah melalui pelaksanaan program bersama syarikat subsidiari **TH** turut dilaksanakan. Sepanjang 2024, sebanyak 14 program dilaksanakan bersama warga subsidiari **TH** dan agensi luar.

Pelaksanaan semua program ini adalah bertujuan untuk memperkasakan budaya Al-Falah di **TH** dan memberi impak positif kepada modal insan itu sendiri, serta organisasi dan Kumpulan **TH** secara keseluruhan.

KAJI SELIDIK **TH** AL-FALAH 2024

Dalam usaha transformasi bagi mencapai objektif teras perniagaan dan kecemerlangan berterusan, keutamaan akan terus diberikan kepada warga kerja yang juga merupakan aset terpenting **TH**.

TH percaya pandangan dan suara warga kerja amat penting dan mampu mendorong ke arah perubahan besar yang memberi impak dalam organisasi.



SOCIETY

This initiative ensures that **TH**'s Al-Falah culture is also translated through engagement with the community through social and welfare activities. A total of 12 community activities were implemented throughout 2024.

KNOWLEDGE CENTRE

In 2024, in the process of improving knowledge and creating a quality Al-Falah culture, a total of 127 programmes were implemented through activities in the form of forums, book tours, marathon lectures and other such events.

CORPORATE COLLABORATIONS

The formation of Al-Falah culture through the implementation of joint programmes with **TH** subsidiary companies was also carried out. Throughout 2024, a total of 14 programmes were implemented with **TH** subsidiary employees and external agencies.

The implementation of all these programmes is aimed to strengthen the Al-Falah culture at **TH** and have a positive impact on the human capital itself, as well as **TH** and the Group as a whole.

TH AL-FALAH 2024 SURVEY

In the transformation effort to achieve core business objectives and continuous excellence, priority will continue to be given to employees who are also **TH**'s most important assets.

TH believes that the views and voices of employees are very important and can drive major changes that impact the organisation.



Kaji Selidik **TH** Al-Falah adalah kesinambungan daripada Kaji Selidik **TH** Keluarga Sejahtera 2022. Ia dijalankan sebagai komitmen berterusan untuk memupuk budaya kecemerlangan dalam **TH**. Menerusi kaji selidik ini, maklumat berharga diperolehi untuk mengenal pasti dan membuat penambahbaikan organisasi untuk manfaat seluruh warga **TH**.

Agensi Mercer (Malaysia) Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai perunding untuk mengurus dan mentadbir Kaji Selidik **TH** Al-Falah 2024 yang dilaksanakan pada September 2021, dengan penyertaan 98 peratus atau 1,784 warga kerja. Terdapat 58 soalan pilihan dan dua (2) soalan terbuka dengan pilihan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris. Antara soalan berkisar elemen pekerjaan seperti Persepsi Kepimpinan, Budaya dan Adat, Produktiviti Warga Kerja, Pembelajaran & Pembangunan, Keseimbangan Pekerjaan dan Hidup, Kebolehpayaan Infrastruktur, Kepelbagaian dan Keterangkuman, Kolaborasi & Kerja Berpasukan, Peluang Karier, Komunikasi, Pengurusan Prestasi, Ganjaran dan Pengiktirafan, dan Tingkah Laku terhadap Budaya Risiko dan Integriti.

Skor keseluruhan yang dicapai adalah sebanyak 88 peratus yang menunjukkan tahap kepuasan warga kerja **TH** telah melepasi penanda aras luar.

PROGRAM WARGA **TH** SIHAT

Misi 'Ke Arah Warga **TH** Sihat' diteruskan melalui program-program berbentuk sukan dan kesihatan sepanjang tahun kerana manfaat yang diberikan kepada kesejahteraan fizikal dan mental semua warga **TH**.

Program pengenalan dimulakan dengan Hari Kesedaran Kesihatan **TH** 2024 bertujuan meningkatkan kesedaran serta pengetahuan mengenai tahap kesihatan dalam kalangan warga **TH**.

Seperti mana tahun-tahun sebelumnya, Kempen Derma Darah dengan kerjasama Pusat Darah Negara terus dilaksanakan selain aktiviti mendaki gunung di beberapa lokasi.

Karnival Sukan 2024 bertemakan "Sihat Bersama" juga telah diadakan pada di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai, Negeri Sembilan dan menerima penyertaan warga **TH** daripada pejabat negeri dan anak syarikat kumpulan seperti **TH** Travel Services, **TH** Plantations dan **TH** Properties.

TH juga telah menyertai kejohanan besar di peringkat luar seperti Karnival Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun (SUPANUN) 2024 di Pusat Rekreasi, Pantai Balok Kuantan bermula 16 sehingga 20 Oktober 2024. Semua aktiviti sukan ini diharap dapat menerapkan gaya hidup sihat dan menggalakkan warga kerja untuk mencari peluang melakukan pelbagai aktiviti sukan dan rekreasi secara konsisten setiap hari.

The **TH** Al-Falah Survey was a continuation of the '*Keluarga Sejahtera TH*' Survey 2022. It was conducted as an ongoing commitment to foster a culture of excellence in **TH**. Through this survey, valuable information was obtained to identify and make organisational improvements for the benefit of all **TH** employees.

Mercer (Malaysia) Sdn. Bhd. was appointed as a consultant to manage and administer the 2024 **TH** Al-Falah Survey which was carried out in September 2021, with 1,784 employees or equivalent to 98 per cent having participated. There are 58 optional questions and two (2) open questions with Malay and English options. Among the questions revolved around job elements such as Leadership Perception, Culture and Customs, Employee Productivity, Learning & Development, Work and Life Balance, Infrastructure Capabilities, Diversity and Inclusion, Collaboration & Teamwork, Career Opportunities, Communication, Performance Management, Rewards and Recognition, and Behaviour towards Risk Culture and Integrity.

The overall score achieved was 88 per cent, indicating that **TH** employees' satisfaction exceeded the external benchmark.

TH EMPLOYEE WELLNESS PROGRAMMES

The mission "Towards Healthy **TH** Employees" continued through sports and health programs throughout the year, benefiting the physical and mental well-being of all **TH** employees.

The program kicked off with **TH** Health Awareness Day 2024, aimed at increasing awareness of the stages of health among employees.

As in previous years, the Blood Donation Campaign, in collaboration with the National Blood Center, continued, along with mountain climbing activities at various locations.

The 2024 Sports Carnival, themed "Healthy Together," was held at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) in Nilai, Negeri Sembilan. The carnival involved participation from **TH** employees across state offices and subsidiaries, including **TH** Travel Services, **TH** Plantations, and **TH** Properties.

TH has also participated in large outdoor tournaments such as the Statutory Body Association Beach Sports Carnival (SUPANUN) 2024 at the Recreation Centre, Balok Kuantan Recreation Beach from 16 to 20 October 2024. These sports activities aim to foster a healthy lifestyle and encourage employees to consistently engage in daily sports and recreational activities.

OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

04 - MODAL INSAN / HUMAN CAPITAL

Selain daripada aktiviti sukan, **TH** juga mengundang pakar-pakar kesihatan untuk meningkatkan kesedaran tentang penjagaan kesihatan dalam kalangan warga **TH** menerusi sesi webinar secara dalam talian. Sesi interaktif ini memberikan maklumat berguna dan mendorong semua warga **TH** untuk mengamalkan gaya hidup yang lebih sihat walaupun sibuk bekerja.

Gimnasium **TH** yang berada di tingkat 11, Menara **TH** Tun Razak telah dinaik taraf dengan penambahan dua bilik yang dikhususkan untuk wanita dan lelaki, bagi memberikan keselesaan dan privasi kepada semua pengguna. Kemudahan ini turut dilengkapi dengan peralatan moden dan terkini, menjadikan pengalaman senaman lebih selesa dan efektif. Peningkatan ini telah dilancarkan secara rasmi pada 6 Januari 2025 oleh Pengarah Urusan Kumpulan & Ketua Pegawai Eksekutif **TH**, sebagai usaha untuk meningkatkan kemudahan kepada warga **TH** dan menyokong gaya hidup sihat di kalangan semua.

AKTIVITI SUKARELAWAN **TH**

Warga kerja **TH** sentiasa bersedia sedia memberi sumbangan tenaga secara sukarela dalam aktiviti kemasyarakatan dan CSR dalam membantu golongan yang memerlukan.

Pada tahun 2024, **Program CSR Infaq Ramadan** di perkampungan Orang Asli telah dilaksanakan di dua (2) lokasi berikut:

1. **Perkampungan Orang Asli Batu 91/2, Batu 9 dan Batu 10, Jalan Pahang, Tapah, Perak** yang melibatkan penyertaan seramai lebih 50 orang Sukarelawan **TH** dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Seramai 170 Orang Asli daripada 33 buah keluarga telah menerima sumbangan berupa barang keperluan harian seperti beras, minyak masak dan lain-lain.
2. **Perkampungan Orang Asli Lata Kinjang, Chenderiang, Tapah, Perak** melibatkan penyertaan seramai lebih 50 orang Sukarelawan **TH** dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Negeri Perak. Seramai 260 Orang Asli daripada 54 buah keluarga telah menerima sumbangan berupa barang keperluan harian seperti beras, minyak masak dan lain-lain.

Selain itu, Sukarelawan **TH** juga sentiasa bersedia sedia untuk memberi khidmat tenaga dan bantuan kewangan apabila diperlukan terutamanya ketika musim banjir.

Aktiviti sukarelawan ini memberi peluang untuk warga **TH** sama-sama menyumbang kepada masyarakat yang memerlukan, malah masyarakat dapat melihat betapa pentingnya sebuah organisasi Islam seperti **TH** dalam memberi semula kepada pendeposit khususnya dan masyarakat lain amnya.

Apart from sports activities, **TH** also invited health experts to raise awareness about healthcare among its employees through online webinars. This interactive session provided useful information and encouraged all employees to adopt healthier lifestyles, despite their busy work schedules.

The Gymnasium at **TH**, located on the 11th floor of the **TH** Tun Razak Tower, has been upgraded with the addition of two rooms dedicated to women and men, to provide comfort and privacy for all users. The facility is also equipped with modern and up-to-date equipment, making the workout experience more comfortable and effective. This enhancement was officially launched on January 6, 2025, by the Group Managing Director & Chief Executive Officer and Chief Executive Officer (GMD&CEO) of **TH**, as part of an effort to improve facilities for **TH** employees and support a healthy lifestyle among all.

TH VOLUNTEERISM

TH employees are always ready to volunteer their time and effort in social and CSR activities to help those in need.

In 2024, the **CSR Infaq Ramadan Programme** in Indigenous villages has been implemented in the following two (2) locations:

1. **Perkampungan Orang Asli Batu 91/2, Batu 9 dan Batu 10, Jalan Pahang, Tapah, Perak** involving the participation of more than 50 **TH** Volunteers in collaboration with the Perak State Department of Islamic Religion. A total of 170 Indigenous people from 33 families have received donations in the form of daily necessities such as rice, cooking oil and others.
2. **Perkampungan Orang Asli Lata Kinjang, Chenderiang, Tapah, Perak** involved the participation of over 50 **TH** Volunteers in collaboration with the Perak State Department of Islamic Religion. A total of 260 Indigenous people from 54 families have received donations in the form of daily necessities such as rice, cooking oil and others.

In addition, **TH** Volunteers are always ready to provide support and financial assistance, especially during flood season.

These volunteer activities allow **TH** employees to contribute to communities in need. In addition, the community can see the importance of an Islamic organisation like **TH** in giving back to depositors in particular and the broader community.

Senarai Program Yang Telah Dijalankan oleh Jabatan Modal Insan Sepanjang 2024
List of Programmes Conducted by Human Capital Department Throughout 2024

PROGRAM TAHUN 2024 / 2024 PROGRAMME			
Bil. / No.	Kategori / Category	Program / Programme	Catatan / Scope
1.	Kesihatan & Kekayaan / Health & Wealth	Hari Kesihatan TH & Apa Kata Pakar	5 Siri / Series
		TH Bersenam	5 Siri / Series
2.	Permainan & Sukan / Games & Sports	Endurance Program Mendaki Gunung - Gunung Angsi, Irau, Ledang & Kinabalu	4 Siri / Series
		Sukan Antara Jabatan	1 Siri / Series
		Karnival Sukan TH	1 Siri / Series
		Kejohanan Sukan Pantai Persatuan Badan Berkanun	1 Siri / Series
3.	Program/CSR / Programme/CSR	Kempen Infak Ramadan (Sebulan) & CSR Serahan Infak Ramadan	2 Lokasi / Locations
		Kempen Derma Darah	2 Siri / Series
		Program Sambutan Hari Wanita	1 Siri / Series
		Program Antara Jabatan - Sambutan Bulan Kemerdekaan - Pertandingan Memasak - Sambutan Aidilfitri	4 Program / Programme
		Latihan Sukarelawan TH	1 Siri / Series



OBJEKTIF STRATEGIK STRATEGIC OBJECTIVE

05 - TADBIR URUS / GOVERNANCE



Struktur tadbir urus **TH** menjadi panduan kepada Lembaga **TH** untuk melaksanakan tanggungjawabnya berpanduan Akta **TH** 1995. Selaras dengan tanggungjawab sebagai sebuah badan berkanun dan sebahagian daripada fungsi-fungsinya, Lembaga merumuskan dan menentukan pentadbiran dan pengurusan polisi dan prosedur dalam memastikan **TH** mencapai objektif organisasi dengan cemerlang.

TH governance structure serves as a framework for the Lembaga of TH to exercise its duties under TH Act 1995. In line with its role as a statutory body and as part of its functions, the Lembaga of TH formulates and defines the administration of the policies and procedures to ensure TH is at its best in achieving its organisational objectives.

Struktur tadbir urus **TH** membantu Lembaga untuk mengenal pasti pengagihan hak dan tanggungjawab di kalangan pelbagai pihak berkepentingan yang berbeza. Selain daripada memelihara kepentingan pendeposit, Lembaga juga mengambil kira keperluan pihak berkepentingan yang lain termasuk warga kerja, pelanggan, pembekal dan masyarakat.

Lembaga melaksanakan beberapa tugas khusus seperti mengawal selia perjalanan operasi, mengenal pasti risiko-risiko utama dan memastikan pelaksanaan sistem yang sesuai untuk mengurus risiko berkaitan dan juga mengkaji kecukupan dan integriti sistem kawalan dalaman seperti yang diperincikan dalam Akta **TH** 1995 dan Piagam Lembaga **TH**.

Selaras dengan pelaksanaan dan Rangka Kerja Pengawasan **TH** dan Penilaian Keberkesanan Lembaga Pengarah (BDEE) yang telah dilaksanakan pada 2023, program-program latihan dan kursus telah diadakan secara berterusan untuk anggota Lembaga membantu dalam merapatkan sebarang jurang pengetahuan yang dikenal pasti oleh Lembaga atau setiap Anggota Lembaga. Kursus sedemikian juga membantu untuk mengikuti perkembangan terkini dalam peraturan dan persekitaran operasi. Kursus tersebut turut dihadiri oleh Ahli Panel Pelaburan dan Jawatankuasa Penasihat Syariah. Sepanjang tahun ini, beberapa kursus Lembaga telah diadakan, termasuk:

- » Pengurusan Risiko dan Pematuhan
 - Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Mencegah Pembiayaan Keganasan
 - Pengurusan Liabiliti Aset & Likuiditi
 - Pengurusan Insiden & Keselamatan Siber
- » Garis Panduan Zakat & Menginstitusikan Maqasid Syariah sebagai Elemen Pengawasan **TH**
- » Kursus untuk Pengarah Nomini “Demystifying The Dynamic Forces That Shape Board Relationships”

TH governance structure assists the Lembaga in determining the deliverable of rights and responsibilities among various stakeholders. Apart from safeguarding depositors’ interests, the Lembaga also contemplates the needs of other stakeholders including employees, customers, suppliers and the community.

The Lembaga performs a number of specific tasks such as regulating the course of operations, identifying key risks and ensuring the implementation of appropriate systems to manage related risks and also reviewing the adequacy and integrity of the system of internal control as detailed in the **TH** Act 1995 and the **TH** Board Charter.

In tandem with **TH** Stewardship Framework and the Board of Directors Effectiveness Evaluation (BDEE) exercise, which was implemented in 2023, continuous training programs for Lembaga Members were organised to bridge knowledge gaps identified by the Lembaga or individual members. Such training also helps to keep up with the most recent developments in regulation and the operational environment. The training programs was also attended by members of the Investment Panel and the Shariah Advisory Committee. Throughout the year, several Lembaga trainings were held, including:

- » Risk and Compliance Management
 - Anti-Money Laundering/Countering Financing of Terrorism
 - Asset Liability & Liquidity Management
 - Cyber Security & Incident Management
- » **TH** Zakat Guidelines & Institutionalizing Maqasid Shariah as Element of **TH** Stewardship
- » Nominee Director’s Training on “Demystifying The Dynamic Forces That Shape Board Relationships”

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

BANK ISLAM

Ditubuhkan pada 1 Julai 1983, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) telah memainkan peranan penting, melangkaui sempadan konvensional institusi kewangan. Sebagai perintis dalam penyelesaian perbankan dan kewangan patuh Syariah sepenuhnya, Bank Islam komited untuk memberikan perkhidmatan kewangan yang cemerlang sambil mengutamakan kesejahteraan semua pemegang kepentingannya.

Bank Islam menyokong kuat prinsip Alam Sekitar, Sosial, dan Tadbir Urus (ESG), meletakkan bank ke arah masa depan yang bukan sahaja kukuh dari segi kewangan tetapi juga tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar.

Sehingga akhir tahun 2024, rangkaian Bank Islam merangkumi lebih 130 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Selain itu, Bank Islam turut menyediakan pelbagai pilihan untuk pelanggan perbankan melalui platform digital, termasuk platform BIMB Web dan Perbankan Internet Bank Islam serta aplikasi mudah alih seperti BIMB Mobile, *GO by Bank Islam*, *BIMB Biz by Bank Islam*, *SMEXpert*, *Be U by Bank Islam* dan *eBanker Pro* untuk memastikan pengalaman perbankan yang selamat, mudah dan efisien.

Sebagai kumpulan kewangan Islam tersenarai awam, Bank Islam sedang melaksanakan strategi perniagaan lima tahun, LEAP 25, dengan matlamat jelas untuk meletakkannya sebagai penyedia penyelesaian kewangan ESG patuh Syariah dan peneraju dalam landskap perbankan digital dan kewangan sosial menjelang 2025.

Sebagai satu Kumpulan, Bank Islam melaporkan keuntungan bersih sebanyak RM571.1 juta untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2024.

Untuk meningkatkan daya saing dan ketahanan, Bank Islam terus memperhalusi penyelesaian kewangan yang berfokus kepada pelanggan. Bank komited untuk menyediakan produk dan perkhidmatan inovatif patuh Syariah yang memenuhi keperluan gaya hidup semasa.

Komitmen Kelestarian Bank Islam, yang berakar pada prinsip Pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) dan nilai-nilai Syariah, bersepadu secara strategik dengan objektif strategik korporatnya:

- » Komitmen 1: Mengurangkan pendedahan kepada sektor risiko mampan yang tinggi menjelang FY2030
- » Komitmen 2: Meningkatkan portfolio pembiayaan mampan kepada RM28 bilion menjelang akhir 2025.
- » Komitmen 3: Mencapai kedudukan neutral karbon dalam pelaksanaan operasi (pelepasan Skop 1 dan Skop 2) menjelang 2030

BANK ISLAM

Established on 1 July 1983, Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam) has played a pivotal role, going beyond the conventional boundaries of financial institutions. As the pioneer of fully Shariah-compliant banking and financial solutions, Bank Islam is committed to delivering financial excellence while advancing prosperity for all its stakeholders.

Bank Islam is a strong advocate of Environmental, Social, and Governance (ESG) principles, positioning the bank toward a future that is not only financially robust but also socially responsible and environmentally sustainable.

As of the end of 2024, Bank Islam's network spans over 130 branches and over 900 self-service terminals nationwide. Additionally, Bank Islam caters to the diverse banking preferences of its customers through digital platforms, including the BIMB Web and Bank Islam Internet Banking platforms and mobile applications such as BIMB Mobile, *GO by Bank Islam*, *BIMB Biz by Bank Islam*, *SMEXpert*, *Be U by Bank Islam*, and *eBanker Pro*, ensuring a secure, convenient, and efficient banking experience.

As a publicly listed full-fledged Islamic financial group, Bank Islam is actively executing its five-year business strategy, LEAP 25, with a clear aim to position itself as a comprehensive provider of Shariah-compliant ESG financial solutions and a leader in the digital banking landscape and social finance by 2025.

As a group, Bank Islam reported a net profit of RM571.1 million for the financial year ended 31 December 2024.

To enhance its competitiveness and resilience, Bank Islam continues to refine its customer-centric financial solutions. The bank remains committed to providing innovative Shariah-compliant products and services that meet contemporary lifestyle needs.

Bank Islam's Sustainability Commitments, rooted in Value-based Intermediation (VBI) principles and Shariah values, are strategically integrated with its corporate strategic objectives:

- » Commitment 1: Mitigate exposure to high sustainability risk sectors by FY2030
- » Commitment 2: To grow Sustainable Finance to RM28 billion by FY2025
- » Commitment 3: Achieve a carbon neutral position in operational conduct (Scope 1 and Scope 2 emissions) by 2030

SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

- » Komitmen 4: Menyokong ekonomi sebenar dan meningkatkan mobiliti komuniti melalui keusahawanan, peranan ekosistem dan kewangan sosial
- » Komitmen 5: Menghayati budaya berasaskan nilai dalam kalangan warga

Bank Islam telah melepasi sasaran awal RM4 bilion dalam pembiayaan hijau yang diluluskan pada akhir 2024, mengukuhkan komitmennya menyokong ekonomi hijau. Kejayaan ini telah mendorong kami meluaskan definisi, skop dan kriteria pembiayaan hijau dan kemampunan di bawah Komitmen Kemampunan 2 yang disemak semula, dengan sasaran baru untuk mencapai RM28 bilion dalam aset dan pembiayaan mampan menjelang TK2025.

Usaha inklusif Bank Islam yang patut dicontohi adalah inisiatif seperti Akaun Pelaburan Kestabilan Ihsan (ISIA), yang membolehkan pelanggan melabur dalam aset yang selaras dengan ESG dan UN SDG sambil menyumbang 2.50 peratus daripada pulangan kepada tujuan sosial melalui Pusat Pungutan Zakat MAIWP atau Sadaqa House Bank Islam. Pengenalan Kad Kredit-i Bank Islam *Mastercard Inspire*, yang menawarkan program kesetiaan yang ditingkatkan dan MikroTakaful untuk Pekerja Gig melalui aplikasi Be U, memenuhi keperluan pasaran yang pelbagai, termasuk segmen terpinggir.

Kewangan sosial tetap menjadi keutamaan dengan instrumen seperti zakat, wakaf dan sedekah digerakkan untuk manfaat komuniti yang kurang bernasib baik. Sejak 2018, Bank Islam melalui Sadaqa House, telah mengagihkan lebih RM50 juta bagi menyokong lebih 20,000 penerima. Ia melibatkan lebih daripada RM30 juta yang diperuntukkan untuk program usahawan iTEKAD dan pencepat pendanaan, menyokong lebih kurang 1,600 usahawan antara 2020 dan 2024. Melalui Sadaqa House, Bank Islam turut membiayai pendidikan lebih 171 pelajar setiap tahun, menyokong pelajar kurang bernasib baik di lebih 70 universiti, membiayai 38 generasi pertama mahasiswa melalui Program Sulung di Universiti Malaysia Kelantan dan membantu 33 bakal Akauntan dari latar belakang rentan.



- » Commitment 4: Advocate real economy and nurture community upward mobility through entrepreneurship, ecosystem play and social finance:

- » Commitment 5: Embody value-based culture in our people

Bank Islam has already surpassed its initial target of RM4 billion in green financing, recording RM4.9 billion in approved green financing by the end of 2024, further solidifying its commitment to supporting the green economy. This achievement has prompted us to broaden the definition, scope and criteria for green and sustainability-related financing under our revised Sustainability Commitment 2, with the new target of achieving RM28 billion in sustainable finance and assets by FY2025.

Bank Islam's inclusivity efforts are exemplified through initiatives like the Ihsan Sustainability Investment Account (ISIA), which allows customers to invest in ESG and UN SDG-aligned assets while contributing 2.50 per cent of returns to social causes through Pusat Pungutan Zakat MAIWP or Bank Islam's Sadaqa House. The introduction of the Bank Islam Mastercard Inspire Credit Card-i, featuring enhanced loyalty programs and Microtakaful for Gig Workers via the Be U app, addresses diverse market needs, including those of underserved segments.

Social finance remains a priority, with instruments like zakat, waqf, and sadaqa mobilised for underprivileged communities. Since 2018, through Sadaqa House, Bank Islam has disbursed over RM50 million, supporting over 20,000 recipients. This includes more than RM30 million allocated to the iTEKAD entrepreneurship and funding escalator programme, supporting about 1,600 microentrepreneurs between 2020 and 2024. Through Sadaqa House, Bank Islam also funds education for over 171 students annually, supports underprivileged students across 70 universities, sponsors 38 first-generation university students via Program Sulung at Universiti Malaysia Kelantan, and assists 33 aspiring accountants from vulnerable backgrounds.



Selain Program Biasiswa, Sadaqa House telah menambah baik surau di 36 sekolah luar bandar dan 20 rumah anak yatim, mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif untuk anak-anak belajar dan tinggal di institusi ini. Pada tahun 2025, Bank Islam akan menumpukan usaha ke arah keusahawanan dan pendidikan untuk membantu menghapuskan kitaran kemiskinan.

Anak syarikat Bank Islam, BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) dan BIMB Securities Sdn Bhd (BIMB Securities), terus menerajui industri sebagai firma pelaburan dan pembrokeran saham patuh Syariah untuk mengangkat lagi industri kewangan Islam.

BIMB Investment terus berkembang sebagai tindak balas kepada keadaan pasaran dan pilihan pelabur, menawarkan 16 dana pelaburan, termasuk tujuh dana Pelaburan Lestari dan Bertanggungjawab (SRI) yang patuh Syariah. Sehingga 31 Disember 2024, jumlah Aset di Bawah Pengurusan (AUM) dana SRInya mencapai RM496.5 juta. Aplikasi BEST yang direka untuk meningkatkan pengalaman pelanggan, kini mempunyai lebih 32,000 pelanggan berdaftar dengan RM7.9 juta dalam pengurusan pelaburan, mencerminkan daya tariknya dan penglibatan pengguna yang semakin meningkat.


Selain itu, BIMB Securities menyediakan peluang untuk melabur dalam syarikat patuh Syariah yang tersenarai di pasaran saham. Melalui aplikasi mudah alih BISONline, platform itu memproses lebih 19,000 transaksi pada tahun 2024, memberi perkhidmatan kepada komuniti yang semakin berkembang kepada lebih 15,300 pelanggan berdaftar. Pencapaian ini mencerminkan komitmen untuk menawarkan penyelesaian pelaburan patuh Syariah yang lancar dan mudah diakses.

In addition to the Scholarship Programme, Sadaqa House has upgraded suraus in 36 rural schools and 20 orphanages, creating a more conducive environment for children to study and live in these institutions. In 2025, Bank Islam will focus its efforts on entrepreneurship and education to help break the cycle of poverty.

To further elevate the Islamic financial sector, Bank Islam's subsidiaries, BIMB Investment Management Berhad (BIMB Investment) and BIMB Securities Sdn Bhd (BIMB Securities), continue to lead the industry as Shariah-compliant investment and stock brokerage firms.

BIMB Investment continues to evolve in response to market conditions and investor preferences, offering a diverse range of 16 investment funds, including seven Shariah-compliant Sustainable and Responsible Investment (SRI) funds. As of 31 December 2024, the total assets under management (AUM) of the SRI funds reached RM 496.5 million. The BEST app, designed to enhance the customer experience, now boasts over 32,000 registered users, with RM7.9 million in managed investments, reflecting its growing appeal and user engagement.

On the other hand, BIMB Securities provides investors with the opportunity to invest in Shariah-compliant companies listed on the stock market. Through its BISONline mobile app, the platform processed over 19,000 transactions in 2024, serving a growing community of more than 15,300 registered users. These milestones reflect its ongoing commitment to offering seamless and accessible Shariah-compliant investment solutions.



SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

Ditubuhkan pada 29 November 1984, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (“Takaful Malaysia”) adalah perintis dalam insurans Islam di negara ini. Sebagai syarikat insurans Islam pertama dalam industri insurans dan takaful Malaysia selama 40 tahun, Takaful Malaysia terus memimpin industri takaful tempatan dalam pelbagai portfolio perniagaan. Melalui rangkaian produk takaful keluarga dan am yang komprehensif dan berpatutan, Takaful Malaysia telah memberikan penyelesaian takaful dan keselamatan kewangan kepada lebih daripada tiga juta pelanggan.

Takaful Malaysia dan anak syarikat milik penuhnya, Takaful Malaysia Am, beroperasi di bawah jenama Takaful Malaysia, dengan rangkaian cawangan di 24 lokasi seluruh negara. Takaful Malaysia dikenali di seluruh Semenanjung dan Malaysia Timur dalam menyediakan penyelesaian perlindungan yang bersesuaian dan patuh Syariah untuk individu dan perniagaan. Sebagai salah satu peneraju pengendali takaful di Malaysia, Takaful Malaysia mengekalkan kehadiran dan kedudukan modal yang kukuh, membolehkan pertumbuhan konsisten dan pulangan yang menguntungkan kepada pemegang sahamnya.

Dengan portfolio perniagaan takaful keluarga dan am yang pelbagai, kemampuan pengedaran pelbagai saluran, perkongsian strategik, produk dan perkhidmatan berfokuskan pelanggan, kemampuan digital dan nilai jenama, Takaful Malaysia tekad untuk membantu pelanggan mencapai cita-cita mereka untuk masa depan yang lebih cerah dan selamat.



SYARIKAT TAKAFUL MALAYSIA KELUARGA BERHAD

Incorporated on 29 November 1984, Syarikat Takaful Malaysia Keluarga Berhad (“Takaful Malaysia”) is a pioneer in Islamic insurance in the country. As the first Islamic insurance company in Malaysia, Takaful Malaysia has led the takaful industry for 40 years across various business portfolios. With a comprehensive and affordable range of family and general takaful products, Takaful Malaysia provides takaful solutions and financial security to over three million customers.

Takaful Malaysia and its wholly owned subsidiary, Takaful Malaysia Am, operate under the Takaful Malaysia brand, with a network of branches in 24 locations nationwide. Takaful Malaysia is a household name in both Peninsular and East Malaysia, known for delivering purpose-fit, Shariah-compliant protection solutions for individuals and businesses. As one of the leading takaful operators in Malaysia, Takaful Malaysia maintains a strong presence and capital position, enabling consistent profitable growth and returns for its valued shareholders.

With a diverse portfolio of family and general takaful businesses, multi-channel distribution capability, strategic partnerships, customer-centric products and services, digital capabilities and brand equity, Takaful Malaysia is unwavering in helping people achieve their ambitions of a brighter and more secure future.



Rangkaian produk serta perkhidmatan komprehensif dan berpatutan yang ditawarkan oleh Takaful Malaysia, termasuk amalan dan strategi perniagaannya, semuanya direka untuk memberikan impak yang mampan kepada ekonomi, komuniti, dan alam sekitar. Dedikasi Takaful Malaysia untuk mengamalkan amalan lestari sebagai sebahagian daripada strategi perniagaannya adalah bukti komitmen untuk beroperasi dengan cekap dan meningkatkan keluk pertumbuhannya.

Takaful Malaysia komited untuk meningkatkan prestasi kewangannya sebagai sebahagian daripada Indeks FTSE4Good Bursa Malaysia Syariah dan Siri Indeks Bursa Malaysia. Komitmen Takaful Malaysia terhadap prinsip alam sekitar, sosial, dan tadbir urus ("ESG") jelas terlihat dalam operasi perniagaannya. Strategi Takaful Malaysia dirancang untuk mencipta nilai pemegang kepentingan jangka panjang, dengan penekanan kepada dimensi etika, sosial, alam sekitar, dan ekonomi perniagaan. Dengan memajukan Pengantaraan Berasaskan Nilai ("VBI") dalam industri takaful dan menyelaraskannya dengan objektif kewangan mampan, Takaful Malaysia menetapkan standard baru untuk amalan perniagaan yang bertanggungjawab.

Pada tahun 2024, Takaful Malaysia secara aktif melaksanakan pelbagai inisiatif kemampanan korporat selaras dengan komitmennya terhadap prinsip ESG, termasuk pengurusan risiko iklim, amalan penjagaan alam sekitar, pelaburan yang bertanggungjawab, dan program pemerikasaan komuniti. Inisiatif ini mencerminkan tumpuan strategik Takaful Malaysia terhadap pemeliharaan alam sekitar, kesan sosial yang positif dan amalan tadbir urus.



The extensive range of comprehensive and affordable products and services offered by Takaful Malaysia, including its business practices and strategies, are all designed to generate a sustainable impact on the economy, community, and environment. Takaful Malaysia's dedication to adopting sustainable practices as part of its business strategy is a testament to its commitment to operating efficiently and increasing its growth curve.

Takaful Malaysia is dedicated to enhancing its financial performance as a constituent of the FTSE4Good Bursa Malaysia Shariah and Bursa Malaysia Index Series. Takaful Malaysia's commitment to environmental, social, and governance ("ESG") principles is evident in its business operations. Takaful Malaysia's strategies are designed to create long-term stakeholder value, with a strong emphasis on the ethical, social, environmental, and economic dimensions of its business. By advancing Value-Based Intermediation ("VBI") in the takaful industry and aligning it with sustainable finance objectives, Takaful Malaysia is setting a new standard for responsible business practices.

In 2024, Takaful Malaysia actively implemented various corporate sustainability initiatives aligned with its commitment to ESG principles, including climate risk management, environmental stewardship practices, responsible investment, and community empowerment programs. These initiatives reflect Takaful Malaysia's strategic focus on environmental preservation, positive social impact and governance practices.



SYARIKAT KUMPULAN GROUP OF COMPANIES

Kekal kompetitif dalam industri takaful dan insurans, Takaful Malaysia terus mengukuhkan kedudukannya sebagai peneraju dalam perniagaan takaful keluarga, memperluaskan perniagaan takaful am dan meraih peluang pasaran bagi mengembangkan perniagaan pada tahun-tahun akan datang.

Takaful Malaysia terus memberi tumpuan kepada pengukuhan kedudukan dalam perniagaan bankatatakaful, perbendaharaan, faedah pekerja, dan perniagaan takaful umum sambil mempelbagaikan portfolio perniagaan ke dalam pasaran runcit untuk mengekalkan trajektori pertumbuhannya. Sebagai pengendali takaful pertama di negara ini, Takaful Malaysia menekankan pembangunan perniagaan mampan jangka panjang yang memberikan nilai kepada pemegang saham dan memenuhi keperluan perlindungan pelanggan.

Langkah strategik Takaful Malaysia untuk memperkuat kehadirannya dalam bidang insurans dan takaful digital adalah petunjuk jelas mengenai adaptabiliti dan inovasinya. Pengenalan Kaotim, sebuah platform digital dan jenama yang diuruskan oleh Takaful Malaysia, telah mempelbagaikan portfolio perniagaannya dan memperkukuh kehadirannya dalam pasaran runcit. Langkah strategik ini didorong oleh matlamat untuk memperkuat perniagaan langsung runcit dan mendapatkan pelanggan baru, membolehkan transaksi dalam talian yang lancar untuk memenuhi gaya hidup yang berkembang. Melalui Kaotim, Takaful Malaysia menawarkan kecekapan kos, kemudahan pengguna, proses yang lebih pantas, dan perlindungan segera dengan menyediakan rangkaian pelan perlindungan dalam talian yang komprehensif dan berpatutan, menunjukkan komitmennya untuk memenuhi permintaan dan jangkaan pelanggan yang berkembang pesat.

Takaful Malaysia telah diiktiraf dengan pelbagai anugerah dan penghargaan yang mengukuhkan kedudukannya sebagai institusi kewangan Islam terkemuka di Malaysia. Pada tahun 2024, Takaful Malaysia telah menerima Anugerah Best Takaful Company in Malaysia for Managing Investment Portfolio 2024 di Cambridge Islamic Fund Awards 2024, Best Takaful Insurance Provider Malaysia 2024 di International Business Magazine Awards 2024, Best Islamic Insurance Provider in Malaysia 2024 di Global Brands Magazine Awards 2024, Best Family Takaful Company (Malaysia 2024) di International Finance Awards 2024, dan Anugerah Perak (Kategori Perbankan, Pelaburan & Insurans) di Putra Aria Brand Awards 2024.

Staying competitive in the takaful and insurance industry, Takaful Malaysia continues to propel its leading position to sustain a solid position in the family takaful business, expand its general takaful business and seize market opportunities to grow its business in the years to come.

Takaful Malaysia continues focusing on leveraging its strong foothold in the bancatatakaful, treasury, employee benefits and general takaful businesses while diversifying its business portfolio into the retail market to sustain its growth trajectory. As the first takaful operator in the country, Takaful Malaysia emphasises building a long-term sustainable business that delivers value to its shareholders and meets the protection needs of customers.

Takaful Malaysia's strategic move to strengthen its presence in the digital insurance and takaful sphere is a clear demonstration of its adaptability and innovation. The introduction of Kaotim, a digital platform and brand managed by Takaful Malaysia, has diversified its business portfolio and strengthened its retail market presence. This strategic move is underpinned by a focus on reinforcing retail direct business and gaining new customers, enabling seamless online transactions to suit evolving lifestyles. Through Kaotim, Takaful Malaysia offers cost efficiency, consumer convenience, faster process, and instant coverage by providing a comprehensive and affordable range of online protection plans, demonstrating its commitment to meeting the fast-evolving demands and expectations of customers.

Takaful Malaysia has been recognised with numerous awards and accolades that consolidate its position as a leading Islamic financial institution in Malaysia. In 2024, Takaful Malaysia bagged the Best Takaful Company in Malaysia for Managing Investment Portfolio 2024 at the Cambridge Islamic Fund Awards 2024, Best Takaful Insurance Provider Malaysia 2024 at the International Business Magazine Awards 2024, Best Islamic Insurance Provider in Malaysia 2024 at the Global Brands Magazine Awards 2024, Best Family Takaful Company (Malaysia 2024) at the International Finance Awards 2024, and Silver Award (Banking, Investment & Insurance Category) at the Putra Aria Brand Awards 2024.

HOSPITALITI

Pemantauan dan khidmat nasihat Pematuhan Korporat Liabiliti Seksyen 17A, Akta SPRM 2009 Corporate Compliance Monitoring and Advisory Services Liability Section 17A, MACC Act 2009	Bahagian Integriti dan Tadbir Urus telah melaksanakan Pemantauan dan Khidmat Nasihat Pematuhan terhadap Garis Panduan Tatacara Mencukupi terhadap Anak Syarikat TH. Sesi Bengkel Pembangunan Corruption Risk Management (CRM) TH Plantations Bhd pada 9 Januari 2024, TH Properties Sdn Bhd pada 13 September 2023, TH Travel & Services Sdn Bhd pada 10 Disember 2024 dan Takaful Malaysia Berhad pada 11 Oktober 2024.	The Integrity and Governance Division has implemented Monitoring and Advisory Services on Compliance with the Adequate Procedures Guidelines for TH Subsidiaries. TH Plantations Bhd Corruption Risk Management (CRM) Development Workshop Session on 9 January 2024, TH Properties Sdn Bhd on 13 September 2023, TH Travel & Services Sdn Bhd on 10 December 2024, and Takaful Malaysia Berhad on 11 October 2024.
Pemantapan hubungan baik dengan pihak berkuasa Strengthening good relations with authorities	Memperkasa Hubungan Kerjasama antara TH dan SPRM melalui Sesi Libat Urus PUK & KPE TH bersama Ketua Pesuruhjaya SPRM pada 22 November 2024. Selain itu, TH juga telah melaksanakan Sesi Khidmat Nasihat Penambahbaikan Tatakelola Amalan, Sistem dan Tatacara berhubung Agensi Pelancongan yang dilantik sebagai Pengelola Jemaah Haji di Lembaga Tabung Haji yang diadakan pada 7 Disember 2023 antara TH, SPRM dan JAWHAR; dan Sesi Libat Urus Bahagian Integriti dan Tadbir Urus bersama Bahagian Pengurusan Integriti Agensi, SPRM mengenai Komponen Pengukuran Penarafan Risiko Rasuah TH dan Anak Syarikat TH pada 12 September 2024.	The cooperative relationship between TH and MACC was strengthened through the TH PUK & KPE Engagement Session with the MACC Chief Commissioner on 22 November 2024. In addition, TH has also implemented an Advisory Service Session on improving the Governance of Practices, Systems and Procedures regarding Travel Agencies appointed as Hajj Pilgrimage Organisers at the Tabung Haji Board held on 7 December 2023 between TH, MACC and JAWHAR; and an Engagement Session between the Integrity and Governance Division with the Agency Integrity Management Division, MACC on the Components of the Corruption Risk Rating Measurement of TH and TH Subsidiaries on 12 September 2024.
 		

Dalam Bahagian Ini: In this Section:

- 158 Program CSR Zakat
CSR Zakat Programme
- 168 Pengurusan Tenaga
Energy Management
- 176 Sorotan Media
Media Highlights
- 178 Direktori **TH**
TH Directory



TADBIR URUS

GOVERNANCE



PROGRAM CSR ZAKAT

CSR ZAKAT PROGRAMME

Program CSR Zakat **TH** merupakan sebuah inisiatif tahunan yang menekankan peranan **TH** sebagai sebuah institusi kewangan Islam terkemuka di Malaysia. Program CSR Zakat **TH** berjalan menerusi peruntukan zakat sebagai dana utama dalam menggerakkan program-programnya. Setiap tahun, **TH** melunaskan tanggungjawab dengan membuat bayaran zakat ke semua Pusat Zakat Negeri atau Majlis Agama Islam Negeri.

The **TH** CSR Zakat Programme is an annual initiative that highlights **TH**'s role as a leading Islamic financial institution in Malaysia. The programme operates using zakat allocations as its primary funding source. Each year, **TH** fulfils its responsibility by making zakat payments to all State Zakat Centres or State Islamic Councils.



Daripada jumlah zakat yang dilunaskan oleh **TH**, sebanyak RM29,599,716.13 telah diserahkan semula mengikut konsep Zakat Wakalah kepada **TH** untuk diagihkan kepada golongan sasaran yang layak berdasarkan terma dan syarat agihan yang ditentukan oleh Pusat Zakat Negeri dan Majlis Agama Islam Negeri.

Zakat Wakalah yang diterima dijadikan sumber dana dalam pelaksanaan Program CSR Zakat **TH** untuk diagihkan sebagai bantuan zakat kepada penerima yang layak di seluruh negara melalui tiga (3) tonggak utama iaitu Pendidikan, Kesihatan & Komuniti dan Keusahawanan. Di bawah tonggak ini, enam (6) program utama telah dilaksanakan iaitu Program *Iqra'*, *A'fiat*, *Mobiliti*, *Ikhtiar*, *Ehsan* dan *Baiti*.

Program CSR Zakat **TH** yang telah diperkenalkan sejak tahun 2012 mendapat sambutan yang menggalakkan sehingga berjaya mendekati satu (1) juta penerima secara langsung dan tidak langsung. Selain dari enam (6) program utama ini, dana tersebut turut digunakan untuk membantu dan menyokong agensi lain di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), rakan-rakan strategik dan Badan Bukan Kerajaan (NGO) melalui program-program kolaborasi dan bantuan bencana.

Out of the total zakat paid, RM29,599,716.13 was returned under the concept of Zakat Wakalah to **TH** for distribution to eligible target groups based on the terms and conditions set by the State Zakat Centres and State Islamic Councils.

The received Zakat Wakalah serves as a funding source for implementing **TH** CSR Zakat Programme, which is distributed as zakat assistance to eligible recipients nationwide through three (3) main pillars: Education, Health & Community, and Entrepreneurship. Under these pillars, six (6) main programmes were implemented: *Iqra'*, *A'fiat*, *Mobiliti*, *Ikhtiar*, *Ehsan*, and *Baiti*.

The **TH** CSR Zakat Programme which was introduced in 2012 has received positive responses, directly and indirectly reaching nearly one (1) million recipients. In addition to these six (6) main programmes, the funds are also used to assist and support other agencies under the Prime Minister's Department (Religious Affairs), strategic partners, and Non-Governmental Organizations (NGOs) through collaborative programmes and disaster assistance.

Program Iqra' merupakan program yang berfokus kepada pembangunan modal insan menerusi bantuan kewangan kepada pelajar yang kurang berkemampuan untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Menerusi Program A'fiat, sumbangan dana zakat **TH** memberi tumpuan kepada kluster kesihatan seperti sumbangan peralatan kesihatan dan kelengkapan perubatan kepada hospital atau klinik kesihatan yang terpilih di seluruh negara. Manakala, bagi Program Mobiliti, sumbangan adalah dalam bentuk kenderaan dwifungsi (van jenazah/penumpang) bagi membantu mempermudah pelaksanaan fardu kifayah terutamanya apabila berlaku kematian. Selain itu, Program Ikhtiar pula menyediakan bantuan modal permulaan serta latihan kepada golongan asnaf untuk memulakan atau mengembangkan perniagaan mereka agar mereka dapat meningkatkan taraf sosio-ekonomi dan keluar dari kelompok kemiskinan. Program Ehsan pula diperkenalkan bagi membantu golongan yang memerlukan seperti asnaf, warga emas, ibu/bapa tunggal dan orang kurang upaya untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup yang kian meningkat.

Bagi tahun 2024, **TH** berjaya melaksanakan pelbagai Program CSR Zakat **TH** dan membantu golongan asnaf, B40 dan yang kurang berkemampuan meningkatkan taraf hidup mereka. Sebanyak 16 program utama telah dilaksanakan oleh **TH** bagi tahun 2024 yang telah memberi manfaat kepada 672,907 penerima dengan dana aqihan zakat melebihi RM29 juta.

The Iqra' Programme focuses on human capital development by providing financial assistance to underprivileged students to pursue higher education. Through the A'fiat Programme, **TH's** zakat contributions are focused on health clusters, such as providing medical equipment and supplies to selected hospitals or health clinics nationwide. The Mobiliti Programme provides dual-function vehicles (hearse/passenger), to facilitate *fard kifayah*, especially during times of death. The Ikhtiar Programme provides initial capital assistance and training to the *asnaf* (eligible groups) to start or expand their businesses, aiming to improve their socio-economic status and help them escape poverty. The Ehsan Programme was introduced to assist those in need, such as *asnaf*, the elderly, single parents, and persons with disabilities, in reducing the burden of the rising cost of living.

In 2024, **TH** successfully implemented various CSR Zakat Programmes, benefitting *asnaf*, B40 and underprivileged groups to improve their living standards. A total of 16 main programmes have been executed by **TH** in 2024, benefitting 672,907 recipients with zakat distribution funds exceeding RM29 million.



PROGRAM CSR ZAKAT
CSR ZAKAT PROGRAMME

Ringkasan bagi program-program yang telah dilaksanakan menerusi Program CSR Zakat **TH** adalah seperti berikut:
A summary of the programmes that have been implemented through the **TH** CSR Zakat Programme is as follows:

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
1.	Iqra' TH IPTA	Bantuan kewangan bagi menampung yuran pengajian, asrama dan elaun sara hidup (universiti awam) kepada pelajar daripada keluarga asnaf dan B40 yang melanjutkan pengajian tinggi di 19 institusi pengajian tinggi tempatan terpilih di seluruh negara. Financial assistance to cover tuition fees, dormitory and living allowances (public universities) to students from <i>asnaf</i> and B40 families who are pursuing higher studies at 19 selected local higher education institutions across the country.	Pendidikan Education	9,000,000.00	28,913 pelajar IPTA IPTA students
2.	Iqra' TH IPTS	Bantuan kewangan bagi menampung yuran pengajian, asrama dan elaun sara hidup (universiti negeri/swasta) kepada pelajar daripada keluarga asnaf dan B40 yang melanjutkan pengajian tinggi di 12 universiti/kolej milik kerajaan negeri terpilih di seluruh negara. Financial assistance to cover tuition fees, dormitory and living allowances (state/private universities) to students from <i>asnaf</i> and B40 families who are pursuing higher education at 12 selected state government-owned universities/colleges across the country.	Pendidikan Education	1,680,000.00	Lebih More than 24,420 pelajar IPTS IPTS students
3.	Iqra' Tahfiz TVET	Program TVET Tahfiz dengan kerjasama Institut Kemahiran Darul Ridzuan (IKDAR) bagi membantu lepasan tahfiz bukan arus perdana menyambung pengajian ke peringkat tertinggi bagi tempoh 3 tahun. Tahfiz TVET programme was done in collaboration with Institut Kemahiran Darul Ridzuan (IKDAR) to help non-mainstream tahfiz graduates to continue their studies towards the highest level for a period of 3 years.	Pendidikan Education	300,000.00	11 orang pelajar tahfiz terpilih selected tahfiz students



Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
4.	Iqra' Professional 1. Centre of Advance and Professional Education (CAPE, UTP) - Training & Placement 2. Yayasan Amal TYT Pulau Pinang - Program STEM	1. Program jalinan kerjasama antara TH dan pihak CAPE UTP dengan penglibatan mahasiswa Sarjana Muda IT, Sains Komputer dan jurusan berkaitan komputer yang baru tamat pengajian. Memberi fokus kepada pelajar Muslim di bawah kategori asnaf fi-sabilillah. Antara kategori program adalah: • Data Analytics Foundation • Cloud Foundation • Cyber Security Foundations A collaborative programme between TH and CAPE UTP involving Bachelor of IT, Computer Science and computer-related majors who have just graduated. Focusing on Muslim students under the <i>asnaf fi-sabilillah</i> category. Among the programme categories are: • Data Analytics Foundation • Cloud Foundation • Cyber Security Foundations 2. Program STEM Sekolah Menengah anjuran Yayasan Amal TYT Pulau Pinang yang merupakan Program Mini Teater Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) Pulau Pinang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran saintifik, teknikal dan melengkapkan generasi muda dengan keupayaan untuk menghasilkan inovasi dan kreativiti. Program ini memfokuskan pelajar Tingkatan 1 dan mampu mewujudkan ekosistem kearah komuniti yang dilengkapi dengan ilmu STEM. The Middle School STEM Programme organised by the Yayasan Amal TYT Pulau Pinang which is a Penang Science, Technology, Engineering and Mathematics (STEM) Education Mini Theatre Programme aims to improve scientific, technical skills amongst the young generation and equip them with the ability to create and innovate. This programme focuses on Form 1 students and is able to create an ecosystem towards a community that is equipped with STEM knowledge.	Pendidikan Education	840,000.00	25 orang peserta participants 100 orang peserta participants
5.	Iqra' Pengurusan Haji & Umrah Hajj Management & Umrah	Program kerjasama bersama Universiti Islam Melaka (UNIMEL) untuk pelajar Ijazah Pengurusan Haji & Umrah daripada keluarga asnaf/B40. Collaboration programme with Universiti Islam Melaka (UNIMEL) for Hajj & Umrah Management Degree students from <i>asnaf/B40</i> families.	Pendidikan Education	400,000.00	8 orang pelajar students
6.	Iqra' Belia Adab Youth Garage	Program kerjasama dengan NGO Adab Youth Garage (AYG) untuk mengaktifkan 4 buah Pusat Interaktif Belia (3 di Selangor, 1 di Johor) untuk manfaat pendidikan komuniti setempat. Collaboration programme with Adab Youth Garage (AYG) NGO to activate 4 Interactive Youth Centers (3 in Selangor, 1 in Johor) for the benefit of local community education. 1. PPR Kota Damansara, Selangor 2. PPR Kg Baru Hicom, Selangor 3. Pangsapuri Taman Medan Jaya, Selangor 4. PPR Kempas Permai, Johor Antara program yang dianjurkan sepanjang tahun adalah Program Bimbingan Kerjaya, SPM Fighter, Kem Remaja Adab, Jom Ngaji dan Tahsin Solat dan Kaunseling. Among the programmes organised throughout the year are the Career Guidance Programme, SPM Fighter, Remaja Adab Camp, Let's Study and Tahsin Solat and Counselling.	Pendidikan Education	429,600.00	Lebih More than 500 orang / people

PROGRAM CSR ZAKAT

CSR ZAKAT PROGRAMME

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
7.	A'fiat TH	1. Sumbangan peralatan perubatan dan kesihatan kepada Hospital Kerajaan dan Pusat Kesihatan di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Untuk tahun 2024, sumbangan adalah berbentuk 60 unit <i>Radiant Warmer</i> kepada 33 hospital terpilih seluruh Malaysia. Donation of medical and health equipment to Government Hospitals and Health Centres under the Malaysian Ministry of Health (MOH). For the year 2024, the donation in the form of 60 Radiant Warmer units to 33 selected hospitals throughout Malaysia. 2. Pengubahsuaian dan naik taraf Dorm Bersalin Hospital Cyberjaya untuk memberi keselesaan kepada ibu berpantang sambil menunggu dan menjaga bayi yang berada di NICU atau <i>Special Care Nursery</i> (SCN). Terdapat beberapa keperluan tambahan yang diperlukan antaranya adalah <i>baby cot</i>, <i>bassinet</i>, mesin basuh, penapis air dan peti sejuk. Pengubahsuaian dorm pula adalah termasuk pemasangan kertas dinding dan TV. Renovation and upgrade of the Cyberjaya Hospital Maternity Dorm to provide comfort to expectant mothers while waiting and caring for babies in the NICU or Special Care Nursery (SCN). There are some additional needs that are needed including a baby cot, bassinet, washing machine, water filter and refrigerator. Dorm renovations include wallpaper and TV installation.	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	2,030,950.00	Lebih More than 300,000 penerima parishioners
8.	Projek Musolla Maqbul Pulau Mabul, Sabah Musolla Maqbul Pulau Mabul Project, Sabah	Projek pembinaan semula Masjid Maqbul Kg. Pulau Mabul yang telah uzur dan daif dengan kerjasama Yayasan Taqwa MAIWP dan Yayasan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM). The project to rebuild the dilapidated Maqbul Mosque in Kampung Mulau Mabul, in collaboration of the Taqwa Foundation MAIWP and the Malaysian Islamic Economic Foundation (YaPEIM).	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	500,000.00	Lebih More than 200 orang ahli kariah parishioners
	Projek Bina Baru Musolla - Pahang Build New Musolla Project - Pahang	Projek Musolla Pahang / Musolla Pahang Project Bekerjasama dengan Majlis Ugama Islam Pahang untuk membina surau di Kampung Orang Asli Sungai Kucing, Jerantut dan Kampung Orang Asli Sg Susup, Raub di Pahang. Collaboration with the Pahang Islamic Religious Council to build a prayer hall in Kampung Sungai Kucing Orang Asli, Jerantut and Kampung Sg Susup Orang Asli, Raub in Pahang.			
	Projek Bina Baru Musolla - Negeri Sembilan Build New Musolla Project - Negeri Sembilan	Projek Musolla Negeri Sembilan / Musolla Negeri Sembilan Project Bekerjasama dengan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan untuk membina surau di Kampung Orang Asli Belihoi Mantin, Seremban dan Kampung Orang Asli Panchor, Jempol. Projek Musolla ini melibatkan kerja-kerja perobohan surau lama dan membina surau baharu dengan kelengkapan seperti pembesar suara. Collaboration with the Negeri Sembilan Islamic Religious Council to build a prayer hall in the Kampung Orang Asli Belihoi Mantin, Seremban and Kampung Orang Asli Panchor, Jempol. This Musolla project involves the demolition of the old prayer hall and the construction of a new prayer hall with equipment such as loudspeakers.	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	1,593,800.00	Lebih More than 316 orang ahli kariah parishioners

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
9.	Baiti / Baiti Sabah & Sarawak	Menyalurkan dana bagi membina 16 rumah baru bagi keluarga asnaf. <i>Allocated funds to build 16 new houses for asnaf families.</i>	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	1,491,450.00	96 orang isi rumah (16 keluarga) household members (16 families)
10.	Mobiliti TH TH Mobiliti	Sumbangan Van Dwi Fungsi kepada masjid dan institusi terpilih. Untuk tahun 2024: 1. 14 Kenderaan Dwi Fungsi (Van Jenazah/Penumpang) untuk masjid terpilih di setiap negeri (sebuah setiap negeri) 2. Tiga (3) buah van untuk Jabatan Bomba dan Penyelamat (Bomba). <i>Donation of Dual Function Van to selected mosques and institutions.</i> For the year 2024: 1. 14 Dual-Function Vehicles (Hearse/Passenger) for selected Mosques in each state (one per state) 2. Three (3) vans for Fire and Rescue Department.	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	3,000,000.00	17 masjid terpilih dengan anggaran 170,000 orang ahli kariah selected mosques with an estimated 170,000 parishioners
11.	Ehsan Negeri State Ehsan RM185K X 14 Negeri / States	Aktiviti kerjasama TH Negeri/Cawangan melalui program CSR untuk golongan kurang berkemampuan di setiap negeri <i>TH State/Branch cooperation activities through CSR programmes for the underprivileged in each state</i>	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	2,159,337.00	53 buah sekolah dan lebih 28,000 orang asnaf schools and over 28,000 asnaf



PROGRAM CSR ZAKAT
CSR ZAKAT PROGRAMME

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
12.	Ikhtiar	Program Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) bagi meningkatkan kebolehpasaran terutama bagi OKU Buta daripada keluarga asnaf/B40, dengan menyediakan mereka kemahiran yang boleh dipasarkan. <i>Technical and Vocational Training Programme (TVET) to increase marketability, especially for the Blind OKU from families categorised as asnaf/B40, by providing them with marketable skills.</i>	Keusahawanan Entrepreneurship	150,000.00	25 peserta participants
	1. OKU Penglihatan (Asnaf Tukang Urut / Massage Therapist)				
	2. AI Training - PPRT (Peoplelogy)	Menumpukan penggunaan / pendedahan teknologi terkini dalam bidang keusahawanan asnaf seiring saranan Perdana Menteri dalam penggunaan Khidmat AI (Artificial Intelligence) dalam kegiatan seharian mahupun dalam bidang perniagaan. Menggunakan pendekatan pembelajaran, latihan serta bimbingan berfokus bagi melahirkan usahawan asnaf yang kompeten dengan arus peredaran masa dalam usaha meningkatkan sumber pendapatan komuniti asnaf di Malaysia dalam tempoh 3 - 6 bulan, tanpa melibatkan sebarang bentuk bantuan kewangan. <i>Focusing on the use and exposure of the latest technology in the field of asnaf entrepreneurship, in line with the Prime Minister's recommendation for the use of AI (Artificial Intelligence) services in daily activities and business. This involves a learning, training, and mentoring approach aimed at developing competent asnaf entrepreneurs who can adapt to the changing times, with the goal of increasing the income sources of the asnaf community in Malaysia within a period of 3 to 6 months, without involving any form of financial assistance.</i>	Keusahawanan Entrepreneurship	160,000.00	40 usahawan mikro, keluarga asnaf dan golongan belia micro businesses, asnaf families and youth groups
	Gerak Care	Program pembelian katil pesakit bagi 100 orang golongan asnaf, di Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak. <i>Purchase and delivery of patient beds for 100 people under the asnaf group, in Perlis, Kedah, Penang and Perak.</i>	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	190,000.00	100 penerima recipients
	Ikhtiar Sadaqa House (Itekad)	Program pembangunan perniagaan asnaf melalui konsep pembiayaan mikro berlandaskan Qardhul-hassan dengan kadar pemberian pinjaman RM3,000 - RM20,000 dengan tempoh bayaran balik selama 6 - 36 bulan tanpa keuntungan. <i>Asnaf business development programme through the concept of microfinancing based on Qardhul-hassan with a loan rate of RM3,000 - RM20,000 with a repayment period of 6 - 36 months without profit.</i>	Keusahawanan Entrepreneurship	1,200,000.00	Lebih 500 penerima recipients
	Disaster Relief	Program bantuan kepada mangsa bencana seperti banjir. Kerjasama Yayasan Food Bank Malaysia untuk mengagihkan 10,000 unit 'Ready-to-Eat' Food di kawasan-kawasan terjejas akibat bencana. RTEF yang akan diagihkan adalah berupa satu kotak yang berisi nasi segera, lauk segera, makanan kering dan juga air mineral. <i>Assistance programmes for victims of disasters such as floods.</i> Food Bank Malaysia Foundation's collaboration to distribute 10,000 units of 'Ready to Eat Food' in areas affected by disasters. The RTEF that will be distributed is in the form of a box containing instant rice, instant side dishes, dry food and also mineral water.	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	500,000.00	40,000 penerima recipients

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
13.	Subsidiaries/ Agensi Agama Subsidiaries/ Religious Agencies i. Fascinating Ramadan @ Saudara Baru ii. Konvoi Dakwah iii. Konvoi Sejiwa Prihatin 2 iv. Kampung Angkat Madani @ Kg Bharu v. Mahrajan Amal Islami Oam vi. Santuni Komuniti Madani @ Van Jenazah Kuala Krai	1. Fascinating Ramadan @ Saudara Baru Program kerjasama antara TH dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) bertujuan merapatkan hubungan keprihatinan dalam kalangan saudara baru dari pelbagai kaum dan mewujudkan kemesraan masyarakat setempat bersama pegawai kerajaan/agensi. Collaboration between TH and the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) aims to strengthen the relationship of care among new brothers and sisters from various races and to create friendships between the local community and government officials/agencies. 2. Konvoi Dakwah Bekerjasama dengan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dalam menjayakan program Konvoi Dakwah yang diadakan pada 28 April 2024 hingga 2 Mei 2024 di Gua Musang, Kelantan. Sumbangan TH meliputi: • Gotong-royong membaiki pulih infrastruktur kampung • Bantuan baik pulih dan keceriaan kampung (dana keceriaan 3 buah surau) • Ziarah Mahabbah (dakwah) Collaboration with the Department of Islamic Development Malaysia (JAKIM) in making the <i>Konvoi Dakwah</i> programme a success which was held from 28 April 2024 to 2 May 2024 in Gua Musang, Kelantan. TH's contributions include: • Mutual cooperation to repair village infrastructure • Aid for the improvement and livelihood of the kampung (livelihood fund for 3 suraus) • <i>Ziarah Mahabbah</i> (dakwah) 3. Konvoi Sejiwa Prihatin Siri 2 2024 Konvoi Sejiwa Prihatin (KONSEP) Siri 2 2024 merupakan kesinambungan KONSEP Siri 1 2024 yang menyasarkan masyarakat Orang Asli di jajaran Tasik Temenggor, Gerik, Perak dengan jumlah peserta seramai 1,200 orang. Antara program yang diadakan selama 5 hari adalah penyampaian bantuan bakul makanan, bantuan makanan dan bantuan keceriaan dan pengimarah surau. KONSEP Siri 2 melibatkan beberapa agensi seperti Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Yayasan Taqwa MAIWP, NGO dan institusi korporat. The Sejiwa Prihatin Convoy (KONSEP) Series 2 2024 is a continuation of KONSEP Series 1 2024, targeting the indigenous community along the Temenggor Lake corridor in Gerik, Perak, with a total of 1,200 participants. Among the programmes held over the 5 days are the distribution of food baskets, prepared meal assistance, and support for the enhancement and maintenance of suraus. KONSEP Series 2 involves several agencies, including the Perak Islamic Religious Department, the Department of Orang Asli Development, the Taqwa Foundation MAIWP, NGOs, and corporate institutions.	-	586,500.00	9,883 penerima manfaat beneficiaries

PROGRAM CSR ZAKAT

CSR ZAKAT PROGRAMME

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
13.	(samb.) / (cont'd)	4. Kampung Angkat MADANI @ Kg. Bharu Sebuah program di bawah Pejabat YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dengan memberi fokus kepada 7 bentuk bantuan seperti kemiskinan, kesihatan, pengangguran dan keciciran pendidikan. TH telah memilih keciciran pendidikan sebagai fokus bantuan utama dengan rakan strategik dari Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). Program Bijak Bestari Kg. Bharu" telah diperkenalkan sebagai kerjasama antara TH dan YWP. A programme under the YB Minister's Office in the Prime Minister's Department (Religious Affairs) to provide seven (7) focused forms of assistance such as poverty, health, unemployment and educational dropout. TH has chosen educational dropout as the primary focus of assistance with strategic partner, Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP). A programme called "Program Bijak Bestari Kg. Bharu" was introduced by TH in collaboration with YWP. 5. Mahrajan Amal Islami Mualaf Peringkat Kebangsaan 2024 Sebuah program dwi-tahunan JAKIM yang mencungkil bakat saudara muslim baru pelbagai etnik dan kaum serta Orang Asli Muslim di Malaysia yang berlangsung pada 18 - 21 Oktober 2024 di UPSI. Antara program yang dipertandingkan adalah tilawah, hafazan, azan dan iqamah, nasyid berkumpul dan acara sukan seperti badminton dan sepak takraw. Pihak TH memberi sumbangan kepada semua kategori yang dipertandingkan sebagai sokongan terhadap Program Mahrajan ini. A JAKIM bi-annual programme that discovers the talents of new Muslim brothers of various ethnicities and races as well as native Muslims in Malaysia that took place on 18 - 21 October 2024 at UPSI. Among the categories were recitation, memorisation, azan and iqamah, group nasyid and sports events such as badminton and sepak takraw. TH contributed to all categories that were contested in support of this Mahrajan Programme. 6. Santuni Komuniti MADANI @ Van Jenazah Kuala Krai Penyerahan sebuah van jenazah kepada Masjid Saidina Umar al-Khattab, Kampung Telekong. Delivery of a hearse van to Saidina Umar al-Khattab Mosque, Kampung Telekong.			
14.	Badan Beruniform Uniformed Body Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM)	Sumbangan ambulans kepada APM yang memberi khidmat pemindahan pesakit berlebihan berat badan. Ambulance donation to APM to provide overweight patient transfers.	Komuniti dan Kesihatan Community & Health	420,954.00	12,270 penerima dalam setahun recipients during the year

Bil. No.	Program Programme	Info / Info	Fokus Utama Core Focus	Penggunaan Zakat Zakat Usage (RM)	Jumlah Penerima Manfaat Total Beneficiaries
15.	Program Bersama Rakan Strategik Programmes with Strategic Partners 1. PERKESO 2. MALBATT 3. Program Bersama Yayasan Didik Negara (YDN)	1. Bekerjasama dengan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dalam Program Cakna Prihatin 2.0. Antara pecahan program yang ditaja oleh TH adalah: a) Tajaan peralatan keusahawan b) Tajaan caruman Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri c) Tajaan aktiviti pembangunan komuniti Caring Centre d) Tajaan kursus dan latihan vokasional e) Tajaan sewaan tempat perniagaan/tanah pertanian dan kenderaan dengan tempoh maksimum 3 bulan. Collaboration with the Social Security Organisation (PERKESO) in the Cakna Prihatin 2.0 Programme. Among the programme breakdowns sponsored by TH are: a) Sponsorship of entrepreneurial tools b) Sponsorship of Self-Employed Social Security Scheme contributions c) Sponsorship of Caring Center community development activities d) Sponsorship of course and vocational training e) Sponsorship of business premises/agricultural land and vehicles for a maximum period of 3 months. 2. Misi MALBATT ke Lubnan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dengan penugasan misi <i>United Nations Interim Force</i> in Lebanon (UNIFIL) di bawah Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) dengan menghantar Kontinjen Malaysian Battalion 850-12 (MALLBAT 850-12). Cadangan agihan sumbangan sebanyak RM100,000 adalah kepada sekolah atau rumah anak yatim, peralatan kebersihan, pakaian dan peralatan asas rumah untuk masyarakat Lubnan. MALBATT mission to Lebanon The Malaysian Armed Forces (ATM) was involved in the assignment of the United Nations Interim Force in Lebanon (UNIFIL) mission under the United Nations (UN) by sending the Malaysian Battalion 850-12 Contingent (MALLBAT 850-12). The proposed distribution of RM100,000 is for schools or orphanages, hygienic equipment, clothes, and basic household appliances for the Lebanese community. 3. Bantuan yang disalurkan kepada murid Orang Asli yang beragama Islam berdasarkan nama yang dicadangkan oleh JPN. Bantuan yang disalurkan adalah berupa tablet, peranti pintar dan keperluan makmal digital di sekolah. Aid distribution to indigenous students who are Muslim based on the names proposed by JPN. The aid channelled is in the form of tablets, smart devices and digital laboratory needs at school.	Keusahawanan/ Komuniti & Kesihatan Entrepreneurship/ Community & Health	1,428,000.00	700 penerima recipients
			Pendidikan Education	499,740.00	1,500
16.	Sumbangan Luar External Contributions	Sumbangan yang diberikan kepada pemohon/institusi yang memerlukan seperti masjid, surau, pusat jagaan dan NGO/pertubuhan. Donations given to applicants/institutions in need such as mosques, suraus, care centres and NGOs/organisations.	Keusahawanan/ Komuniti & Kesihatan Pendidikan Entrepreneurship/ Community & Health/Education	1,039,385.90	50,000
Jumlah / Total				29,599,717.90	672,607

PENGURUSAN TENAGA

ENERGY MANAGEMENT

Malaysia telah mengambil langkah proaktif menangani cabaran alam sekitar melalui pelaksanaan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR) pada 27 Julai 2023 sebagai tindak balas atas kebimbangan global yang semakin meningkat mengenai perubahan iklim. NETR yang berpandukan rancangan Malaysia Ke Dua Belas dan Polisi Tenaga Nasional bermatlamat untuk memacu negara ke arah mencapai pelepasan sifar bersih menjelang 2050, mencerminkan komitmen terhadap pembangunan lestari dan masa hadapan yang rendah karbon.

Selari dengan Agenda Nasional ini, **TH** telah meningkatkan inisiatif pengurusan tenaga dan menubuhkan Pelan Hala Tuju Ke Arah Karbon Sifar Bersih 2023-2028. Pelan Hala Tuju ini melibatkan pelaburan besar dan inisiatif yang kukuh, merangkumi teknologi cekap tenaga, projek tenaga diperbaharui dan amalan mampan.

Usaha korporat ini bukan sahaja sejajar dengan piawaian kemampanan antarabangsa tetapi juga meletakkan **TH** sebagai syarikat yang bertanggungjawab dalam pemuliharaan alam sekitar dalam usaha mencapai masa hadapan yang hijau dan lestari.

Selain itu, kerajaan Malaysia juga telah mewujudkan akta bagi memastikan pelaksanaan kecekapan dan konservasi tenaga melalui Akta Kecekapan dan Konservasi Tenaga 2024 (EECA) dan **TH** akan turut mendukung hasrat kerajaan melalui EECA ini.


In response to escalating global concerns regarding climate change, Malaysia has undertaken a proactive stance in addressing environmental challenges through the implementation of the National Energy Transition Roadmap (NETR) on 27 July 2023. The NETR, guided by the Twelfth Malaysia Plan and National Energy Policy, aims to propel the nation towards achieving net-zero emissions by 2050, reflecting a commitment to sustainable development and low-carbon future.

Aligning with this National Agenda, **TH** has stepped up our energy management initiatives and established the **TH** Roadmap towards Net Zero Carbon 2023-2028. This roadmap is grounded in substantial investments and concrete initiatives, encompassing energy-efficient technologies, renewable energy projects and sustainable practices.

This corporate endeavour not only aligns with international sustainability standards but also positions **TH** as a responsible steward of environmental conservation in the pursuit of a greener and more sustainable future.

In addition, the Malaysian government has also announced an act to ensure the successful implementation of energy efficiency and conservation through the Energy Efficiency and Conservation Act 2024 (EECA) and **TH** will also support the government's aspirations through this EECA.

Hala Tuju TH Ke Arah Karbon Sifar Bersih 2023-2028 / TH Roadmap Towards Net Zero Carbon 2023-2028



PELAKSANAAN INISIATIF KECEKAPAN TENAGA

Sejak 2019, **TH** terus berusaha untuk menambahbaik penggunaan dan kecekapan tenaga melalui penghijauan bangunan semasa dengan pemasangan peralatan cekap tenaga dan penambahbaikan sistem HVAC. Sebagai tambahan, **TH** juga telah mula mengikuti pensijilan Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia dan Indeks Bangunan Hijau (“GBI”). Melangkah ke hadapan, inisiatif ini akan diteruskan kesemua bangunan milik **TH** secara berperingkat.

Sebagai sebahagian usaha penambahbaikan pengurusan tenaga, berikut adalah inisiatif yang telah dilaksanakan pada 2024:

- » Menaiktaraf sistem HVAC (Menara **TH** Selborn) - Dalam proses penukaran *Chiller*
- » Bayaran Balik tuntutan ICPT (2023 - RM725,196.45. 2024 - RM598,604.26 dibayar oleh Suruhanjaya Tenaga)

IMPLEMENTATION OF ENERGY EFFICIENCY INITIATIVES

Since 2019, **TH** has continuously striven to improve our energy use and efficiency through green retrofitting of current buildings with high energy efficiency equipment and improvement of the HVAC System. In addition, **TH** has begun pursuing the Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia and Green Building Index (“GBI”) certifications. Going forward, this initiative will continue to be covered in phases for all **TH** owned buildings.

As part of continuous improvement in energy management, the following initiatives were implemented in 2024:

- » Upgrade HVAC system (**TH** Selborn Tower) - In process of Chiller conversion
- » ICPT claim reimbursement (2023 - RM725,196.45. 2024 - RM598,604.26 paid by Suruhanjaya Tenaga)

Program Kecekapan Tenaga dan Kelestarian 2024
Energy Efficiency and Sustainability Programme 2024 (5 September 2024)



Pada September 2024, lima (5) bangunan iaitu Menara **TH** Selborn, Menara **TH** Perdana, Menara **TH** 1 Sentral, Menara **TH** Damansara & MHCC KLIA, telah dianugerahkan Geran Bersyarat Audit Tenaga (EACG 2.0) berjumlah RM300,000 oleh Pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (SEDA) Malaysia. Pemberian ini mengiktiraf dedikasi **TH** untuk melaksanakan pengurusan tenaga dan langkah pemuliharaan, serta mengurangkan pelepasan karbon.

In September 2024, five (5) buildings; **TH** Selborn Tower, **TH** Perdana Tower, **TH** 1 Sentral Tower, **TH** Damansara Tower & MHCC KLIA were awarded an Energy Audit Conditional Grant (EACG 2.0) amounting to RM300,000 by the Sustainable Energy Development Authority (SEDA) Malaysia. This grant recognised **TH**'s dedication to implementing energy management and conservation measures, as well as reducing carbon emissions.

PENGURUSAN TENAGA


ENERGY MANAGEMENT

Hasil daripada inisiatif ini, pengurangan mampan tahun ke tahun (YoY) dalam penggunaan tenaga, kos dan pelepasan karbon telah dicapai seperti berikut:

As a result of these initiatives, sustainable reductions were achieved year on year (YoY) in energy use, cost and carbon emission:

Bangunan Hijau dan Penjimatan Tenaga

Green Building and Energy Saving




Bangunan Hijau dan Penjimatan Tenaga
Green Building and Energy Saving





PENGURUSAN TENAGA


ENERGY MANAGEMENT



Penggunaan Tenaga Untuk 17 Menara TH (kWh) 2019-2024
Energy Consumption For 17 TH Towers (kWh) 2019-2024




Bil Elektrik Untuk 17 Menara TH (RM) (Termasuk ICPT & KWTBB) 2019-2024
Electricity Bills For 17 TH Towers (RM) (Incl. ICPT & KWTBB) 2019-2024






Purata Kos Elektrik
bersamaan dengan
Average Electricity Cost
equivalent to
RM0.48 per sq. ft

Purata Kos Elektrik untuk 17 Menara TH (RM/sq. ft) (Termasuk ICPT & KWTBB) 2019-2024
Average Electricity Cost For 17 TH Towers (RM/sq. ft) (Incl. ICPT & KWTBB) 2019 - 2024



Jumlah Pelepasan
CO2 berkurang
Total CO2
emission reduced
13.7% bersamaan dengan
equivalent to
11,249.12 tCO2e

Jumlah Pelepasan CO2 untuk 17 Menara TH (tCO2e/tahun) 2019-2024
Total CO2 Emission for 17 TH Towers (tCO2e/year) 2019-2024



PENGURUSAN TENAGA ENERGY MANAGEMENT

PENCAPAIAN PENGGUNAAN TENAGA SOLAR

TH Hotel (Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA) dan penyewa (Hospital Columbia) dengan kerjasama **TH** telah memasang panel solar secara berperingkat di tiga (3) bangunan sejak beberapa tahun kebelakangan ini bagi mengurangkan ketergantungan kepada tenaga elektrik yang dijana daripada bahan api fosil.



Solar Movenpick Hotel & Convention Centre (KLIA)



Solar Hospital Columbia Asia Seremban

SOLAR ENERGY USAGE ACHIEVEMENTS

TH Hotel (Movenpick Hotel & Convention Centre, KLIA) and tenant (Columbia Hospital) in collaboration with **TH** has been using renewable energy in recent years by gradually installing solar panels on three (3) buildings to reduce our dependency on electricity generated from fossil fuels.



Solar Hospital Columbia Asia Petaling Jaya



Info Penjanaan Tenaga Solar (Tahunan) Solar Power Generation Info

TH Movenpick Hotel & Convention Centre

500,464 kWh

Hospital Columbia:

1. Petaling Jaya **47,626 kWh**

2. Seremban **79,908 kWh**



177



Mohd Na'im (tengah) bergambar bersama wakil syarikat PIH yang mengambil bahagian dalam Karnival Haji, Umrah dan Pelancongan Pengelola Jemaah Haji 2024.

"Alhamdulillah, sambutan yang diterima sangat memberangsangkan. Oleh itu, kami bercadang untuk mengadakan karnival ini di seluruh negara melibatkan empat zon iaitu utara, selatan, timur dan tengah pada tahun hadapan.

Kuala Lumpur: Membesar tanpa perhatian seorang

TH ini sangat bermanfaat, terutama pelajar yang berasal dari keluarga berpendak-
dab.

Nur Sabrina ber-
statif ini bukan
membantu me-
kos sara hidup di
jail tetapi memb-
ajar peluang un-
pada akademik ya-
nisi kewangan ya-
bihan.

"Dengan adanya

Usaha TH imbangi kenaikan kos haji

Masa itu, saya belum ada komputer riba dan hanya menggunakan telefon bimbit, memang susah.

Muhammad Aliq Aiman
nyelesaikan pengajian dalam keadaan kewangan yang mencabar.
Bagi Nur Sabrina Sham-

Berkongsi kasihnya, sebelum menerima bantuan itu, pelajar ketarlaran Binte. Sarawak itu menghadapi cabaran besar dalam menguruskan perbelanjaan harian. Katanya, ayahnya hanya bekerja biasa dan ibunya

TH rancang tambah baik klasifikasi bantuan bersasar

perlu membayar
ngajian dan pada
itu mengutuskan
jan harian.

ribu terpaksi dan tak dapat proses. Namun semua ini "mentara," katanya.

Mengulas lanjut, Mas Ainan berkesempatan berdiskusi dengan para juri ketika mencurahkan pendapatnya mengenai baterai dan sumber daya internet, ia merasa bahwa rutamata ketika pembentukan.

Pusat rawatan TH diiktiraf Arab Saudi

menyembatkan pengelutannya kepada jemaah yang berpekerja di luar negeri. Menurut Nurcholish, "jika ada masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan, maka itu adalah masalah yang harus dihadapi oleh masyarakat Indonesia secara tiba-tiba, bukan secara sedikit," katanya.

Sebelumnya, Nurcholish, yang saat ini menjabat sebagai rektor Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), pernah menjabat sebagai rektor Universitas Islam Al-Azhar di Malaysia (UAM) dan pernah menjabat sebagai wakil rektor ITS. Nurcholish mengatakan, "jika ada masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan, maka itu adalah masalah yang harus dihadapi oleh masyarakat Indonesia secara tiba-tiba, bukan secara sedikit," katanya.

Sebelumnya, Nurcholish, yang saat ini menjabat sebagai rektor Institut Teknologi Sepuluh Nopember (ITS), pernah menjabat sebagai rektor Universitas Islam Al-Azhar di Malaysia (UAM) dan pernah menjabat sebagai wakil rektor ITS. Nurcholish mengatakan, "jika ada masalah yang dihadapi dalam bidang pendidikan, maka itu adalah masalah yang harus dihadapi oleh masyarakat Indonesia secara tiba-tiba, bukan secara sedikit," katanya.

Menurutnya, jemaah haji masih harus berhati-hati dalam mengambil langkah berjaga-jaga ketika berada di Tanah Suci, terutama ketika beribadat. "Masa haji ini memang agak berbeza dengan masa lain. Kita harus berjaga-jaga kerana musim haji kali ini," katanya.

menyampaikan pesan-pesan kesehatan kepada jemaah haji. Salah satu pesan yang disampaikan adalah pentingnya menjaga kesehatan diri, terutama dengan menjaga asupan cairan. "Kami menyarankan jemaah haji untuk minum air yang mencukupi untuk menjaga hidrasi dalam menghadapi cuaca panas agar mereka tidak mengalami dehidrasi," kata Suci.

DIREKTORI TH

TH DIRECTORY



ARAB SAUDI

KONSULAT JENERAL MALAYSIA (URUSAN HAJI)
CONSULATE GENERAL OF MALAYSIA (HAJJ AFFAIRS)

4314, Al- Mualliifin
Al Rehab District
Jeddah 22335 - 8491
Kingdom of Saudi Arabia
Tel : +996 126876715
Faks / Fax : +966 126873661



MALAYSIA

LEMBAGA TABUNG HAJI
MENARA TH TUN RAZAK

201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel : +603 2054 2000, +603 2054 2233,
+603 2054 2400
Faks / Fax : +603 2163 2308

WILAYAH TENGAH / CENTRAL REGION

(Perak, Selangor & Wilayah Persekutuan)

Khairul A'zihar Rapar

Pengarah Wilayah Tengah
Director, Central Region

TH Putrajaya (IFiC)
Kompleks Islam Putrajaya
Jalan Tunku Abdul Rahman
Presint 3, Pusat Pentadbiran
Kerajaan Persekutuan
62100 PUTRAJAYA
Tel : +603-8893 0120
Faks / Fax : +603-8893 0140

PERAK

Mohamad Abas

Pengarah Negeri
State Director

Aras 1 & 2, Menara TH
Jalan Koo Chong Kong
30000 IPOH
Tel : +605-243 5740
Faks / Fax : +605-243 5739

SELANGOR

Zurita Ahmad Raffie

Pengarah Negeri
State Director

Jalan SS 6/1, Kelana Jaya
47301 PETALING JAYA
Tel : +603-7872 9030
Faks / Fax : +603-7874 1140

WILAYAH PERSEKUTUAN

Mohd Ezham Leman

Pengarah Negeri
State Director

Aras Bawah & Aras 1
Menara TH Sentral, Blok D
Plaza Sentral, Jalan Stesen Sentral 5
Kuala Lumpur Sentral
50470 KUALA LUMPUR
Tel : +603-2276 1444
Faks / Fax : +603-2276 1445

WILAYAH UTARA / NORTHERN REGION

(Perlis, Kedah & Pulau Pinang)

Dato' Mohammad @ Mokhzani Mukhtar

Pengarah Wilayah Utara
Director, Northern Region

TH Negeri Kedah
No. 5, Lot 3860
Jalan Lapangan Terbang
Sultan Abdul Halim
06550 ALOR SETAR
Tel : +604-714 1212
Faks / Fax : +604-714 1717

PERLIS

(Kosong)

Pengarah Negeri
State Director

Tingkat Satu, Lot 1483 & 1484
Kompleks Perniagaan Seriab
01000 KANGAR
Tel : +604-976 1650
Faks / Fax : +604-976 4137

KEDAH

Mohd Hanifah Kamarudin

Pengarah Negeri
State Director

No 5, Lot 3860
Jalan Lapangan Terbang
Sultan Abdul Halim
06550, ALOR SETAR
Tel : +604-714 1212
Faks / Fax : +604-714 1717

PULAU PINANG

Maznizan Mamat

Pengarah Negeri
State Director

Lot 5789 & 5790
Jalan Dato' Ismail Hashim
11900 BAYAN LEPAS
Tel : +604-641 2252
Faks / Fax : +604-641 2268

WILAYAH SELATAN / SOUTHERN REGION

(Negeri Sembilan, Melaka & Johor)

Khairoddin Ahmad

Pengarah Wilayah Selatan
Director, Southern Region

TH Negeri Sembilan
Bangunan TH
Kompleks Terminal 1
Jalan Lintang
70000 SEREMBAN
Tel : +606-767 0050
Faks / Fax : +606-224 8713

NEGERI SEMBILAN

Muhamad Zaki Baijuri

Pengarah Negeri
State Director

Bangunan TH
Kompleks Terminal 1
Jalan Lintang
70000 SEREMBAN
Tel : +606-767 0050
Faks / Fax : +606-767 0053

MELAKA

Shahidan Taib

Pengarah Negeri
State Director

Bangunan TH
Lot 250 Jalan Banda Kaba
Peti Surat 205
75740 MELAKA
Tel : +606-283 3270
Faks / Fax : +606-282 0506

JOHOR

Abu Shukor Jangga

Pengarah Negeri
State Director

Lot 20485 Menara TH
Jalan Ayer Molek, Peti Surat 210
80720 JOHOR BAHRU
Tel : +607-223 0052
Faks / Fax : +607-224 8713

WILAYAH TIMUR / EASTERN REGION
(Pahang, Terengganu & Kelantan)

Dato' Mohyen Mosman
Pengarah Wilayah Timur
Director, Eastern Region
TH Negeri Pahang
Bangunan **TH**
Lot. 35, Jalan Bukit Ubi
25200 KUANTAN
Tel : +609-513 2000
Faks / *Fax* : +609-516 5534

PAHANG
Rosdi Dollah
Pengarah Negeri
State Director
Bangunan **TH**
Lot. 35 Jalan Bukit Ubi
25200 KUANTAN
Tel : +609-513 2000
Faks / *Fax* : +609-516 5534

TERENGGANU
Nizan Johar Abdul Wahab
Pengarah Negeri
State Director
Bangunan **TH**
No.160 Jalan Sultan Ismail
20200 KUALA TERENGGANU
Tel : +609-626 4566
Faks / *Fax* : +609-622 0811

KELANTAN
Mohamad Zahir Hussin @ Yusof
Pengarah Negeri
State Director
Tingkat Mazzenine
Menara **TH**, Jalan Doktor
15000 KOTA BHARU
Tel : +609-743 4500
Faks / *Fax* : +609-743 4505


WILAYAH SABAH & SARAWAK
SABAH & SARAWAK REGION

Datuk Nurlaila Said
Pengarah Wilayah Sabah & Sarawak
Director, Sabah & Sarawak Region
TH Negeri Sabah
Tingkat Bawah
Jalan Sembulan
Peti Surat 12908
88832 KOTA KINABALU
Tel : +6088-255 853
Faks / *Fax* : +6088-221 758

SABAH
Yusdi Nasip
Pengarah Negeri
State Director
Tingkat Bawah
Jalan Sembulan
Peti Surat 12908
88832 KOTA KINABALU
Tel : +6088-255 853
Faks / *Fax* : +6088-221 758

SARAWAK
Amat Kassim Pait
Pengarah Negeri
State Director
Lot 16 - 18
Jalan Satok
93400 KUCHING
Tel : +6082-233 093
Faks / *Fax* : +6082-419 721

JUMLAH CAWANGAN / TOTAL BRANCHES



TABUNG HAJI CONTACT CENTRE (THCC)
Tel : +603 6207 1919

Untuk senarai penuh Pejabat **TH** Cawangan,
sila layari laman web rasmi **TH** di
www.tabunghaji.gov.my
For a complete list of **TH** Branches,
please visit **TH's** official website at
www.tabunghaji.gov.my

Setakat 31 Disember 2024 / As at 31 December 2024

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

- 182 Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji
- 187 Penyata Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga
- 188 Pengakuan oleh Pegawai Utama yang Bertanggungjawab ke atas Pengurusan Kewangan Lembaga Tabung Haji
- 189 Penyata Kedudukan Kewangan Disatukan
- 191 Penyata Kedudukan Kewangan
- 193 Penyata Untung atau Rugi
- 194 Penyata Pendapatan Komprehensif
- 195 Penyata Perubahan Lebihan Dana Disatukan
- 199 Penyata Perubahan Lebihan Dana
- 201 Penyata Aliran Tunai
- 206 Nota-nota kepada Penyata Kewangan





Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA TABUNG HAJI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan**Pendapat**

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2024 Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan dan Penyata Untung atau Rugi, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Lebihan Dana serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang material seperti yang dinyatakan pada muka surat 4 hingga 186.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan pada 31 Disember 2024 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535].

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya diuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

Penegasan Perkara

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap Terimaan Perdagangan dan Lain-lain pada Kos Terlunas di Nota 13 dan Terimaan daripada Pajakan Kewangan seperti yang dinyatakan di Nota 12 seperti berikut:

- a. Terimaan Perdagangan dan Lain-lain pada Kos Terlunas
 - i. Terimaan Perdagangan berjumlah RM1.072 bilion merupakan hutang tertunggak berkaitan pajakan kewangan di Arab Saudi. Pada 27 November 2024, Lembaga Tabung Haji telah menandatangani Perjanjian Penyelesaian Hutang tetapi gagal disempurnakan oleh pihak berhutang. Sehubungan itu, Lembaga Tabung Haji telah membuat peruntukan baki hutang pajakan sebanyak RM1.054 bilion yang tidak dapat dituntut sebagai jangkaan kerugian kredit. Terdapat keraguan terhadap tindakan penyelesaian untuk mendapatkan amaun tunggakan pajakan berikutan kegagalan pihak berhutang untuk mematuhi kehendak Perjanjian Penyelesaian Hutang.
 - ii. Terimaan Lain-lain berjumlah RM316.82 juta merupakan pelaburan dalam Sukuk Tranche A dan C yang gagal ditebus oleh Menara ABS Berhad pada 13 Januari 2023 iaitu Tarikh Matang Sah. Bagaimanapun, terdapat ketidakpastian terhadap cadangan penyelesaian Pelan Pemulihan Sukuk Menara ABS yang diluluskan pada tahun 2024 berikutan tindakan penyelesaian yang masih belum direalisasi oleh pihak yang berkaitan.
- b. Setakat 31 Disember 2024, baki terimaan daripada pajakan kewangan berjumlah RM336.80 juta adalah merupakan tunggakan sewa pajakan hartanah di Arab Saudi. Pada 11 September 2024, Lembaga Tabung Haji telah menguatkuasakan kesemua 12 Nota Janji berkaitan sub pajakan, pendapatan sub pajakan dan pampasan penamatan awal. Bagaimanapun, sehingga kini Lembaga Tabung Haji masih tidak berjaya mendapatkan sebarang wang atau aset kepunyaan responden di Arab Saudi. Lembaga Tabung Haji telah membuat peruntukan sebanyak RM78.41 juta daripada RM336.80 juta sebagai jangkaan kerugian kredit setakat 31 Disember 2024. Peristiwa atau keadaan yang dinyatakan menunjukkan wujud keraguan terhadap tindakan penyelesaian untuk mendapatkan tunggakan sewa pajakan hartanah dan tambahan peruntukan jangkaan kerugian kredit perlu dibuat sewajarnya.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Haji bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia (MFRS), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa (IFRS) dan keperluan Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535]. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Tabung Haji atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Lembaga Tabung Haji atau Kumpulan tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan;
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji dan Kumpulan, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama; dan
- f. mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Lembaga Pengarah telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

Saya juga telah memaklumkan Lembaga Pengarah bahawa saya telah mematuhi keperluan etika yang berkaitan dengan kebebasan, dan telah memaklumkan semua hubungan dan hal-hal lain yang berkemungkinan menjejaskan kebebasan dan langkah pencegahan yang bersesuaian, sekiranya berkaitan.


Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535], saya juga melaporkan syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya, telah dinyatakan di Nota 19 dalam penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Lembaga Tabung Haji hendaklah menambah baik polisi dan pengurusan pelaburan bagi meminimumkan kerugian pelaburan yang berpanjangan, terutamanya untuk tiga syarikat subsidiari yang merekodkan kerugian berturut-turut sejak tahun 2022.


Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah, Lembaga Tabung Haji berdasarkan keperluan Akta Tabung Haji 1995 [Akta 535] dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DATO SRI WAN SURAYA BINTI WAN MOHD RADZI)

KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 MAC 2025




Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA Pengerusi dan Seorang Anggota Lembaga

Kami, **TAN SRI ABDUL RASHID HUSSAIN** dan **SYED HAMADAH SYED OTHMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang anggota Lembaga kepada **LEMBAGA TABUNG HAJI**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga, Penyata Kewangan yang disertakan seperti yang dinyatakan di muka surat 189 hingga 368 disediakan mengikut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan kehendak Akta Tabung Haji 1995, di Malaysia, untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan pada 31 Disember 2024 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga,



TAN SRI ABDUL RASHID HUSSAIN
Pengerusi

Bagi pihak Lembaga,



SYED HAMADAH SYED OTHMAN
PENGARAH URUSAN KUMPULAN DAN
KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Bangunan Tabung Haji
201, Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur

* Muka surat mengikut susun atur Laporan Tahunan **TH** 2024 manakala muka surat pada Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan merujuk kepada muka surat yang tertera di Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji yang diaudit.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA TABUNG HAJI

Saya, **MUSTAKIM MOHAMAD**, yang merupakan Pengarah Eksekutif Kewangan Kumpulan sebagai pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **LEMBAGA TABUNG HAJI**, dengan sesungguhnya mengakui bahawa Penyata Kewangan yang disertakan seperti yang dinyatakan di muka surat 189 hingga 368 mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar mengikut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas, di Kuala Lumpur dalam Wilayah Persekutuan pada 13 Februari 2025



MUSTAKIM MOHAMAD
PENGARAH EKSEKUTIF KEWANGAN KUMPULAN
MIA CA 21143

Di hadapan saya:



No. 30, Tingkat Bawah, Blok B,
Flat PKNS, Jalan Raja Muda Musa,
50300 Kg. Baru, Kuala Lumpur

* Muka surat mengikut susun atur Laporan Tahunan **TH** 2024 manakala muka surat pada Sijil Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan merujuk kepada muka surat yang tertera di Penyata Kewangan Lembaga Tabung Haji yang diaudit.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	5	7,004,737	7,847,875
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	6	775,183	479,895
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	7	5,488,447	4,508,548
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	8	38,896,334	35,034,499
Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas	9	23,815,554	23,107,525
Aset kewangan pada kos terlunas	10	5,773,189	6,864,922
Terimaan dari pajakan kewangan	12	619,153	679,479
Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas	13	1,465,573	1,951,198
Tuntutan semula cukai		18,430	14,307
Aset agrikultur	14	26,253	21,940
Inventori	15	1,030,202	977,416
Hartanah pelaburan	16	6,184,829	6,238,075
Pelaburan dalam entiti usahasama	17	189,069	190,924
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	18	5,018,012	4,807,273
Perhutanan	20	63,899	42,487
Perbelanjaan pembangunan ladang	21	35,962	16,853
Hakgunaan aset	22	174,823	92,039
Hartanah, loji dan peralatan	23	1,189,512	1,447,116
Aset tak ketara	24	-	-
Aset cukai tertunda	25	28,273	42,344
		97,797,434	94,364,715
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual	26	989,464	772,808
Jumlah aset		98,786,898	95,137,523

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN DISATUKAN
PADA 31 DISEMBER 2024 (samb.)

	Nota	Kumpulan	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Liabiliti			
Kumpulan wang simpanan pendeposit	27	91,746,618	89,005,313
Liabiliti lain	28	826,800	871,740
Peruntukan zakat dan cukai		111,906	112,390
Liabiliti pajakan	29	471,983	329,892
Pinjaman	30	1,321,772	1,482,728
Peruntukan manfaat persaraan	31	969,001	907,807
Liabiliti cukai tertunda	25	67,184	87,192
		95,515,264	92,797,062
Liabiliti berkaitan kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual	26	178,939	140,840
Jumlah liabiliti		95,694,203	92,937,902
Lebihan Dana			
Rizab boleh agih			
Rizab keuntungan	32	2,063,451	1,628,538
Rizab penyamaan	32	547,165	680,000
		2,610,616	2,308,538
Rizab tidak boleh agih			
Rizab statutori	32	105,000	100,000
Rizab-rizab lain	32	(130,158)	(716,452)
		(25,158)	(616,452)
Jumlah lebihan dana		2,585,458	1,692,086
Kepentingan minoriti		507,237	507,535
Jumlah lebihan dana dan kepentingan minoriti		3,092,695	2,199,621
Jumlah liabiliti dan lebihan dana		98,786,898	95,137,523

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024

	Nota	TH	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Aset			
Tunai dan dana jangka pendek	5	6,626,452	7,255,788
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	6	745,862	420,000
Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi	7	5,740,895	4,785,017
Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	8	38,896,334	35,034,344
Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas	9	23,815,554	23,107,525
Aset kewangan pada kos terlunas	10	6,423,189	7,514,922
Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	11	919,650	904,467
Terimaan dari pajakan kewangan	12	619,153	679,479
Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas	13	2,457,619	2,973,286
Hartanah pelaburan	16	4,116,352	4,081,987
Pelaburan dalam entiti usahasama	17	-	-
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	18	4,371,505	4,358,674
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	19	1,940,497	2,188,417
Hakgunaan aset	22	189,937	26,735
Hartanah, loji dan peralatan	23	253,361	284,476
		97,116,360	93,615,117
Kumpulan aset untuk pelupusan dikelaskan sebagai aset dipegang untuk dijual	26	64,880	8,148
Jumlah aset		97,181,240	93,623,265

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

		TH	
		2024	2023
		RM'000	RM'000
Nota			
Liabiliti			
Kumpulan wang simpanan pendeposit	27	91,746,618	89,005,313
Liabiliti lain	28	653,071	746,521
Peruntukan zakat dan cukai		102,214	107,690
Liabiliti pajakan	29	397,784	250,727
Peruntukan manfaat persaraan	31	968,941	907,782
Jumlah liabiliti		93,868,628	91,018,033
Lebihan Dana			
Rizab boleh agih			
Rizab keuntungan	32	2,797,841	2,509,332
Rizab penyamaan	32	547,165	680,000
		3,345,006	3,189,332
Rizab tidak boleh agih			
Rizab statutori	32	105,000	100,000
Defisit nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	32	(137,394)	(684,100)
		(32,394)	(584,100)
Jumlah lebihan dana		3,312,612	2,605,232
Jumlah liabiliti dan lebihan dana		97,181,240	93,623,265

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA UNTUNG ATAU RUGI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Nota	Kumpulan		TH	
		2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pendapatan	33	5,034,280	3,980,556	3,865,554	3,563,125
Kos jualan		(1,037,375)	(998,860)	-	-
Keuntungan kasar		3,996,905	2,981,696	3,865,554	3,563,125
Pendapatan lain		138,770	481,535	12,560	371,260
Perbelanjaan pentadbiran		(863,853)	(740,526)	(712,079)	(637,729)
Perbelanjaan lain		(243,356)	(249,050)	(185,171)	(198,551)
Rosot nilai, hapus kira dan jangkaan kerugian kredit	34	(676,146)	(264,582)	(662,527)	(656,524)
Keuntungan operasi	35	2,352,320	2,209,073	2,318,337	2,441,581
Kos kewangan	36	(111,175)	(87,560)	(4,996)	(8,182)
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	18	396,565	396,378	-	-
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat entiti usahasama	17	3,245	4,267	-	-
Keuntungan sebelum zakat dan cukai		2,640,955	2,522,158	2,313,341	2,433,399
Zakat	37	(104,310)	(108,172)	(99,347)	(103,246)
Cukai	38	(113,810)	(39,461)	-	-
Keuntungan tahun semasa		2,422,835	2,374,525	2,213,994	2,330,153
Keuntungan tahun semasa diatribut kepada:					
TH		2,382,259	2,319,623	2,213,994	2,330,153
Kepentingan minoriti		40,576	54,902	-	-
		2,422,835	2,374,525	2,213,994	2,330,153

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Nota	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Keuntungan tahun semasa	2,422,835	2,374,525	2,213,994	2,330,153
Keuntungan/(Kerugian) komprehensif lain:				
Item yang boleh dikelaskan semula				
kepada untung atau rugi:				
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:				
Perubahan bersih nilai saksama	5,266	553,146	5,266	553,146
Perubahan jangkaan kerugian kredit	(919)	2,022	(919)	2,022
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	26,998	(34,801)	-	-
Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	2,485	173	-	-
	33,830	520,540	4,347	555,168
Item yang tidak boleh dikelaskan semula				
kepada untung atau rugi:				
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	31 (44,238)	(95,868)	(44,238)	(95,868)
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	1,247,444	1,092,179	1,247,444	1,092,163
Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	12,440	90,431	-	-
	1,215,646	1,086,742	1,203,206	996,295
Jumlah pendapatan komprehensif lain	1,249,476	1,607,282	1,207,553	1,551,463
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	3,672,311	3,981,807	3,421,547	3,881,616
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa diatribut kepada:				
TH	3,629,433	3,927,382	3,421,547	3,881,616
Kepentingan minoriti	42,878	54,425	-	-
	3,672,311	3,981,807	3,421,547	3,881,616

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>						Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti RM'000
	Tidak boleh agih		Boleh agih		Jumlah lebih dana RM'000	Kepentingan minoriti RM'000	
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Rizab- rizab lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000			
2024							
Pada 1 Januari 2024	100,000	(716,452)	680,000	1,628,538	1,692,086	507,535	2,199,621
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,382,259	2,382,259	40,576	2,422,835
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(44,238)	(44,238)	-	(44,238)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:							
Perubahan bersih nilai saksama	-	5,266	-	-	5,266	-	5,266
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	(919)	-	-	(919)	-	(919)
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	1,247,444	-	-	1,247,444	-	1,247,444
Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	-	14,925	-	-	14,925	-	14,925
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	24,696	-	-	24,696	2,302	26,998
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	1,291,412	-	(44,238)	1,247,174	2,302	1,249,476

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>						Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti RM'000
	Tidak boleh agih		Boleh agih		Jumlah lebih dana RM'000	Kepentingan minoriti RM'000	
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Rizab- rizab lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000			
2024 (samb.)							
(Sambungan dari muka surat sebelum)							
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	1,291,412	-	2,338,021	3,629,433	42,878	3,672,311
Pindahan keuntungan penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(776,737)	-	776,737	-	-	-
Pindahan kerugian direalisasikan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	71,619	-	(71,619)	-	-	-
Pindahan antara rizab	5,000	-	72,000	(77,000)	-	-	-
Pindahan antara rizab bagi pengagihan keuntungan	-	-	(204,835)	204,835	-	-	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 27)	-	-	-	(2,714,167)	(2,714,167)	-	(2,714,167)
Perubahan dalam struktur kumpulan	-	-	-	(21,894)	(21,894)	-	(21,894)
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	(43,176)	(43,176)
Pada 31 Disember 2024	105,000	(130,158)	547,165	2,063,451	2,585,458	507,237	3,092,695

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>					Kepentingan minoriti RM'000	Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti RM'000
	Tidak boleh agih		Boleh agih				
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Rizab- rizab lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000	Jumlah lebih dana RM'000		
2023							
Pada 1 Januari 2023	100,000	(2,067,906)	780,000	1,596,205	408,299	480,525	888,824
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,319,623	2,319,623	54,902	2,374,525
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(95,868)	(95,868)	-	(95,868)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:							
Perubahan bersih nilai saksama	-	553,146	-	-	553,146	-	553,146
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	2,022	-	-	2,022	-	2,022
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	1,092,179	-	-	1,092,179	-	1,092,179
Bahagian pendapatan komprehensif lain syarikat bersekutu	-	90,604	-	-	90,604	-	90,604
Perbezaan terjemahan mata wang bagi operasi luar negara	-	(34,324)	-	-	(34,324)	(477)	(34,801)
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	1,703,627	-	(95,868)	1,607,759	(477)	1,607,282

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA DISATUKAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

Kumpulan	Diatribut kepada <i>TH</i>					Kepentingan minoriti RM'000	Jumlah lebih dana dan kepentingan minoriti RM'000
	Tidak boleh agih		Boleh agih				
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Rizab- rizab lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000	Jumlah lebih dana RM'000		
2023 (samb.)							
(Sambungan dari muka surat sebelum)							
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	1,703,627	-	2,223,755	3,927,382	54,425	3,981,807
Penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(352,173)	-	352,173	-	-	-
Pindahan antara rizab	-	-	77,125	(77,125)	-	-	-
Pindahan antara rizab bagi pengagihan keuntungan	-	-	(177,125)	177,125	-	-	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa dibayar kepada pendeposit (Nota 27)	-	-	-	(2,643,595)	(2,643,595)	-	(2,643,595)
Dividen dibayar kepada pemegang saham minoriti	-	-	-	-	-	(27,415)	(27,415)
Pada 31 Disember 2023	100,000	(716,452)	680,000	1,628,538	1,692,086	507,535	2,199,621

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

TH	Diatribut kepada TH				
	Tidak boleh agih		Boleh agih		Jumlah lebih dana RM'000
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Defisit nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000	
Pada 1 Januari 2024	100,000	(684,100)	680,000	2,509,332	2,605,232
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,213,994	2,213,994
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(44,238)	(44,238)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama	-	5,266	-	-	5,266
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	(919)	-	-	(919)
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	1,247,444	-	-	1,247,444
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	1,251,791	-	(44,238)	1,207,553
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	1,251,791	-	2,169,756	3,421,547
Pindahan keuntungan penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(776,704)	-	776,704	-
Pindahan kerugian direalisasikan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	71,619	-	(71,619)	-
Pindahan antara rizab	5,000	-	72,000	(77,000)	-
Pindahan antara rizab bagi pengagihan keuntungan	-	-	(204,835)	204,835	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa pendeposit (Nota 27)	-	-	-	(2,714,167)	(2,714,167)
Pada 31 Disember 2024	105,000	(137,394)	547,165	2,797,841	3,312,612

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA PERUBAHAN LEBIHAN DANA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

TH	Diatribut kepada TH				
	Tidak boleh agih		Boleh agih		
	Rizab statutori (Nota 32) RM'000	Defisit nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (Nota 32) RM'000	Rizab penyamaan (Nota 32) RM'000	Rizab keuntungan (Nota 32) RM'000	Jumlah lebih dana RM'000
Pada 1 Januari 2023	100,000	(1,979,258)	780,000	2,466,469	1,367,211
Keuntungan tahun semasa	-	-	-	2,330,153	2,330,153
Pengukuran semula liabiliti manfaat persaraan	-	-	-	(95,868)	(95,868)
Pergerakan rizab nilai saksama instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain:					
Perubahan bersih nilai saksama	-	553,146	-	-	553,146
Perubahan jangkaan kerugian kredit	-	2,022	-	-	2,022
Perubahan bersih nilai saksama instrumen ekuiti pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	1,092,163	-	-	1,092,163
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain tahun semasa	-	1,647,331	-	(95,868)	1,551,463
Jumlah pendapatan komprehensif tahun semasa	-	1,647,331	-	2,234,285	3,881,616
Pindahan keuntungan penjualan instrumen ekuiti diukur pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain	-	(352,173)	-	352,173	-
Pindahan antara rizab	-	-	77,125	(77,125)	-
Pindahan antara rizab bagi pengagihan keuntungan	-	-	(177,125)	177,125	-
Pengagihan keuntungan tahun semasa pendeposit (Nota 27)	-	-	-	(2,643,595)	(2,643,595)
Pada 31 Disember 2023	100,000	(684,100)	680,000	2,509,332	2,605,232

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Keuntungan sebelum zakat dan cukai	2,640,955	2,522,158	2,313,341	2,433,399
Pelarasan untuk:				
Susut nilai hak guna aset	51,975	19,300	38,213	7,236
Susut nilai hartanah, loji dan peralatan	135,212	191,595	41,003	54,257
Keuntungan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	6,876	(6)	(43)	(6)
(Keuntungan)/kerugian daripada penjualan hartanah pelaburan	(9,236)	5,957	(9,337)	5,957
Dividen daripada syarikat subsidiari	-	-	(36,527)	(39,538)
Dividen daripada syarikat bersekutu	-	-	(254,896)	(201,566)
Dividen daripada ekuiti tercatat	(380,987)	(324,525)	(380,984)	(324,525)
Dividen daripada ekuiti tidak tercatat	(21,276)	(21,150)	(21,276)	(21,150)
Dividen daripada pengurus dana luar	(84,998)	(54,034)	(84,998)	(54,034)
Dividen daripada unit amanah	(30,043)	(30,040)	(30,043)	(30,040)
Pendapatan sekuriti hutang	(1,312,992)	(1,264,409)	(1,364,844)	(1,316,119)
Peningkatan diskaun UJSB	(937,300)	(903,510)	(937,300)	(903,510)
Keuntungan sijil hutang boleh niaga dan aset kewangan lain	(71,872)	(16,301)	(71,872)	(16,301)
Pulangan daripada pengurus dana luar	(8,548)	(9,359)	(8,548)	(9,359)
Pelunasan premium sekuriti hutang	35,931	42,588	35,931	42,588
Peningkatan diskaun sekuriti hutang	(12,213)	(57,410)	(12,213)	(57,410)
(Keuntungan)/kerugian penjualan sekuriti hutang	(18,127)	50,378	(18,127)	50,378
Kerugian pembubaran syarikat subsidiari	29,556	1,426	-	-
Keuntungan pembiayaan kepada syarikat subsidiari	-	-	(55,502)	(54,961)
Rosot nilai:				
- syarikat subsidiari tidak tercatat	-	-	1,921	-
- syarikat bersekutu tidak tercatat	-	2	41,114	2,373
- hartanah, loji dan peralatan	51,302	660	-	-
- perhutanan	1,987	-	-	-
- inventori	1,899	3,442	-	-
Hapuskira:				
- pelaburan lain pada kos terlunas	148	-	148	-
- terimaan perdagangan	1,449	166	1,449	151
- terimaan pajakan kewangan	-	12,933	-	12,933
- aset tak ketara	-	18,890	-	-
- hartanah, loji dan peralatan	115	1,760	2	561
- hartanah, loji dan peralatan berkaitan aset dipegang untuk dijual	311	23	-	-
- inventori	11	-	-	-

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
(Sambungan dari muka surat sebelum)				
Rosot nilai dan jangkaan kerugian kredit dibalikkan:				
- syarikat subsidiari tidak tercatat	-	-	-	(558)
- syarikat bersekutu tidak tercatat	-	(1,126)	-	(1,126)
- pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	-	-	(76,329)	(3,913)
- jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	(45,524)	(5,766)
- hartanah, loji dan peralatan	-	(55,001)	-	-
- terimaan pajakan kewangan	-	(22,257)	-	(22,257)
- jumlah terimaan hutang	(17,233)	(3,807)	(16,828)	(2,773)
- pelaburan lain pada kos terlunas	(359)	(413)	(359)	(413)
- liabiliti pajakan kewangan	-	(136,460)	-	(136,460)
- aset kewangan pada FVOCI	(1,949)	(650)	(1,949)	(650)
- aset kewangan pada kos terlunas	(109)	(229)	(109)	(229)
- jumlah hutang daripada entiti usahasama	(62,919)	-	-	-
Pembalikan peruntukan untuk pembubaran syarikat subsidiari yang tidak lagi diperlukan	-	(60,080)	-	-
Perubahan nilai saksama hartanah pelaburan	(94,384)	676,550	(85,519)	(18,967)
Perubahan nilai saksama perhutanan	(23,399)	(3,529)	-	-
Perubahan nilai saksama aset agrikultur	(7,251)	(1,767)	-	-
Perubahan nilai saksama aset kewangan pada FVTPL	10,868	(20,467)	14,104	(33,058)
Jangkaan kerugian kredit:				
- jumlah terimaan hutang	687,424	394,671	683,768	390,079
- pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain	-	-	38,723	80,752
- terimaan pajakan kewangan	13,036	37,318	13,036	37,318
- jumlah hutang daripada entiti usahasama	-	11,988	-	-
- jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	-	-	22,431	303,830
- aset kewangan pada FVOCI	1,030	2,672	1,030	2,672
- aset kewangan pada kos terlunas	3	-	3	-
Peruntukan pelan manfaat persaraan	67,250	67,967	67,215	67,967
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat syarikat bersekutu	(396,565)	(396,378)	-	-
Bahagian keuntungan selepas cukai dan zakat entiti usahasama	(3,245)	(4,267)	-	-
Kerugian/(keuntungan) bersih perbezaan tukaran asing tidak direalisasikan	108,157	(320,080)	94,257	(308,362)
Caj pajakan kewangan liabiliti pajakan	12,611	14,985	4,996	8,182
Keuntungan/(kerugian) operasi sebelum perubahan modal kerja	363,101	370,174	(100,442)	(62,418)
(Bersambung di muka surat sebelah)				

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
(Sambungan dari muka surat sebelum)				
Perubahan modal kerja:				
Inventori	(54,072)	29,700	-	-
Tunai dan dana jangka pendek TKJHM dan TWT	424,753	(441,302)	424,753	(441,302)
Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain	(325,862)	683,332	(325,862)	683,332
Jumlah terimaan perniagaan dan lain-lain	346,305	(1,174,658)	(188,215)	(677,607)
Jumlah pemiutang perniagaan dan lain-lain	297,851	(233,530)	111,567	(401,239)
Hakgunaan aset	(206,595)	(2,392)	(203,216)	(6,043)
Terimaan dari pajakan kewangan	40,123	1,037,967	40,123	1,037,967
Liabiliti pajakan	142,264	(117,478)	182,333	(119,093)
Perubahan aset dipegang untuk dijual	(143,972)	(2,151)	-	-
Perubahan liabiliti dipegang untuk dijual	35,532	1,934	-	-
Hasil dari penjualan aset dipegang untuk dijual	(56,971)	-	(56,971)	-
Pemulangan modal daripada syarikat subsidiari	-	-	245,999	-
Pembelian syarikat bersekutu	(53,945)	(145,222)	(53,945)	(145,222)
(Pembelian)/penjualan urus niaga ekuiti, bersih	(2,416,026)	1,099,808	(2,416,026)	1,099,808
Penjualan/(pembelian) sekuriti hutang, bersih	1,098,461	(471,484)	1,098,461	(471,484)
(Pembelian)/penjualan aset kewangan lain, bersih	(900,119)	703,878	(900,119)	703,878
Hasil dari penebusan awal UJSB	229,271	199,401	229,271	199,401
Dividen daripada syarikat subsidiari	-	-	36,527	39,538
Dividen daripada syarikat bersekutu	-	-	254,896	201,566
Dividen daripada ekuiti tercatat	380,987	324,525	380,984	324,525
Dividen daripada ekuiti tidak tercatat	21,276	21,150	21,276	21,150
Dividen daripada unit amanah	30,043	30,040	30,043	30,040
Dividen daripada pelaburan diurus oleh pengurus dana luar	84,998	54,034	84,998	54,034
Kupon daripada sekuriti hutang	1,312,992	1,264,409	1,364,844	1,316,119
Bayaran semula pembiayaan kepada subsidiari, bersih	-	-	36,522	13,750
Bayaran semula keuntungan pembiayaan kepada subsidiari	-	-	12,888	54,013
Kumpulan wang simpanan pendeposit	2,741,305	1,405,325	2,741,305	1,405,325
Tunai diperoleh daripada aktiviti operasi	3,391,700	4,637,460	3,051,994	4,860,038

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
(Sambungan dari muka surat sebelum)				
Agihan keuntungan kepada pendeposit	(2,714,167)	(2,643,595)	(2,714,167)	(2,643,595)
Bayaran zakat	(107,154)	(97,868)	(104,824)	(95,418)
Bayaran cukai	(101,455)	(52,680)	-	-
Bayaran balik cukai	267	15,271	-	-
Bayaran liabiliti pajakan	(56,485)	(17,541)	(49,536)	(5,212)
Bayaran kos kewangan dari liabiliti pajakan	(12,611)	(14,985)	(4,996)	(8,182)
Bayaran kos pembiayaan	(98,564)	(72,575)	-	-
Bayaran pelan manfaat persaraan	(50,294)	(40,681)	(50,294)	(40,278)
Tunai bersih diperoleh daripada aktiviti operasi	251,237	1,712,806	128,177	2,067,353
Aliran tunai daripada aktiviti pelaburan				
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(46,036)	(58,156)	(14,387)	(22,221)
Pembelian hak guna aset	(206,595)	(6,713)	(203,216)	(6,213)
Pemerolehan hartanah pelaburan	(14,477)	(685)	(10,108)	(685)
(Pemerolehan)/hasil dari penjualan aset dipegang untuk dijual	(9,799)	(2,408)	239	2,010
Perbelanjaan pembangunan ladang	(23,897)	(60,329)	-	-
Pelaburan dalam syarikat bersekutu	(200)	-	-	-
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(301,004)	(128,291)	(227,472)	(27,109)
Aliran tunai daripada aktiviti kewangan				
Terimaan daripada pengambilan pinjaman	616,735	1,191,854	-	-
Bayaran balik pinjaman	(733,068)	(671,704)	-	-
Bayaran kos pembiayaan	(98,564)	(72,575)	-	-
Bayaran dividen kepada kepentingan minoriti	(43,176)	(27,415)	-	-
Tunai bersih (digunakan bagi)/diperoleh daripada aktiviti kewangan	(258,073)	420,160	-	-
(Pengurangan)/peningkatan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(307,840)	2,004,675	(99,295)	2,040,244
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Januari	6,720,888	4,744,503	6,130,121	4,132,202
Perbezaan terjemahan mata wang asing	142,164	(28,290)	146,101	(42,325)
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember	6,555,212	6,720,888	6,176,927	6,130,121

(Bersambung di muka surat sebelah)

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
<i>(Sambungan dari muka surat sebelum)</i>				
Tunai dan kesetaraan tunai merangkumi:				
Tunai dan dana jangka pendek (Nota 5)	7,004,737	7,847,875	6,626,452	7,255,788
Tunai dipegang oleh TKJHM dan TWT	(38,727)	(463,480)	(38,727)	(463,480)
Tunai dipegang oleh pengurus dana luar	(410,798)	(662,187)	(410,798)	(662,187)
Deposit dicagarkan	-	(1,320)	-	-
	6,555,212	6,720,888	6,176,927	6,130,121

Penyesuaian bagi pergerakan baki pinjaman dengan aliran tunai berkaitan dengan aktiviti kewangan adalah seperti berikut:

Kumpulan	Pada 1 Januari RM'000	Hasil daripada pengambilan pinjaman RM'000	Perubahan lain RM'000	Bayaran balik RM'000	Perbezaan mata wang asing RM'000	Pada 31 Disember RM'000
2024						
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-I	128,134	-	163	(35,500)	-	92,797
Pinjaman bertempoh Murabahah-I	-	591,735	-	-	(9,392)	582,343
Kredit Pusingan Tawarruq-I	606,160	-	-	(591,735)	(14,425)	-
Pinjaman Bertempoh Tawarruq-I	593,412	-	-	-	(24,011)	569,401
Pinjaman bertempoh	155,022	25,000	3,042	(105,833)	-	77,231
	1,482,728	616,735	3,205	(733,068)	(47,828)	1,321,772
2023						
Pinjaman Murabahah	570,172	-	-	(629,940)	59,768	-
Pinjaman bertempoh Komoditi Murabahah-I	159,471	-	163	(31,500)	-	128,134
Kredit Pusingan Tawarruq-I	-	604,734	-	-	1,426	606,160
Pinjaman bertempoh Tawarruq-I	-	587,120	-	-	6,292	593,412
Pinjaman bertempoh	162,984	-	2,302	(10,264)	-	155,022
	892,627	1,191,854	2,465	(671,704)	67,486	1,482,728

Polisi perakaunan dan nota penjelasan berlampir merupakan sebahagian daripada penyata kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024

1. Maklumat korporat

Lembaga Tabung Haji (“**TH**”) adalah sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Tabung Haji 1995 (“Akta **TH**”) untuk mengendalikan dan menguruskan perjalanan jemaah haji Malaysia ke Tanah Suci.

Sebagai mematuhi Seksyen 4 Akta **TH**, aktiviti utama **TH** adalah seperti berikut:

- (i) untuk menguruskan simpanan para pendeposit untuk menunaikan haji, atau sebagai pelaburan atau tujuan-tujuan lain;
- (ii) untuk menguruskan semua perkara yang berkaitan dengan kebajikan jemaah; dan
- (iii) untuk melaksanakan perkara-perkara lain yang dibenarkan di bawah Akta **TH** seperti pengurusan aset melalui pemegangan pelaburan dan penyewaan hartanah.

Selain menguruskan simpanan para pendeposit, **TH** dibenarkan, di bawah Seksyen 15 Akta **TH**, untuk menerima dana dari sumber-sumber seperti pemberian, derma, hadiah, sumbangan, dan pusaka, apa-apa pembayaran yang dibuat kepada **TH** untuk pembiayaan atau bantuan kewangan dibuat oleh **TH**, semua pendapatan dari pelaburan atau jumlah yang diterima untuk pinjaman yang dibuat oleh **TH**, jika ada. Ini dikenali secara kolektif sebagai Kumpulan Wang.

Seksyen 15 Akta **TH** juga membenarkan Kumpulan Wang digunakan untuk tujuan pengeluaran deposit, pembayaran pinjaman, perbelanjaan pentadbiran, pemberian pinjaman dan pendahuluan serta perbelanjaan lain yang berkaitan dengan pengurusan Kumpulan Wang dan fungsi-fungsi **TH**.

Lokasi utama perniagaan terletak di Bangunan Tabung Haji, 201 Jalan Tun Razak, 50400 Kuala Lumpur.

Aktiviti utama syarikat subsidiari dinyatakan dalam Nota 19. Tiada sebarang perubahan ketara dalam jenis aktiviti yang dijalankan sepanjang tahun kewangan.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2024 merangkumi penyata kewangan **TH** dan syarikat-syarikat subsidiari, termasuk perakaunan ekuiti bagi kepentingan dalam syarikat bersekutu dan entiti usahasama (secara bersama dikenali sebagai Kumpulan).

Penyata kewangan ini diterima dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah **TH** (“Lembaga”) pada 13 Februari 2025.

2. Asas penyediaan penyata kewangan

(a) Komposisi penyata kewangan **TH**

Penyata kewangan yang disediakan oleh **TH** merangkumi semua aset, liabiliti dan lebihan dana kepunyaan Kumpulan Wang selari dengan Seksyen 15 Akta **TH** di mana Kumpulan Wang ditadbir dan dikawal oleh **TH**.

Komponen utama penyata kewangan **TH** adalah seperti berikut:

(i) Aset

Aset merangkumi semua pelaburan yang dilakukan oleh **TH**, yang mempunyai kawalan dan hak undang-undang ke atas aset tersebut, seperti yang ditentukan dalam Seksyen 4 Akta **TH**, walaupun pemilikan bermanfaat aset dianggap dipunyai oleh Kumpulan Wang. Seksyen 20(1) Akta **TH** menyatakan bahawa aset Kumpulan Wang harus, setakat yang tidak dikehendaki dibelanjakan oleh Lembaga berdasarkan Akta **TH**, dilaburkan sepenuhnya atau sebahagian di dalam Malaysia atau di luar Malaysia dan dengan cara yang difikirkan wajar oleh Lembaga dan Seksyen 20(2) menyatakan bahawa Lembaga tidak boleh menggunakan kuasa pelaburan di bawah Seksyen 20(1) tanpa persetujuan Menteri.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

2. Asas penyediaan penyata kewangan (samb.)

(a) Komposisi penyata kewangan **TH** (samb.)

(ii) Liabiliti

Liabiliti meliputi semua pemiutang dan peruntukan seperti peruntukan zakat, peruntukan manfaat persaraan dan liabiliti lain, yang berkaitan dengan aktiviti utama **TH** dan yang mana **TH** mempunyai kewajipan undang-undang dan konstruktif untuk menyelesaikan liabiliti tersebut bagi pihak Kumpulan Wang.

(iii) Kumpulan wang simpanan pendeposit

Dana simpanan pendeposit adalah instrumen kompaun berdasarkan komponen liabiliti yang diwakili oleh jumlah yang perlu dibayar atas permintaan, dan komponen ekuiti seperti yang dinyatakan dalam MFRS 132 *Financial Instruments: Presentation* ("MFRS 132") yang timbul daripada keuntungan yang diisytihar mengikut budi bicara pengurusan seperti yang ditetapkan di bawah Seksyen 22 Akta **TH** Simpanan pendeposit dijamin oleh Kerajaan Malaysia seperti yang diperuntukkan dibawah Seksyen 24 Akta **TH** - Jaminan Bayaran Kerajaan yang menyatakan bahawa:

- Jika apa-apa pembayaran oleh **TH** berhubung dengan pengeluaran oleh pendeposit tidak dapat dipenuhi daripada Kumpulan Wang atau Kumpulan Wang Rizab ia akan diambil daripada dan dibayar semula kepada Kumpulan Wang Disatukan Kerajaan; dan
- Apa-apa bayaran daripada Kumpulan Wang Disatukan hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin dibayar balik oleh **TH** kepada Kumpulan Wang Disatukan dan sehingga ia dibayar balik, ia hendaklah menjadi hutang kepada Kerajaan dan cagaran pertama ke atas aset Kumpulan Wang dan Kumpulan Wang Rizab.

Seksyen 21 Akta **TH** menetapkan peruntukan berkaitan dengan Kumpulan Wang Rizab adalah seperti berikut:

- Seksyen 21(1) - **TH** hendaklah menubuhkan dan mengurus satu Kumpulan Wang Rizab.
- Seksyen 21(2) - **TH** boleh dari semasa ke semasa memindahkan aset daripada Kumpulan Wang Rizab kepada Kumpulan Wang atau daripada Kumpulan Wang kepada Kumpulan Wang Rizab.
- Seksyen 21(3) - Pemindahan kepada Kumpulan Wang Rizab ditentukan oleh **TH** manakala pemindahan keluar daripada Kumpulan Wang Rizab ditentukan oleh Menteri.
- Seksyen 21(4) - Seksyen 20 adalah terpakai bagi aset Kumpulan Wang Rizab sebagaimana ia terpakai untuk aset Kumpulan Wang.

(iv) Agihan keuntungan kepada pendeposit

TH boleh menurut budi bicara mutlaknyanya mengisytiharkan sejumlah keuntungan kepada pendepositnya. Selaras dengan Seksyen 22 Akta **TH** - Pengisytiharan Agihan Keuntungan, syarat- syaratnya adalah seperti berikut:

- Seksyen 22(1) - Tertakluk kepada seksyen ini, **TH** boleh mengikut budi bicara mutlaknyanya menentukan pada bila-bila masa sama ada ia mampu untuk mengisytihar sejumlah keuntungan untuk diagihkan bagi suatu tempoh atau tahun tertentu bagi Kumpulan Wang dan jika ia memutuskan untuk mengisytihar sedemikian, **TH** hendaklah, dengan kelulusan Menteri, mengisytiharkan sejumlah keuntungan yang dapat diagihkan untuk suatu tempoh atau tahun tertentu bagi Kumpulan Wang.
- Seksyen 22(2) - Jika suatu perisytiharan dibuat di bawah subseksyen (1), **TH** juga akan menentukan cara, jumlah dan masa untuk mengkreditkan keuntungan boleh diagihkan kepada pendeposit.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024** (samb.)**2. Asas penyediaan penyata kewangan** (samb.)**(a) Komposisi penyata kewangan TH** (samb.)**(iv) Agihan keuntungan kepada pendeposit** (samb.)

- c) Seksyen 22(3) - Tiada keuntungan boleh agih boleh diisytiharkan melainkan jika **TH** telah menubuhkan satu Kumpulan Wang Rizab dan tiada keuntungan boleh agih boleh diisytiharkan dalam mana-mana tahun kecuali pada akhir tahun itu:
 - (i) aset Kumpulan Wang adalah tidak kurang daripada agregat liabiliti Kumpulan Wang, amaun yang terhutang kepada pendeposit dikira seolah-olah dibayar serta-merta; dan
 - (ii) aset Kumpulan Wang Rizab tidak kurang dari suatu peratusan jumlah sebenar terkredit kepada pendeposit pada akhir tahun termasuk keuntungan boleh agih yang diluluskan oleh Perbendaharaan.
- d) Seksyen 22(4) - Apa-apa pembayaran yang dikehendaki dibuat daripada Kumpulan Wang bagi tujuan-tujuan seksyen ini hendaklah, setakat yang wang dalam Kumpulan Wang itu tak mencukupi bagi tujuan itu, dibuat daripada Kumpulan Wang Rizab.
- e) Seksyen 22(5) - Apa-apa keputusan Lembaga berkenaan amaun keuntungan boleh agih yang akan dibahagikan kepada seseorang pendeposit adalah muktamad dan mengikat pendeposit itu dan perakuan oleh Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah menjadi bukti konklusif tentang untung boleh bahagi yang dibahagikan kepada pendeposit itu.

(v) Lebihan dana

Lebihan dana adalah lebihan jumlah aset berbanding jumlah liabiliti Kumpulan Wang, yang terdiri daripada yang berikut:

Boleh agih:

- a) Rizab keuntungan
Rizab keuntungan mewakili keuntungan terkumpul boleh agih **TH**, di mana berdasarkan budi bicara Lembaga, ianya dapat digunakan untuk tujuan pengagihan keuntungan tertakluk kepada Seksyen 22 Akta **TH** yang perlu dipenuhi seperti dinyatakan selanjutnya di Nota 2(a)(iv).
- b) Rizab penyamaan
TH boleh memindahkan kepada rizab penyamaan jumlah tertentu yang ditetapkan oleh ahli-ahli Lembaga dari semasa ke semasa untuk memantapkan rizab **TH** dalam mencapai pengukuhan kewangan berterusan dan agihan keuntungan berhemah kepada pendeposit.

Tidak boleh agih:

- c) Rizab berkanun
Rizab tidak boleh agih ditubuhkan sebagai Kumpulan Wang Rizab selaras dengan peruntukan Seksyen 21 Akta **TH**. Mengikut Seksyen 21(3) Akta **TH**, pindahan kepada rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Lembaga manakala pindahan daripada rizab berkanun hendaklah ditentukan oleh Menteri.
- d) Rizab nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain ("FVOCI")
Rizab tidak boleh agih yang terdiri daripada perubahan bersih kumulatif dalam nilai saksama aset kewangan pada FVOCI. Selain itu, peruntukan kerugian yang timbul daripada pengiktirafan jangkaan kerugian kredit instrumen hutang pada FVOCI disatukan dalam rizab ini dan bukannya mengurangkan jumlah dibawa bagi aset.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

2. Asas penyediaan penyata kewangan *(samb.)*

(a) Komposisi penyata kewangan **TH** *(samb.)*

(vi) Kutipan bayaran haji dari jemaah haji

Kutipan bayaran haji merupakan jumlah yang perlu dibayar oleh jemaah haji untuk melaksanakan haji pada setiap tahun. Jumlah ini dianggap sebagai pemerolehan semula kos langsung haji yang ditanggung oleh **TH**.

(vii) Dana kebajikan bagi tujuan khas (Tabung Kebajikan Jemaah Haji Malaysia (“TKJHM”) dan Tabung Was'ul Khair Tetamu Allah (“TWT”) (dahulunya dikenali sebagai Tabung Warga Tua))

Dana TKJHM ditubuhkan oleh **TH** untuk menampung kebajikan jemaah haji mengikut garis panduan yang telah ditetapkan oleh Jawatankuasa TKJHM. Garis panduan ini menjelaskan penggunaan dana TKJHM yang antara lain merangkumi perlindungan, pengawasan dan kebajikan jemaah haji serta perkhidmatan masyarakat umum.

Pada akhir tempoh pelaporan, Kumpulan dan **TH** menyemak semula sama ada terdapat sebarang tanda-tanda rosot nilai. Jika tanda-tanda tersebut wujud, analisis dijalankan untuk menyemak sama ada jumlah dibawa aset tersebut boleh dipulih semula sepenuhnya. Jika jumlah dibawa melebihi nilai boleh diperolehi, penurunan nilai akan dibuat. Dasar perakaunan berkaitan rosot nilai aset bukan kewangan dinyatakan dalam Note 3(t)(ii).

c) Liabiliti pajakan

Liabiliti pajakan pada mulanya diukur pada nilai semasa bagi bayaran pajakan yang belum dibayar pada tarikh tersebut. Bayaran pajakan termasuk yang berikut:

- i) Pembayaran tetap (termasuk pembayaran tetap pada hakikat), tolak sebarang insentif pajakan belum terima;
- ii) Bayaran pajakan boleh ubah berdasarkan indeks atau kadar, yang pada mulanya diukur menggunakan indeks atau kadar pada tarikh permulaan;
- iii) Amaun yang dijangka akan dibayar oleh Kumpulan dan **TH** mengikut jaminan nilai sisa;
- iv) Harga pelaksanaan opsyen pembelian dan pelanjutan jika Kumpulan dan **TH** berkemungkinan besar akan melaksanakan pilihan tersebut; dan
- v) Pembayaran penalti untuk menamatkan pajakan, jika tempoh pajakan mencerminkan pelaksanaan pilihan tersebut oleh Kumpulan dan **TH**.

Bayaran pajakan didiskaunkan menggunakan kadar keuntungan yang tersirat dalam pajakan. Sekiranya kadar itu tidak dapat ditentukan dengan mudah, yang biasanya berlaku bagi pajakan dalam Kumpulan dan **TH**, kadar pinjaman tambahan penerima pajakan digunakan. Ini adalah kadar yang perlu dibayar oleh penerima pajak individu untuk meminjam dana yang diperlukan untuk mendapatkan aset yang bersamaan nilai dengan hak penggunaan aset dalam persekitaran ekonomi yang serupa dengan syarat, cagaran dan keadaan yang sama.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(r) Pajakan *(samb.)*

(i) Perakaunan oleh penerima pajakan *(samb.)*

c) Liabiliti pajakan *(samb.)*

Bayaran pajakan diperuntukkan antara prinsipal dan kos kewangan. Kos kewangan dicajkan kepada untung atau rugi sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang berterusan ke atas baki liabiliti untuk setiap tempoh pajakan.

Bayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada jualan diiktiraf dalam untung atau rugi dalam tempoh di mana keadaan yang mencetuskan pembayaran tersebut berlaku.

Kumpulan dan **TH** membentangkan liabiliti pajakan sebagai barisan item berasingan dalam penyata kedudukan kewangan. Perbelanjaan kewangan dari liabiliti pajakan dibentangkan sebagai sebahagian daripada kos kewangan dalam penyata untung atau rugi.

d) Semakan semula liabiliti pajakan

Kumpulan dan **TH** juga terdedah kepada potensi peningkatan bayaran pajakan boleh ubah yang bergantung kepada indeks atau kadar, yang tidak termasuk dalam liabiliti pajakan sehingga ia berkuat kuasa. Apabila pelarasan untuk bayaran pajakan berdasarkan indeks atau kadar berkuat kuasa, liabiliti pajakan diukur semula dan diselaraskan terhadap hak penggunaan aset.

e) Pajakan jangka pendek dan pajakan aset bernilai rendah

Pajakan jangka pendek adalah pajakan dengan tempoh pajakan 12 bulan atau kurang. Aset bernilai rendah terdiri daripada peralatan teknologi maklumat dan peralatan pejabat bernilai rendah. Pembayaran yang berkaitan dengan pajakan peralatan dan kenderaan jangka pendek dan semua pajakan aset bernilai rendah diiktiraf berdasarkan asas garis lurus sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi.

(ii) Perakaunan oleh pemberi pajakan

Sebagai pemberi pajakan, Kumpulan dan **TH** menentukan pada permulaan pajakan sama ada setiap pajakan adalah pajakan kewangan atau pajakan operasi. Untuk mengelaskan setiap pajakan, Kumpulan dan **TH** membuat penilaian keseluruhan sama ada pajakan dengan ketara memindahkan semua risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajakan kepada penerima pajakan. Sebagai sebahagian daripada penilaian ini, Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan beberapa petunjuk tertentu seperti sama ada pajakan itu adalah untuk sebahagian besar daripada hayat ekonomi aset tersebut.

a) Pajakan kewangan

Kumpulan dan **TH** mengelaskan pajakan sebagai pajakan kewangan sekiranya pajakan memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajakan kepada penerima pajakan.

Kumpulan dan **TH** menyahiktiraf aset yang mendasari pajakan dan mengiktiraf terimaan pajakan kewangan pada jumlah yang sama dengan pelaburan bersih dalam pajakan kewangan. Pelaburan bersih dalam pajakan kewangan diukur pada amaun yang bersamaan dengan jumlah nilai semasa bayaran pajakan daripada penerima pajakan dan nilai baki aset yang tidak dijamin. Kos awal langsung juga termasuk dalam pengukuran awal pelaburan bersih. Pelaburan bersih adalah tertakluk kepada rosot nilai dibawah MFRS 9 (rujuk kepada Nota 3(t)(i) berkenaan rosot nilai aset kewangan). Di samping itu, Kumpulan dan **TH** membuat semakan secara berkala atas anggaran nilai baki aset yang tidak dijamin.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024** *(samb.)***3. Maklumat dasar perakaunan material** *(samb.)***(r) Pajakan** *(samb.)***(ii) Perakaunan oleh pemberi pajakan** *(samb.)***a) Pajakan kewangan** *(samb.)*

Pendapatan pajakan diiktiraf sepanjang tempoh pajakan dengan menggunakan kaedah pelaburan bersih untuk mencerminkan kadar pulangan berkala yang berterusan. Kumpulan dan **TH** menyemak semula peruntukan pendapatan pajakan sekiranya terdapat pengurangan dalam anggaran nilai baki yang tidak dijamin.

b) Pajakan operasi

Kumpulan dan **TH** mengelaskan pajakan sebagai pajakan operasi jika pajakan tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan manfaat yang berkaitan dengan pemilikan aset yang mendasari pajakan kepada penerima pajakan.

Kumpulan dan **TH** mengiktiraf bayaran pajakan yang diterima di bawah pajakan operasi sebagai pendapatan pajakan berdasarkan asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

c) Pengelasan pajakan semula

Apabila Kumpulan dan **TH** adalah pemberi pajakan perantara, ia menilai pengelasan kepada pajakan semula dengan merujuk kepada hak penggunaan aset yang timbul daripada pajakan asal, bukan dengan merujuk kepada aset yang mendasari pajakan. Jika pajakan asal adalah pajakan jangka pendek yang mana Kumpulan dan **TH** menggunakan pengecualian yang dinyatakan di atas, maka ia mengelaskan pajakan semula tersebut sebagai pajakan operasi.

d) Pengasingan komponen pajakan dan bukan pajakan

Sekiranya sesuatu pengaturan kontrak mempunyai komponen pajakan dan bukan pajakan, Kumpulan dan **TH** membahagikan jumlah kontrak kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga jualan secara berasingan mengikut prinsip-prinsip dibawah MFRS 15.

(s) Aset tak ketara**(i) Muhibah**

Muhibah merupakan lebihan kos pengambilalihan perniagaan berbanding kepentingan Kumpulan dalam nilai saksama aset, liabiliti dan liabiliti luar jangka yang dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan. Muhibah tidak dilunaskan tetapi disemak setiap tahun untuk menentukan sama ada terdapat sebarang kerugian rosot nilai atau disemak dengan lebih kerap sekiranya terdapat perubahan atau peristiwa tertentu yang boleh menjejaskan nilainya. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf serta- merta dalam untung atau rugi dan tidak boleh dibalikkan semula dalam tempoh-tempoh berikutnya.

Penetapan jumlah boleh diperoleh semula adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 3(t)(ii).

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(t) Rosot nilai

(i) Aset kewangan

Rosot nilai instrumen hutang, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan

Kumpulan dan **TH** menilai, berdasarkan asas pandang ke hadapan, jangkaan kerugian kredit (“ECL”) berkaitan dengan instrumen hutang yang dibawa pada kos terlunas dan pada FVOCI, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan yang telah diterbitkan. Kaedah rosot nilai yang digunakan bergantung kepada sama ada terdapatnya peningkatan risiko kredit yang ketara.

Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan dan **TH** menilai secara individu sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit atau bukti objektif rosot nilai wujud bagi aset kewangan yang penting dan secara kolektif untuk aset kewangan yang tidak penting secara individu. Jika ia ditentukan bahawa terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit atau bukti objektif rosot nilai wujud, iaitu rosot nilai kredit, untuk aset kewangan yang dinilai secara individu, diukur pada kos yang dilunaskan dan FVOCI, ECL sepanjang hayat akan diiktiraf untuk kerugian rosot nilai yang telah ditanggung.

Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan impak pandemik COVID-19 dan mengambil kira langkah-langkah ekonomi dan kewangan yang telah diumumkan oleh Kerajaan Malaysia dalam menganggarkan ECL ke atas aset-aset kewangan.

Kumpulan dan **TH** mempunyai enam jenis instrumen kewangan yang tertakluk sama ada kepada pendekatan 3 peringkat untuk pengiraan ECL atau pendekatan mudah seperti berikut:

- i) Tunai dan dana jangka pendek dan deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain
- ii) Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain
- iii) Terimaan hutang perniagaan dan aset kontrak
- iv) Instrumen hutang pada kos terlunas
- v) Instrumen hutang diukur pada FVOCI
- vi) Aset kewangan lain pada kos terlunas

ECL merupakan satu anggaran mengikut pemberat kebarangkalian bagi perbezaan antara nilai semasa aliran tunai berdasarkan kontrak dengan nilai semasa aliran tunai yang mana Kumpulan dan **TH** dijangka akan terima sepanjang baki hayat instrumen kewangan berkenaan. Bagi kontrak jaminan kewangan, ECL adalah perbezaan antara jangkaan jumlah bayaran jaminan kepada pemegang instrumen hutang yang dijamin, tolak sebarang jumlah yang dijangka akan diterima oleh Kumpulan atau **TH** daripada pemegang instrumen, penghutang atau pihak lain.

Pengiraan ECL mencerminkan:

- satu jumlah yang tidak berat sebelah berdasarkan pemberat kebarangkalian yang ditentukan dengan menilai hasil dari satu julat;
- nilai masa bagi wang; dan
- maklumat yang munasabah dan boleh disokong tanpa melibatkan kos atau usaha yang berlebihan pada tarikh pelaporan tentang peristiwa yang telah berlaku, keadaan semasa dan unjuran keadaan ekonomi pada masa hadapan.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

3. Maklumat dasar perakaunan material (samb.)

(t) Rosot nilai (samb.)

(i) Aset kewangan (samb.)

Rosot nilai instrumen hutang, komitmen kewangan dan kontrak jaminan kewangan (samb.)

Pendekatan 3 peringkat

Di bawah penilaian kolektif, Kumpulan menggunakan pendekatan tiga peringkat untuk mengukur ECL aset kewangan yang diukur pada kos terlunas dan pada FVOCI. Aset kewangan akan dipindahkan melalui tiga peringkat berikut berdasarkan perubahan dalam kualiti kredit sejak pengiktirafan awal:

i) Peringkat 1: ECL 12 bulan (“Peringkat 1”)

Untuk pendedahan di mana tidak ada peningkatan yang ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal dan yang tidak menjejaskan kredit selepas pengiktirafan, bahagian ECL sepanjang hayat yang berkaitan dengan kebarangkalian kegagalan pembayaran yang berlaku dalam tempoh 12 bulan akan datang diiktiraf.

ii) Peringkat 2: ECL sepanjang hayat - tidak menjejaskan kredit (“Peringkat 2”)

Untuk pendedahan di mana terdapat peningkatan yang ketara dalam risiko kredit sejak pengiktirafan awal tetapi yang tidak menjejaskan kredit, ECL sepanjang hayat diiktiraf.

iii) Peringkat 3: ECL seumur hidup - menjejaskan kredit (“Peringkat 3”)

Aset kewangan dinilai sebagai terjejas kredit apabila terdapat satu atau lebih peristiwa yang mempunyai kesan negatif ke atas anggaran aliran tunai masa hadapan aset tersebut telah berlaku. Bagi aset kewangan yang telah terjejas kredit, ECL sepanjang hayat adalah diiktiraf.

Pendekatan mudah

Kumpulan dan **TH** menggunakan pendekatan mudah di bawah MFRS 9 untuk mengukur ECL yang menggunakan ECL seumur hidup secara amnya untuk semua terimaan perdagangan dan terimaan lain- lain dan aset kontrak. Nota 42(i)(a) memberikan butiran terperinci pengukuran ECL.

Peningkatan ketara risiko kredit

Kumpulan dan **TH** menimbangkan kemungkinan akan adanya kegagalan membayar balik instrumen kewangan semasa pengiktirafan awal aset tersebut dan sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit secara berterusan sepanjang tempoh pelaporan. Untuk menilai sama ada terdapat peningkatan ketara dalam risiko kredit, Kumpulan dan **TH** membandingkan risiko berlakunya kegagalan untuk membayar balik aset kewangan pada tarikh pelaporan dengan risiko berlakunya kegagalan untuk membayar balik pada tarikh pengiktirafan awal. Kumpulan dan **TH** menimbangkan maklumat sedia ada yang berpandangan ke hadapan yang munasabah dan dapat disokong.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

3. Maklumat dasar perakaunan material (samb.)

(t) Rosot nilai (samb.)

(i) Aset kewangan (samb.)

Peningkatan ketara risiko kredit (samb.)

Petunjuk-petunjuk berikut diambil kira dalam menilai risiko kredit:

- penarafan kredit dalaman;
- penarafan kredit luaran (sebanyak mana yang tersedia);
- perubahan ketara yang telah atau dijangka memberi kesan buruk kepada perniagaan, keadaan kewangan atau ekonomi yang dijangka akan mengakibatkan perubahan ketara kepada keupayaan penghutang untuk memenuhi obligasi;
- perubahan ketara sebenar atau yang dijangka dalam hasil operasi penghutang;
- peningkatan ketara dalam risiko kredit instrumen kewangan lain bagi penghutang yang sama;
- perubahan ketara dalam nilai cagaran yang menyokong obligasi atau dalam kualiti jaminan pihak ketiga atau penambahbaikan kredit; dan
- perubahan ketara dalam jangkaan prestasi dan kelakuan penghutang, termasuk perubahan dalam status pembayaran penghutang dalam kumpulan serta perubahan dalam hasil operasi penghutang.

Maklumat makroekonomi (seperti kadar faedah pasaran atau kadar pertumbuhan) diambil kira sebagai sebahagian model penarafan dalaman.

Tanpa bersandarkan analisis di atas, peningkatan ketara risiko kredit dianggap wujud jika penghutang mempunyai tempoh melebihi 30 hari dari tarikh hutang perlu dibayar mengikut kontrak.

Takrifan kegagalan untuk membayar balik dan rosot nilai kredit aset kewangan

Kumpulan dan **TH** menakrifkan suatu instrumen kewangan sebagai gagal dibayar balik, yang selari dengan takrifan nilai kredit terjejas, apabila ia gagal memenuhi satu atau lebih ciri-ciri berikut:

Ciri-ciri kuantitatif:

Kumpulan dan **TH** menakrifkan instrumen kewangan sebagai gagal dibayar balik apabila penghutang gagal membuat pembayaran mengikut kontrak apabila mereka mempunyai lebih daripada 90 hari melepasi tempoh bayaran mengikut kontrak.

Ciri-ciri kualitatif:

Penghutang memenuhi ciri-ciri berkemungkinan untuk gagal membayar yang memberi gambaran bahawa penghutang menghadapi masalah kewangan yang ketara. Kumpulan dan **TH** mempertimbangkan perkara-perkara berikut:

- penghutang melanggar syarat-syarat perjanjian kewangan;
- konsesi telah dibuat oleh pemberi pinjaman berkaitan dengan masalah kewangan penghutang;
- terdapatnya kemungkinan bahawa penghutang akan menjadi muflis atau berlaku penyusunan semula urusan kewangan penghutang; dan
- penghutang menjadi tidak solven.

Instrumen kewangan yang mengalami kemerosotan nilai kredit disemak secara individu. Pembiayaan kepada syarikat subsidiari dalam penyata kewangan **TH** disemak secara individu untuk pengiraan ECL, kerana maklumat risiko kredit diperoleh dan dipantau berdasarkan setiap pembiayaan kepada syarikat subsidiari.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

3. Maklumat dasar perakaunan material (samb.)

(t) Rosot nilai (samb.)

(i) Aset kewangan (samb.)

Takrifan kegagalan untuk membayar balik dan rosot nilai kredit aset kewangan (samb.)

Ciri-ciri kualitatif: (samb.)

Pengukuran ECL ke atas pembiayaan kepada syarikat subsidiari telah dilakukan berdasarkan kaedah aliran tunai didiskaunkan dan dengan meneliti 3 senario yang berbeza iaitu Kes Asas, Kes Terbaik dan Kes Terburuk berdasarkan pemberat tertentu yang telah diletakkan bagi senario-senario tersebut.

(ii) Aset bukan kewangan (merangkumi syarikat subsidiari, syarikat bersekutu, entiti usahasama, hartanah, loji dan peralatan dan aset bukan kewangan lain)

Kumpulan dan **TH** menyemak rosot nilai bagi aset bukan kewangan, apabila peristiwa atau perubahan keadaan menunjukkan bahawa jumlah dibawa berkemungkinan tidak dapat diperoleh semula (iaitu jumlah dibawa melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula).

Jumlah boleh diperoleh semula bagi sesuatu aset adalah jumlah yang lebih tinggi antara nilai dalam penggunaan berbanding nilai saksama tolak kos untuk dijual. Dalam menilai nilai dalam penggunaan, anggaran aliran tunai hadapan didiskaunkan kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus kepada aset tersebut.

Kerugian rosot nilai diiktiraf jika jumlah dibawa aset atau unit penajaan tunainya melebihi jumlah yang boleh diperoleh semula. Kerugian rosot nilai diiktiraf dalam untung atau rugi.

Kerugian rosot nilai yang diiktiraf dalam tahun-tahun terdahulu dinilai pada akhir setiap tempoh pelaporan untuk mengenal pasti sebarang petunjuk sama ada kerugian telah berkurangan atau tidak lagi wujud. Kerugian rosot nilai dibalikkan jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan jumlah yang boleh diperoleh semula sejak kerugian rosot nilai terdahulu diiktiraf. Kerugian rosot nilai dibalikkan hanya setakat jumlah yang dibawa aset tidak melebihi jumlah yang seolah-olah akan dibawa, bersih selepas susut nilai atau pelunasan, jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf. Pembalikan kerugian rosot nilai dikreditkan dalam untung atau rugi pada tahun di mana pembalikan itu diiktiraf.

(u) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf jika, disebabkan peristiwa yang pernah berlaku, Kumpulan dan **TH** mempunyai obligasi semasa secara sah di bawah undang-undang atau secara konstruktif yang boleh dianggarkan dengan munasabah, dan ia berkemungkinan akan mengakibatkan aliran keluar manfaat ekonomi untuk menyelesaikan obligasi tersebut.

Jika Kumpulan dan **TH** menjangkakan peruntukan akan dibayar balik oleh pihak lain, pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan hanya jika pembayaran balik itu pasti diterima. Peruntukan tidak diiktiraf untuk jangkaan kerugian operasi pada masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kebarangkalian aliran keluar yang diperlukan untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan jenis obligasi secara keseluruhan. Peruntukan diiktiraf walaupun kebarangkalian aliran keluar bagi mana-mana item yang termasuk dalam jenis obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur berdasarkan anggaran terbaik pengurusan bagi nilai semasa jangkaan perbelanjaan yang diperlukan untuk menyelesaikan obligasi menggunakan kadar sebelum cukai yang mencerminkan nilai pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko yang khusus bagi obligasi tersebut.

Peruntukan dikaji pada setiap tarikh pelaporan dan jika tidak lagi berkemungkinan aliran keluar sumber faedah ekonomi diperlukan untuk menyelesaikan obligasi tersebut, peruntukan tersebut dibalikkan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(v) Manfaat kakitangan

(i) Manfaat jangka pendek

Upah, gaji, bonus dan caruman sekuriti sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan Kumpulan dan **TH**. Ketidakhadiran berbayar terkumpul jangka pendek seperti cuti tahunan berbayar diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila perkhidmatan dilaksanakan oleh kakitangan yang meningkatkan kelayakan kakitangan kepada ketidakhadiran berbayar masa hadapan. Ketidakhadiran berbayar tidak terkumpul jangka pendek seperti cuti sakit hanya diiktiraf apabila ketidakhadiran berlaku.

(ii) Manfaat jangka panjang lain

Manfaat pekerja jangka panjang yang lain adalah manfaat yang tidak dijangka akan diselesaikan sepenuhnya sebelum dua belas bulan selepas tarikh akhir pelaporan di mana pekerja melaksanakan perkhidmatan yang berkaitan.

Kos bagi manfaat pekerja jangka panjang diakru untuk memadankan perkhidmatan yang diberikan oleh Kumpulan menggunakan asas pengiktirafan dan pengukuran yang serupa dengan pelan manfaat ditentukan yang dinyatakan dalam Nota 3(v)(iv); namun begitu pengukuran semula manfaat tersebut diiktiraf serta merta dalam untung atau rugi.

(iii) Pelan caruman ditentukan

Kumpulan dan **TH** membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan skim pencen yang diluluskan untuk kakitangan. Caruman ini merupakan pelan caruman tetap yang mana caruman ini diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi setelah ia berlaku. Apabila caruman telah dibayar, Kumpulan dan **TH** tidak lagi menanggung apa-apa liabiliti tambahan.

(iv) Pelan manfaat ditentukan

Kumpulan dan **TH** mengendalikan Pelan Manfaat Persaraan ("Pelan") tidak berdana untuk kakitangan yang layak. Obligasi manfaat persaraan dikira setiap tiga tahun oleh aktuari bebas menggunakan Kaedah Unjuran Kredit Unit, di mana jumlah manfaat yang diperoleh kakitangan sebagai balasan perkhidmatan mereka pada tahun kewangan semasa dan tahun-tahun terdahulu dianggarkan. Pengukuran semula yang merangkumi keuntungan dan kerugian aktuari diiktiraf serta merta dalam penyata kedudukan kewangan dengan debit atau kredit yang sepadan dalam keuntungan terkumpul melalui pendapatan komprehensif lain ("OCI") dalam tempoh di mana penilaian aktuari dilakukan. Pengukuran semula tidak dikelaskan semula kepada untung atau rugi pada tempoh-tempoh berikutnya.

Pengukuran semula liabiliti pelan ditentukan bersih untuk manfaat selepas persaraan perlu diiktiraf dalam OCI, manakala untuk manfaat jangka panjang yang lain diiktiraf dalam untung atau rugi. Semua pelan manfaat dianggap sebagai manfaat selepas persaraan kecuali manfaat haji kerana manfaat tersebut boleh digunakan semasa dalam tempoh perkhidmatan dan setelah bersara.

Kos perkhidmatan yang telah dilaksanakan diiktiraf dalam untung atau rugi pada awal:

- Tarikh pindaan atau pengurangan pelan; dan
- Tarikh Kumpulan dan **TH** mengiktiraf kos berkaitan penyusunan semula.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(v) Manfaat kakitangan *(samb.)*

(iv) Pelan manfaat ditentukan *(samb.)*

Kos kewangan bersih dikira dengan menggunakan kadar diskaun terhadap jumlah liabiliti pelan ditentukan bersih. Kumpulan dan **TH** mengiktiraf perubahan berikut dalam obligasi manfaat ditentukan bersih di bawah ‘perbelanjaan manfaat persaraan’ dalam untung atau rugi:

- Kos perkhidmatan merangkumi kos perkhidmatan semasa, kos perkhidmatan masa terdahulu, keuntungan dan kerugian dan pengurangan dan penyelesaian tidak berkala; dan
- Perbelanjaan atau pendapatan kewangan bersih.

Manfaat persaraan jangka panjang **TH** yang tidak berdana adalah seperti berikut:

- i) Manfaat perubatan;
- ii) Ganjaran cuti rehat tahunan terkumpul;
- iii) Anugerah menunaikan fardhu haji; dan
- iv) Pembayaran gratuiti.

(w) Mata wang fungsian dan pembentangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (“RM”), yang merupakan mata wang fungsian **TH**. Semua maklumat kewangan yang dibentangkan dalam RM telah dibundarkan kepada jumlah ribu yang terdekat, kecuali jika dinyatakan sebaliknya. Mata wang fungsian adalah mata wang utama dalam persekitaran ekonomi di mana **TH** beroperasi. Operasi luar negara Kumpulan dan **TH** mempunyai mata wang fungsian yang berbeza.

(x) Mata wang asing

(i) Urus niaga dan baki dalam mata wang asing

Urus niaga dalam mata wang asing diterjemahkan kepada mata wang fungsian setiap entiti menggunakan kadar tukaran semasa pada tarikh urus niaga dilaksanakan.

Aset dan liabiliti kewangan dalam denominasi mata wang asing pada akhir tempoh pelaporan diterjemahkan kepada mata wang fungsian pada kadar penutup tukaran asing pada tarikh tersebut. Perubahan dalam nilai saksama sekuriti kewangan dalam denominasi mata wang asing yang dikelaskan sebagai instrumen hutang pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain dianalisis antara perbezaan terjemahan yang timbul daripada perubahan dalam kos terlunas sekuriti tersebut berbanding perubahan-perubahan lain dalam jumlah yang dibawa oleh sekuriti. Perbezaan tukaran mata wang asing yang berkaitan dengan perubahan dalam kos terlunas diiktiraf dalam untung atau rugi, dan perubahan-perubahan lain dalam jumlah dibawa diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain.

Aset dan liabiliti bukan kewangan dalam denominasi mata wang asing tidak diterjemah semula pada tarikh akhir tempoh pelaporan kecuali aset dan liabiliti bukan kewangan yang diukur pada nilai saksama yang diterjemahkan semula kepada mata wang fungsian menggunakan kadar tukaran pada tarikh nilai saksama ditentukan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(x) Mata wang asing *(samb.)*

(i) Urus niaga dan baki dalam mata wang asing *(samb.)*

Item bukan monetari yang diukur pada nilai saksama dalam mata wang asing diterjemah menggunakan kadar tukaran pada tarikh di mana nilai saksama ditentukan. Perbezaan tukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti yang dibawa pada nilai saksama dilaporkan sebagai sebahagian daripada untung atau rugi nilai saksama. Perbezaan tukaran mata wang asing bagi aset dan liabiliti bukan kewangan seperti ekuiti yang dipegang pada nilai saksama melalui untung atau rugi diiktiraf dalam untung atau rugi sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian nilai saksama. Perbezaan tukaran mata wang asing bagi aset kewangan bukan monetari, seperti ekuiti yang dikelaskan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain, adalah diambil kira dalam pendapatan komprehensif lain.

(ii) Operasi yang didenominasi dalam mata wang fungsian selain Ringgit Malaysia ("RM")

Aset dan liabiliti bagi operasi dalam denominasi mata wang fungsian selain RM, termasuk pelarasan nilai saksama yang timbul daripada pengambilalihan, diterjemahkan kepada RM pada kadar tukaran pada akhir tempoh pelaporan. Pendapatan dan perbelanjaan operasi luar negara diterjemah kepada RM pada kadar tukaran pada tarikh urus niaga. Perbezaan tukaran mata wang asing yang timbul daripada terjemahan operasi yang didenominasi dalam mata wang asing diiktiraf dalam pendapatan komprehensif lain sebagai perbezaan tukaran mata wang berkenaan dengan operasi asing.

Apabila operasi yang didenominasi dalam mata wang asing dilupuskan melalui penjualan yang mengakibatkan kehilangan kawalan atau pengaruh penting, rizab perbezaan tukaran mata wang asing terkumpul bagi operasi tersebut dikelaskan kepada untung atau rugi sebagai sebahagian daripada keuntungan atau kerugian atas penjualan.

Bagi pelupusan separa kepentingan pemilikan yang tidak menyebabkan Kumpulan kehilangan kawalan terhadap syarikat subsidiari yang terdapat operasi asing, bahagian rizab tukaran asing terkumpul yang dilupuskan dipindahkan kepada kepentingan minoriti dan tidak diiktiraf dalam untung atau rugi. Bagi lain-lain pelupusan separa (iaitu pengurangan kepentingan pemilikan Kumpulan dalam syarikat bersekutu atau entiti usahasama yang tidak menyebabkan Kumpulan kehilangan pengaruh penting atau kawalan bersama) bahagian rizab perbezaan tukaran mata wang asing terkumpul dikelaskan kepada untung atau rugi.

(y) Pengiktirafan pendapatan

(i) Pendapatan pelaburan

Keuntungan dari instrumen hutang patuh Syariah diiktiraf dalam untung atau rugi atas asas akrual menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Dividen daripada pelaburan diiktiraf apabila hak untuk menerima dividen telah ditetapkan.

Keuntungan daripada sekuriti hutang dan pelaburan dalam pasaran wang diperakaunkan atas asas akrual.

Pendapatan daripada sumber tidak patuh Syariah tidak diiktiraf dalam untung atau rugi, sejajar dengan garis panduan yang diterbitkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti dan Jawatankuasa Penasihat Syariah **TH**. Pendapatan ini diambil kira dalam penyata kedudukan kewangan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(y) Pengiktirafan pendapatan *(samb.)*

(ii) Penjualan barangan

Pendapatan diukur berdasarkan harga jualan yang dinyatakan dalam kontrak dengan pelanggan sebagai pertukaran untuk memindahkan barangan dan perkhidmatan kepada pelanggan, kecuali jumlah yang diterima bagi pihak ketiga. Kumpulan mengiktiraf pendapatan apabila atau semasa ia memindahkan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan kepada pelanggan. Aset dipindahkan apabila atau semasa pelanggan memperoleh kawalan terhadap aset tersebut.

Kumpulan memindahkan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan pada satu masa melainkan salah satu ciri-ciri berikut dipenuhi, di mana pemindahan kawalan terhadap barangan atau perkhidmatan dianggap telah selesai dalam sesuatu tempoh masa:

- (a) pelanggan secara serentak menerima dan menggunakan manfaat yang disediakan ketika Kumpulan melaksanakan kontrak;
- (b) pelaksanaan oleh Kumpulan mewujudkan atau meningkatkan nilai aset yang dikawal oleh pelanggan ketika aset sedang diwujudkan atau ditingkatkan nilai; atau
- (c) pelaksanaan oleh Kumpulan tidak mewujudkan aset untuk kegunaan alternatif dan Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan terhadap bayaran bagi pelaksanaan yang telah selesai sehingga kini.

(iii) Kontrak pembinaan

Di bawah kontrak pembinaan, Kumpulan dilantik untuk membina bangunan dan infrastruktur yang berkaitan dan membekalkan peralatan dalam keadaan tertentu. Kontrak ini berkemungkinan mengandungi pelbagai janji kepada pelanggan dan dengan itu diperakaunkan secara berasingan bagi setiap pelaksanaan obligasi kerja. Nilai saksama bagi pendapatan, yang berdasarkan harga tetap di bawah perjanjian, akan diagihkan berdasarkan harga jualan yang berasingan sebagai balasan bagi setiap satu pelaksanaan obligasi kerja. Kumpulan mengiktiraf pendapatan pembinaan dari semasa ke semasa kerana projek yang dibina tidak mempunyai penggunaan alternatif kepada Kumpulan dan ia mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan ke atas bayaran bagi kerja-kerja yang telah siap dilaksanakan sehingga kini. Tahap siap diukur menggunakan kaedah input, yang berdasarkan jumlah keseluruhan kos pembinaan sebenar yang ditanggung sehingga kini berbanding jumlah keseluruhan kos yang dianggarkan untuk setiap projek pembinaan.

(iv) Pembangunan hartanah

Kontrak dengan pelanggan berkemungkinan mengandungi pelbagai janji kepada pelanggan dan dengan itu diambil kira sebagai pelaksanaan obligasi kerja secara berasingan. Dengan itu, harga urus niaga akan diagihkan kepada setiap pelaksanaan obligasi kerja berdasarkan harga jualan tersendiri. Jika pelaksanaan ini tidak dapat diasingkan secara langsung, jumlah tersebut dianggarkan berdasarkan jangkaan kos dengan tambahan margin.

Pendapatan daripada pembangunan hartanah diukur pada harga urus niaga yang telah ditetapkan dan dipersetujui di bawah perjanjian jual beli.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(y) Pengiktirafan pendapatan *(samb.)*

(iv) Pembangunan hartanah *(samb.)*

Pendapatan daripada pembangunan hartanah diiktiraf apabila kawalan terhadap aset dipindahkan kepada pelanggan dan berkemungkinan Kumpulan akan mendapat hasil yang layak diterima sebagai pertukaran untuk aset yang akan dipindahkan kepada pelanggan. Bergantung kepada syarat-syarat kontrak dan undang-undang yang terpakai menurut kontrak, kawalan terhadap aset boleh dipindahkan dari semasa ke semasa atau pada satu-satu masa. Kawalan terhadap aset dipindahkan dari semasa ke semasa jika pelaksanaan kerja oleh Kumpulan tidak mewujudkan aset yang mempunyai kegunaan alternatif kepada Kumpulan dan Kumpulan mempunyai hak yang boleh dikuatkuasakan untuk menerima pembayaran bagi kerja-kerja yang telah disiapkan sehingga kini.

Perkara ini secara amnya wujud apabila:

- (a) hartanah yang dijanjikan dikenal pasti secara khusus melalui plotnya, nombor lot dan nombor petak serta ciri-ciri (seperti saiz dan lokasi) dalam perjanjian jual beli dan pelan susun atur yang dilampirkan dan pembeli boleh menguatkuasakan hak mereka kepada hartanah yang dijanjikan sekiranya Kumpulan berusaha untuk menjual unit mereka kepada pembeli lain. Sekatan di bawah kontrak ke atas keupayaan Kumpulan untuk mengarahkan hartanah kediaman yang dijanjikan untuk kegunaan lain adalah substantif dan hartanah dijanjikan yang dijual kepada pembeli tidak mempunyai kegunaan alternatif kepada Kumpulan; dan
- (b) Kumpulan mempunyai hak untuk menerima bayaran mengikut pelaksanaan kerja yang telah siap sehingga kini dan berhak untuk terus memindahkan unit pembangunan yang dijanjikan kepada pembeli dan mempunyai hak untuk menyelesaikan pembinaan hartanah dan menguatkuasakan haknya untuk menerima bayaran penuh.

Jika kawalan terhadap aset dipindahkan dari semasa ke semasa, pendapatan diiktiraf sepanjang tempoh kontrak dengan merujuk kepada tahap kemajuan ke arah memenuhi pelaksanaan obligasi kerja tersebut. Jika tidak, pendapatan diiktiraf pada satu masa tertentu apabila pelanggan memperoleh kawalan terhadap aset tersebut.

Kumpulan mengiktiraf pendapatan dari semasa ke semasa dengan menggunakan kaedah input, berdasarkan kos sebenar yang ditanggung sehingga kini bagi projek pembangunan hartanah berbanding jumlah keseluruhan anggaran kos untuk setiap projek pembangunan.

Kumpulan mengiktiraf penjualan pada satu masa tertentu bagi penjualan hartanah yang telah siap, apabila kawalan ke atas hartanah tersebut telah dipindahkan kepada pembeli, iaitu apabila hartanah telah disiapkan dan diserahkan kepada pembeli dan Kumpulan berkemungkinan akan mendapat hasil yang layak diterima sebagai pertukaran kepada aset yang telah dijual.

(v) Penjualan tanah

Penjualan tanah secara umumnya dijangka menjadi satu-satunya pelaksanaan obligasi yang mana Kumpulan telah menentukan bahawa ia akan dipenuhi pada satu masa tertentu apabila kawalan dipindahkan. Bagi pertukaran kontrak tanpa syarat, ini biasanya dijangka berlaku apabila hak milik sah berpindah kepada pelanggan. Bagi pertukaran kontrak bersyarat, ini dijangka berlaku apabila semua syarat-syarat utama dipenuhi.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)***(y) Pengiktirafan pendapatan** *(samb.)***(vi) Pengurusan fasiliti**

Pendapatan daripada kontrak pengurusan fasiliti diiktiraf berdasarkan syarat-syarat kontrak.

(vii) Pendapatan sewa

Pendapatan sewa diiktiraf dalam untung atau rugi mengikut asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan. Insentif pajakan yang diberi diiktiraf sebagai sebahagian daripada jumlah pendapatan sewa, sepanjang tempoh pajakan. Pendapatan sewa daripada hartanah yang dipajak di bawah pajakan utama diiktiraf sebagai pendapatan lain.

(z) Kos kewangan

Kos kewangan yang tidak berkait secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan atau penghasilan aset yang layak, diiktiraf dalam untung atau rugi menggunakan kaedah kadar keuntungan efektif.

Kos kewangan yang berkait secara langsung dengan pemerolehan, pembinaan atau penghasilan aset yang layak, yang mana aset-aset tersebut mengambil tempoh masa yang panjang untuk disiapkan bagi tujuan penggunaannya atau dijual, adalah dipermodalkan sebagai sebahagian daripada kos aset-aset tersebut.

Pemodalan kos kewangan sebagai sebahagian daripada kos aset yang layak bermula apabila perbelanjaan bagi aset tersebut berlaku, kos kewangan ditanggung dan aktiviti-aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset bagi tujuan yang dirancang atau untuk dijual sedang dalam pelaksanaan. Pemodalan kos kewangan dihentikan sementara atau ditamatkan apabila sebahagian besar aktiviti-aktiviti yang perlu untuk menyediakan aset tersebut bagi tujuan yang dirancang atau untuk dijual tergendala atau telah selesai.

Pendapatan pelaburan yang diperoleh daripada pelaburan sementara yang dibuat daripada pinjaman yang diambil secara khusus tetapi belum digunakan untuk aset yang layak, ditolak daripada kos kewangan yang dipermodalkan.

(aa) Cukai pendapatan

Perbelanjaan cukai terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa dan cukai tertunda diiktiraf dalam untung atau rugi kecuali jika ia berkait dengan penggabungan perniagaan atau perkara-perkara yang diiktiraf secara langsung melalui rizab atau pendapatan komprehensif lain.

Cukai semasa adalah jangkaan cukai yang akan dibayar atau diterima dari pendapatan atau kerugian dikenakan cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diwartakan atau diwartakan secara substantif pada akhir tempoh pelaporan, dan sebarang pelarasan kepada cukai berbayar berhubung dengan tahun-tahun terdahulu.

Cukai tertunda diiktiraf menggunakan kaedah liabiliti dengan mengambilkira perbezaan sementara antara jumlah dibawa bagi aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan dengan asas cukainya. Cukai tertunda tidak diiktiraf bagi perbezaan sementara yang timbul daripada pengiktirafan awal muhibah, pengiktirafan awal aset atau liabiliti dalam satu transaksi yang tidak melibatkan penggabungan perniagaan dan tidak mendatangkan kesan kepada keuntungan atau kerugian perakaunan atau keuntungan atau kerugian boleh cukai. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dijangka akan digunakan terhadap perbezaan sementara apabila ia dibalikkan, berdasarkan undang-undang yang telah diwartakan atau diwartakan secara substantif pada akhir tempoh pelaporan.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(aa) Cukai pendapatan *(samb.)*

Aset dan liabiliti cukai tertunda diimbangi jika terdapat hak yang boleh dikuatkuasakan secara sah di sisi undang-undang untuk mengimbangi aset dan liabiliti cukai semasa, dan ia berkait dengan cukai pendapatan yang dikenakan oleh pihak berkuasa percukaian yang sama ke atas entiti bercukai yang sama, atau entiti cukai yang berbeza tetapi entiti-entiti tersebut merancang untuk menyelesaikan aset dan liabiliti cukai semasa pada jumlah bersih atau aset dan liabiliti cukai entiti-entiti tersebut akan direalis serentak.

Aset cukai tertunda diiktiraf setakat ia berkemungkinan akan menghasilkan keuntungan bercukai pada masa hadapan yang boleh digunakan terhadap perbezaan sementara. Aset cukai tertunda disemak pada akhir tempoh pelaporan dan dikurangkan setakat ia tidak lagi berkemungkinan boleh digunakan untuk merealis manfaat cukai berkenaan.

(ab) Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual

Aset (atau kumpulan pelupusan) dikelaskan sebagai aset yang dipegang untuk dijual jika jumlah dibawa dijangka akan diperoleh semula terutamanya melalui urus niaga penjualan berbanding penggunaan berterusan dan tahap kebarangkalian penjualannya adalah sangat tinggi. Aset ini dinyatakan pada jumlah yang lebih rendah antara jumlah dibawa berbanding nilai saksama, tolak kos untuk dijual, kecuali aset-aset seperti aset cukai tertunda, aset yang timbul daripada manfaat pekerja, aset kewangan dan hartanah pelaburan yang dibawa pada nilai saksama dan hak-hak di bawah kontrak insurans, yang secara khusus dikecualikan daripada keperluan dasar perakaunan ini.

Sejurus sebelum pengelasan kepada aset dipegang untuk dijual atau diagihkan, aset ini atau komponen daripada kumpulan pelupusan dinilai semula mengikut dasar perakaunan Kumpulan yang berkaitan. Aset atau komponen daripada kumpulan pelupusan ini kemudiannya dinilai pada jumlah yang lebih rendah antara jumlah dibawa berbanding nilai saksama, tolak kos untuk dijual.

Sebaik sahaja aset tak ketara dan hartanah, loji dan peralatan dikelaskan kepada aset dipegang untuk dijual atau diagihkan, ia tidak lagi dilunaskan atau disusut nilai. Di samping itu, perakaunan ekuiti bagi syarikat bersekutu dan entiti usahasama ditamatkan apabila ia dikelaskan untuk dijual atau diagihkan.

Aset yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dan kumpulan pelupusan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual adalah dibentangkan secara berasingan daripada aset-aset lain dalam penyata kedudukan kewangan. Liabiliti yang berkaitan dengan kumpulan aset untuk dilupuskan yang dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dibentangkan secara berasingan daripada liabiliti lain dalam penyata kedudukan kewangan.

Operasi yang ditamatkan adalah satu komponen entiti yang telah dilupuskan atau dikelaskan sebagai dipegang untuk dijual dan yang merupakan komponen utama perniagaan atau kawasan geografi operasi yang berasingan, adalah sebahagian daripada pelan terkoordinasi tunggal untuk dilupuskan dari komponen perniagaan atau kawasan operasi, atau syarikat subsidiari yang diambil alih secara eksklusif dengan tujuan untuk dijual semula. Prestasi operasi yang ditamatkan dibentangkan secara berasingan dalam penyata untung atau rugi dan penyata pendapatan komprehensif.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

3. Maklumat dasar perakaunan material *(samb.)*

(ac) Pengukuran nilai saksama

Nilai saksama bagi aset atau liabiliti, kecuali bayaran berasaskan saham dan transaksi pajakan, adalah ditentukan sebagai jumlah yang akan diterima dari penjualan aset atau yang akan dibayar bagi memindahkan liabiliti secara teratur antara pembeli dan penjual pada tarikh pengukuran. Pengukuran ditentukan dengan andaian bahawa transaksi penjualan aset atau pemindahan liabiliti disifatkan berlaku sama ada dalam pasaran utama atau dengan ketiadaan pasaran utama, dalam pasaran yang paling menguntungkan.

Bagi aset bukan kewangan, pengukuran nilai saksama mengambil kira keupayaan peserta-peserta di pasaran untuk menjana manfaat ekonomi dengan menggunakan aset pada tahap yang tertinggi dan terbaik atau dengan menjual aset tersebut kepada peserta lain dalam pasaran yang akan menggunakan aset tersebut pada tahap tertinggi dan terbaik.

Apabila nilai saksama sesuatu aset atau liabiliti diukur, Kumpulan dan **TH** menggunakan data pasaran yang dapat dirujuk sebanyak mungkin. Nilai saksama dikategorikan kepada peringkat yang berbeza dalam hierarki nilai saksama berdasarkan input yang digunakan dalam teknik penilaian seperti berikut:

Tahap 1 - Harga tercatat (tidak diselaraskan) dalam pasaran aktif bagi aset atau liabiliti yang serupa.

Tahap 2 - Input selain daripada harga tercatat yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh dirujuk bagi aset atau liabiliti berkaitan, sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Tahap 3 - Input yang tidak dapat diperhatikan bagi aset atau liabiliti.

Kumpulan dan **TH** mengiktiraf pindahan antara tahap-tahap hierarki nilai saksama pada tarikh pindahan berlaku atau perubahan dalam keadaan yang menyebabkan pindahan berlaku.

4. Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan utama

Penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan **TH** memerlukan pihak pengurusan membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi penerapan polisi dan jumlah pendapatan, perbelanjaan, aset, liabiliti dan pendedahan yang dilaporkan. Walaupun anggaran dan penilaian ini adalah berdasarkan pengetahuan terbaik oleh pengurusan mengenai peristiwa dan tindakan semasa, hasil sebenar mungkin berbeza.

Kumpulan dan **TH** menggunakan andaian dan anggaran berdasarkan parameter yang tersedia apabila penyata kewangan disatukan disediakan. Walau bagaimanapun keadaan dan andaian semasa tentang perkembangan masa hadapan mungkin berubah disebabkan perubahan pasaran atau keadaan yang timbul di luar kawalan Kumpulan dan **TH**. Perubahan sedemikian diambil kira dalam andaian apabila ia berlaku.

Pertimbangan dan anggaran paling utama yang digunakan adalah seperti berikut:

Pertimbangan perakaunan utama

Pajakan

Perakaunan oleh penerima pajakan - pilihan pelanjutan dan penamatan pajakan

Dalam menentukan terma pajakan, Kumpulan dan **TH** mengambil kira semua fakta dan keadaan yang mewujudkan insentif ekonomi untuk melaksanakan opsyen lanjutan, atau tidak melaksanakan opsyen penamatan. Opsyen pelanjutan (atau tempoh selepas opsyen penamatan) hanya termasuk dalam tempoh pajakan jika pajakan itu berkemungkinan besar dilanjutkan (atau tidak ditamatkan).

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

4. Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan utama *(samb.)*

Pertimbangan dan anggaran paling utama yang digunakan adalah seperti berikut: *(samb.)*

Pertimbangan perakaunan utama *(samb.)*

Pajakan *(samb.)*

Perakaunan oleh penerima pajakan - anggaran kadar pinjaman tambahan bagi pajakan

Kumpulan dan **TH** tidak dapat dengan mudah menentukan kadar faedah yang tersirat dalam pajakan, oleh itu, ia menggunakan kadar pinjaman tambahan ("IBR") untuk mengukur liabiliti pajakan. IBR adalah kadar keuntungan yang perlu dibayar oleh Kumpulan dan **TH** untuk meminjam dalam jangka masa yang sama, dan dengan jaminan yang sama, dana yang diperlukan untuk memperoleh aset yang sama dengan nilai aset ROU dalam persekitaran ekonomi yang serupa. Oleh itu, IBR mencerminkan apa yang 'perlu dibayar' oleh Kumpulan dan **TH**, yang memerlukan anggaran apabila tiada kadar yang boleh dirujuk atau apabila mereka perlu diselaraskan untuk menggambarkan terma dan syarat pajakan. Kumpulan dan **TH** menganggarkan IBR menggunakan input yang dapat dirujuk apabila tersedia dan diperlukan untuk membuat anggaran tertentu yang khusus untuk entiti.

Anggaran perakaunan utama

(a) Pengukuran nilai saksama instrumen kewangan

Apabila nilai saksama aset dan liabiliti kewangan direkodkan dalam penyata kedudukan kewangan tidak dapat diukur berdasarkan harga tercatat dalam pasaran aktif, nilai saksama aset dan liabiliti kewangan ini diukur menggunakan teknik penilaian termasuk model aliran tunai didiskaunkan. Input bagi model-model ini diambil daripada pemerhatian pasaran yang mungkin diperoleh, tetapi jika ia tidak dapat diperoleh, suatu tahap pertimbangan diperlukan bagi menetapkan nilai saksama. Pertimbangan termasuklah pertimbangan input seperti risiko kecairan, risiko kredit dan perubahan turun naik pasaran. Perubahan dalam andaian yang berkaitan dengan faktor-faktor ini boleh memberi kesan kepada nilai saksama instrumen kewangan yang dilaporkan. Andaian utama yang digunakan, hasil keputusan dan kesimpulan bagi pengukuran nilai saksama dinyatakan dalam Nota 43.

(b) Pengukuran peruntukan ECL

Peruntukan kerugian untuk aset kewangan adalah berdasarkan andaian tentang risiko kegagalan membayar balik dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan **TH** menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian-andaian ini dan memilih input untuk pengiraan rosot nilai, berdasarkan sejarah Kumpulan dan **TH** keadaan pasaran semasa serta anggaran masa hadapan pada akhir tempoh pelaporan. Butiran mengenai andaian utama dan input yang digunakan dinyatakan dalam Nota 42(i)(a).

Pemerolehan semula Sukuk UJSB

Selaras dengan MFRS 9, Sukuk adalah instrumen hutang yang memenuhi kriteria pembayaran pokok dan keuntungan semata-mata ("SPPP") dan **TH** akan memegang instrumen ini untuk menerima pokok dan keuntungan sehingga tempoh matang. Oleh itu, ia diukur pada kos terlunas. **TH** akan mengiktiraf peruntukan kerugian untuk jangkaan kerugian kredit ("ECL") untuk semua instrumen hutang yang diukur pada kos terlunas.

Oleh kerana penerbitan Sukuk UJSB adalah dari UJSB, entiti milik penuh MoF Inc., anggota Lembaga dan pengurusan **TH** berpendapat bahawa Sukuk tersebut harus dinilai di bawah Kerajaan Malaysia. Memandangkan tidak ada pelabur yang pernah mengalami kerugian dari instrumen hutang dalam denominasi Ringgit Malaysia yang dikeluarkan oleh Kerajaan dan/atau SPV yang dimiliki oleh MoF Inc., anggota Lembaga dan pengurusan **TH** telah memutuskan bahawa ECL tidak diperlukan untuk Sukuk UJSB setakat 31 Disember 2024. Butiran lebih lanjut mengenai Sukuk UJSB dinyatakan dalam Nota 9.

Lembaga Tabung Haji

(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)

dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN**BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024** *(samb.)***4. Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan utama** *(samb.)*

Pertimbangan dan anggaran paling utama yang digunakan adalah seperti berikut: *(samb.)*

Anggaran perakaunan utama *(samb.)***(c) Rosot nilai aset bukan kewangan**

Rosot nilai wujud apabila jumlah dibawa aset atau unit penjanaan tunai melebihi jumlah boleh diperolehi semula, iaitu yang lebih tinggi antara nilai saksama tolak kos jualan dengan nilai dalam penggunaan.

Pengiraan nilai saksama tolak kos jualan adalah berdasarkan data yang tersedia daripada ikatan urus niaga jualan, yang dijalankan dengan telus, bagi aset yang serupa atau harga pasaran yang boleh dirujuk tolak kos tambahan bagi penjualan aset tersebut. Pengiraan nilai dalam penggunaan adalah berdasarkan model aliran tunai didiskaunkan. Aliran tunai tidak mengandungi aktiviti penstrukturan semula yang mana Kumpulan dan **TH** belum lagi memberi komitmen atau pelaburan utama masa hadapan yang akan meningkatkan prestasi aset unit penjanaan tunai yang disemak.

Andaian utama yang digunakan, keputusan dan kesimpulan penilaian rosot nilai dinyatakan dalam Nota 17, 18, 19, 21, 22, 23, 24 dan 26.

(d) Kontrak pembinaan dan pembangunan hartanah

Kumpulan mengiktiraf aktiviti pembangunan hartanah tertentu dan kontrak pembinaan berdasarkan kaedah peratusan siap. Tahap siap aktiviti kontrak pembinaan dan pembangunan hartanah diukur mengikut dasar perakaunan yang masing-masing dinyatakan dalam Nota 3(y)(iii) dan 3(y)(iv).

Pertimbangan penting diperlukan dalam menentukan peratusan siap, tahap projek pembangunan dan kos kontrak yang ditanggung, anggaran jumlah pendapatan dan jumlah kos dan pemerolehan semula projek dan kontrak pembangunan. Dalam membuat pertimbangan ini, pengurusan bergantung pada pengalaman terdahulu dan kerja-kerja pakar.

(e) Penilaian semula hartanah pelaburan dan perhutanan

Kumpulan dan **TH** menyatakan jumlah dibawa bagi hartanah pelaburan dan perhutanan pada nilai saksama, dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Hartanah pelaburan dinilai dengan merujuk kepada transaksi yang melibatkan hartanah yang mempunyai jenis, lokasi dan keadaan yang serupa. Penilaian hartanah pelaburan dibincangkan selanjutnya dalam Nota 16.

Nilai saksama perhutanan ditentukan menggunakan penilaian yang disediakan oleh jurunilai bebas. Penilaian melibatkan membuat andaian tentang kadar diskaun, harga masa hadapan bagi susu getah dan balak, hasil susu getah, kuantiti balak, kos penyelenggaraan, kos penanaman dan kos penuaian pada masa hadapan. Oleh itu, anggaran nilai saksama adalah tertakluk kepada ketidakpastian yang ketara. Andaian utama yang digunakan untuk mendapatkan nilai saksama adalah seperti yang ditunjukkan dalam Nota 20.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

4. Pertimbangan, anggaran dan andaian perakaunan utama *(samb.)*

Pertimbangan dan anggaran paling utama yang digunakan adalah seperti berikut: *(samb.)*

Anggaran perakaunan utama *(samb.)*

(f) Pengiktirafan nilai aset cukai tertunda

Aset cukai tertunda diiktiraf untuk kesemua kerugian cukai yang belum digunakan, elaun modal tidak serap dan elaun cukai pelaburan belum digunakan setakat mana terdapat kebarangkalian bahawa keuntungan boleh cukai akan tersedia untuk digunakan ke atas kerugian cukai, elaun modal dan elaun cukai pelaburan. Pertimbangan yang penting daripada pihak pengurusan diperlukan untuk menentukan jumlah aset cukai tertunda yang boleh diiktiraf, berdasarkan kepada kemungkinan tempoh masa dan tahap keuntungan boleh cukai masa hadapan bersama dengan strategi perancangan cukai masa hadapan.

(g) Susut nilai hartanah, loji dan peralatan

Secara amnya, aset dalam kategori hartanah, loji dan peralatan, kecuali tanaman penghasil, disusut nilai berdasarkan kaedah garis lurus sepanjang hayat penggunaannya sehingga mencapai nilai sisa. Pihak pengurusan menyemak nilai sisa, hayat penggunaan dan kaedah susut nilai pada akhir tahun kewangan dan memastikan keseragaman dengan anggaran terdahulu dan corak penggunaan manfaat ekonomi yang merangkumi item-item dalam aset ini. Perubahan dalam hayat penggunaan dan nilai sisa aset boleh menyebabkan pindaan kepada caj susut nilai pada masa hadapan.

Kumpulan menyusut nilai tanaman penghasil berdasarkan anggaran hasil yang dianggarkan berdasarkan aliran hasil terdahulu bagi setiap hektar yang bergantung kepada usia pokok. Hasil setiap hektar ditentukan oleh penasihat penanaman dalaman yang mempunyai kelayakan profesional yang diiktiraf dan pengalaman di ladang. Menganggarkan potensi hasil memerlukan pertimbangan yang penting dan bergantung kepada aliran penghasilan terdahulu Kumpulan. Hasil sebenar walau bagaimanapun mungkin berbeza daripada yang dijangkakan.

(h) Peruntukan manfaat persaraan

Kos bagi pelan manfaat persaraan ditentukan menggunakan penilaian aktuari. Penilaian aktuari melibatkan pelbagai andaian yang mungkin berbeza daripada perkembangan sebenar masa hadapan. Ini termasuklah penentuan kadar diskaun, kenaikan gaji pada masa hadapan, kadar aliran perubatan dan kadar inflasi. Disebabkan terdapat kerumitan dalam penilaian dan sifat jangka panjangnya, obligasi ditentukan ini sangat sensitif kepada perubahan dalam andaian yang digunakan. Kesemua andaian akan disemak pada setiap tarikh pelaporan. Sebarang perubahan dalam andaian ini akan memberi kesan kepada jumlah peruntukan manfaat persaraan, seperti yang dinyatakan dalam Nota 31.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

5. Tunai dan dana jangka pendek

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pelaburan jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen	4,647,955	5,384,867
Tunai dan baki di bank	1,945,984	1,800,821
Tunai dipegang pengurus dana luar	410,798	662,187
	7,004,737	7,847,875

	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pelaburan jangka pendek dengan institusi kewangan berlesen	4,518,022	5,353,001
Tunai dan baki di bank	1,697,632	1,240,600
Tunai dipegang pengurus dana luar	410,798	662,187
	6,626,452	7,255,788

Pelaburan Kumpulan dan **TH** dengan institusi kewangan berlesen mendapat margin keuntungan antara 2.45% dan 4.95% (2023: 2.35% dan 5.65%). Tempoh matang pelaburan jangka pendek adalah dari 1 hingga 90 hari bergantung kepada keperluan tunai Kumpulan dan **TH**.

Pelaburan Kumpulan dan **TH** dengan institusi kewangan berlesen serta tunai dan baki di bank merangkumi pelaburan jangka pendek serta tunai dan baki di bank milik TKJHM dan TWT berjumlah RM38,727,000 (2023: RM463,480,000).

Tunai dan baki di bank Kumpulan merangkumi:

- (i) Tiada (2023: RM1,320,000) yang dicagarkan kepada bank sebagai jaminan pinjaman memandangkan pinjaman yang tersebut telah diselesaikan pada tahun kewangan semasa (sila rujuk Nota 30 (ii)); dan
- (ii) RM2,703,000 (2023: RM777,000), yang penggunaannya adalah tertakluk di bawah Peraturan Pemaju Perumahan (Akaun Pembangunan Perumahan) (Pindaan) 2002.

6. Deposit dan simpanan dengan bank dan institusi kewangan lain

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Bank-bank berlesen	775,183	479,895

	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Bank-bank berlesen	745,862	420,000

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

7. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”)

Nota	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Sekuriti pendapatan tetap		
Sukuk	-	10,045
Sekuriti kekal	(i) 2,655,890	2,787,381
Akaun pelaburan bertempoh	2,000,000	1,000,000
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	99,835	-
	4,755,725	3,797,426
Instrumen Ekuiti		
Saham	1,825	1,825
Unit amanah	730,897	709,297
	732,722	711,122
	5,488,447	4,508,548

Nota	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Sekuriti pendapatan tetap		
Sukuk	-	10,045
Sekuriti kekal	(i) 2,966,060	3,099,972
Akaun pelaburan bertempoh	2,000,000	1,000,000
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga	99,835	-
	5,065,895	4,110,017
Instrumen Ekuiti		
Unit amanah	675,000	675,000
	5,740,895	4,785,017

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

7. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi (“FVTPL”) (samb.)

i) Sekuriti kekal

Aset kewangan dinyatakan pada FVTPL yang tidak melepasi ujian SPPP. Sekuriti ini mempunyai ciri-ciri berikut:

- Tiada tarikh penebusan tetap;
- Penerbit boleh mengikut budi bicara mutlaknya, memilih untuk menangguhkan pembayaran secara keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah pembayaran berkala dan tidak mempunyai kewajiban untuk membayar bahagian yang berkaitan dengan jumlah pembayaran berkala dan sebarang kegagalan untuk membayar jumlah pembayaran berkala tersebut tidak akan mengakibatkan kegagalan membayar di pihak penerbit;
- Keuntungan tambahan tidak dikenakan terhadap jumlah pengagihan keuntungan yang ditangguhkan pembayarannya;
- Sekuriti tersebut boleh ditebus atas pilihan penerbit pada setiap tarikh panggilan bersama dengan pembayaran keuntungan terakru yang belum dibayar sehingga tarikh tersebut; dan
- Sebilangan penerbit membenarkan penebusan oleh penerbit sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada jumlah sekuriti kekal.

8. Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (“FVOCI”)

Nota	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
<i>Sekuriti pendapatan tetap</i>		
Sukuk (i)	17,880,368	16,874,895
Instrumen pelaburan terbitan Kerajaan Malaysia	2,370,427	2,170,377
	20,250,795	19,045,272
<i>Instrumen ekuiti</i>		
Saham tercatat	12,424,146	10,365,537
Saham tidak tercatat	1,088,553	890,681
Saham diuruskan pengurus dana luar	5,132,840	4,733,009
	18,645,539	15,989,227
	38,896,334	35,034,499

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

8. Aset kewangan pada nilai saksama melalui pendapatan komprehensif lain (“FVOCI”) *(samb.)*

Nota	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
<i>Sekuriti pendapatan tetap</i>		
Sukuk (i)	17,880,368	16,874,895
Instrumen pelaburan terbitan Kerajaan Malaysia	2,370,427	2,170,377
	20,250,795	19,045,272
<i>Instrumen ekuiti</i>		
Saham tercatat	12,424,146	10,365,382
Saham tidak tercatat	1,088,553	890,681
Saham diuruskan pengurus dana luar	5,132,840	4,733,009
	18,645,539	15,989,072
	38,896,334	35,034,344

(i) Pergerakan peruntukan rosot nilai instrumen hutang sukuk yang dinyatakan pada FVOCI adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	8,391	6,369	8,391	6,369
Jumlah dibalikkan semula tahun semasa (Nota 34)	(1,949)	(650)	(1,949)	(650)
Rosot nilai tahun semasa (Nota 34)	1,030	2,672	1,030	2,672
Pada 31 Disember	7,472	8,391	7,472	8,391

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

9. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas

	Kumpulan / TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Sukuk UJSB		
Pada harga langganan	19,600,000	19,600,000
Tambah: Peningkatan diskaun terkumpul	4,843,613	3,906,313
Tolak: Penebusan awal	(628,059)	(398,788)
Jumlah	23,815,554	23,107,525

i) Ciri-ciri utama Sukuk UJSB

Sukuk UJSB diterbitkan pada 30 Mei 2019 dan ciri-ciri utama Sukuk ini adalah seperti berikut:

	Siri 1	Siri 2
Harga langganan (RM'000)	RM9,450,059	RM9,600,000
Nilai nominal (RM'000)	RM12,477,545	RM14,347,576
Tarikh matang	29 Mei 2026	30 Mei 2029
Tempoh	7 tahun	10 tahun
Kadar kupon	Sifar	Sifar
Kadar pulangan sehingga matang setahun	4.05%	4.10%
Penyelesaian	Pembayaran balik sepenuhnya pada akhir tempoh matang Sukuk.	
Penebusan awal	Pilihan untuk penebusan awal dibenarkan untuk membolehkan UJSB menebus Sukuk pada bila-bila masa sebelum tarikh matang Sukuk. UJSB boleh memilih penebusan awal pada bila-bila masa melalui penyelesaian secara: - tunai; dan/atau - aset yang dipindahkan (keseluruhan atau sebahagian); dan/atau aset lain yang dipersetujui bersama antara UJSB dan TH pada nilai saksama atau pasaran bersamaan dengan jumlah penebusan awal. Tiada penalti akan dikenakan ke atas UJSB untuk penebusan awal.	
Penebusan	Sukuk akan ditebus 100% pada nilai nominalnya pada tarikh matang melalui penyelesaian secara: - tunai; dan/atau - aset yang dipindahkan (keseluruhan atau sebahagian); dan/atau - aset lain yang dipersetujui bersama antara UJSB dan TH pada nilai saksama atau pasaran bersamaan dengan nilai nominal Sukuk.	
Ciri-ciri tambahan	Sukuk ini tidak ditaraf, tidak boleh diperdagangkan, tidak boleh dipindah milik dan dijamin oleh Kerajaan Malaysia.	

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

9. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas *(samb.)*

ii) Penyelesaian pemindahan melalui penerbitan Sukuk oleh UJSB

Penyelesaian untuk aset yang dipindahkan dilaksanakan seperti berikut:

- a) Penerbitan 2 siri Sukuk Murabahah pada kupon sifar oleh UJSB (“UJSB Sukuk”) dengan jumlah harga terbitan RM19.6 bilion (jumlah nilai nominal adalah RM27.6 bilion); dan
- b) Penyelesaian tunai tertunda berjumlah RM300 juta untuk jangka masa 2 tahun, di mana RM100 juta akan dibayar pada 31 Disember 2019 dan RM200 juta akan dibayar pada 31 Disember 2020.

Sejumlah RM100 juta yang perlu dibayar pada 31 Disember 2019 yang merupakan sebahagian daripada penyelesaian tunai tertunda, telah dibayar oleh UJSB pada 30 Disember 2019. Baki RM200 juta telah dibayar pada 30 Disember 2020.

iii) Sumbangan Sukuk diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan TH

Hasil daripada peningkatan diskaun, yang diiktiraf sebagai sebahagian dari pendapatan Kumpulan dan TH, dan nilai dibawa Sukuk kepada keuntungan sebelum zakat Kumpulan dan TH pada tahun kewangan semasa dan jumlah aset Kumpulan dan TH pada 31 Disember 2024, adalah seperti berikut:

	Siri 1 RM'000	Siri 2 RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	11,564,351	11,543,174	23,107,525
Peningkatan diskaun tahun semasa	463,253	474,047	937,300
Hasil dari penebusan awal	(230,000)	-	(230,000)
Keuntungan ke atas penebusan awal	729	-	729
Pada 31 Disember 2024	11,798,333	12,017,221	23,815,554
Pada 1 Januari 2023	11,314,155	11,089,261	22,403,416
Peningkatan diskaun tahun semasa	449,597	453,913	903,510
Hasil dari penebusan awal	(200,000)	-	(200,000)
Keuntungan ke atas penebusan awal	599	-	599
Pada 31 Disember 2023	11,564,351	11,543,174	23,107,525

	Kumpulan		TH	
	2024	2023	2024	2023
Keuntungan semasa (RM'000)	2,422,835	2,374,525	2,213,994	2,330,153
Peningkatan diskaun sebagai % dari keuntungan tahun semasa	38.7%	38.1%	42.3%	38.8%
Jumlah aset (RM'000)	98,786,898	95,137,523	97,181,240	93,623,265
Jumlah dibawa Sukuk sebagai % dari jumlah aset	24.1%	24.3%	24.5%	24.7%

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

9. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas (samb.)

iii) Sumbangan Sukuk diiktiraf dalam penyata kewangan Kumpulan dan **TH** (samb.)

Pada 30 November 2020, UJSB membuat penebusan awal berjumlah RM200 juta (mewakili RM248.78 juta dalam nilai nominal) dari Sukuk (Siri 1).

Pada 28 Februari 2023, UJSB membuat satu lagi penebusan awal berjumlah RM200 juta (mewakili RM227.5 juta dalam nilai nominal) dari Sukuk (Siri 1).

Pada 30 April 2024, UJSB membuat satu lagi penebusan awal berjumlah RM230 juta (mewakili RM249.8 juta dalam nilai nominal) dari Sukuk (Siri 1).

Berikutan penebusan-penebusan awal di atas, peningkatan diskaun bagi baki Sukuk sehingga tempoh matang adalah seperti berikut:

	Siri 1 RM'000	Siri 2 RM'000	Jumlah RM'000
Tahun kewangan berakhir			
2019	237,910	231,213	469,123
2020	413,987	403,739	817,726
2021	421,257	417,556	838,813
2022	440,388	436,753	877,141
2023	449,597	453,913	903,510
2024	463,253	474,047	937,300
2025	478,074	492,706	970,780
2026	123,019	512,907	635,926
2027	-	533,060	533,060
2028	-	556,704	556,704
2029	-	234,977	234,977
Jumlah peningkatan diskaun	3,027,485	4,747,575	7,775,060

iv) Surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB

Sebahagian daripada syarat yang ditetapkan dalam perjanjian langganan Sukuk bertarikh 15 Mei 2019, salinan surat sokongan kewangan yang disahkan benar yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB perlu diberikan kepada **TH** dan Bank Islam Malaysia Berhad (“Penyelaras Utama, Pengurus Utama dan Ejen Kemudahan”). Surat sokongan kewangan dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB pada 27 Mei 2019 dan salinan yang disahkan benar telah diberikan kepada **TH** pada 29 Mei 2019.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

9. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas *(samb.)*

iv) Surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. kepada UJSB *(samb.)*

Perkara penting yang dinyatakan dalam surat sokongan kewangan tersebut termasuk jaminan MoF Inc. kepada UJSB adalah seperti berikut:

- Surat sokongan kewangan dikeluarkan untuk penerbitan Sukuk oleh UJSB sebagai penyelesaian bagi pemindahan aset kepada UJSB berdasarkan Perjanjian Pemindahan Aset bertarikh 27 Disember 2018;
- MoF Inc. akan memastikan UJSB terus beroperasi sebagai usaha berterusan sepanjang tempoh Sukuk;
- MoF Inc. akan memastikan UJSB mempunyai kemampuan kewangan untuk memenuhi obligasi Sukuk tanpa had, untuk menebus Sukuk pada tarikh-tarikh matang;
- Surat sokongan kewangan berkuat kuasa sehingga Sukuk ditebus dan semua jumlah tertunggak di bawah Sukuk telah dilunaskan sepenuhnya;
- Surat sokongan kewangan ditafsirkan berdasarkan dan di bawah bidang kuasa undang-undang semasa di Malaysia; dan
- Surat sokongan kewangan adalah terhad untuk tujuan dan sokongan kewangan yang disebutkan di atas dan tidak boleh ditafsirkan secara langsung atau tidak langsung sebagai jaminan obligasi kewangan bagi UJSB.

v) Komitmen jaminan oleh Kerajaan Malaysia

Seksyen 5 laporan “Tinjauan Fiskal dan Anggaran Hasil Kerajaan Persekutuan 2025” bertarikh 18 Oktober 2024, yang berkaitan dengan Risiko Fiskal dan Liabiliti, menyatakan bahawa UJSB diklasifikasikan sebagai entiti dengan komitmen jaminan oleh Kerajaan Malaysia setakat 30 Jun 2024 berjumlah RM23.3 bilion (setakat 31 Disember 2023: RM23.1 bilion).

Kabinet Menteri pada 5 April 2019 telah meluluskan dan bersetuju agar Kerajaan memperuntukkan kepada UJSB bagi membiayai kekurangan dalam penebusan Sukuk sekurang-kurangnya RM17.8 bilion di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (RMKe-11) menjelang tahun 2020 berjumlah sehingga RM500 juta serta RMKe-12 dan RMKe-13 berjumlah RM1.73 bilion setiap tahun bermula 2021 hingga tempoh akhir kematangan Sukuk di mana penebusan awal berjumlah RM200 juta telah berjaya dilaksanakan pada 30 November 2020.

Komitmen Kerajaan untuk memastikan UJSB melaksanakan kewajipan kewangannya sehingga sukuk UJSB ditebus sepenuhnya, telah diperkukuhkan lagi melalui peruntukan dalam Belanjawan Persekutuan di bawah Pelbagai Suntikan Modal sebanyak RM1.5 bilion yang telah diperuntukkan khas untuk UJSB pada tahun 2021, seperti yang telah diterangkan oleh Menteri Kewangan semasa Soal dan Jawab parlimen untuk Belanjawan Persekutuan 2021 pada 26 November 2020.

vi) Pemerolehan semula Sukuk yang diterbitkan oleh UJSB

Lembaga dan pengurusan **TH** berpendapat bahawa Sukuk akan diselesaikan sepenuhnya oleh UJSB pada tarikh matang berdasarkan surat sokongan kewangan yang dikeluarkan oleh MoF Inc. dan komitmen jaminan Kerajaan Malaysia seperti yang disebutkan di atas. Keupayaan UJSB untuk membayar baki Sukuk adalah dari pemerolehan aset yang dipindahkan serta suntikan modal atau aset dari Kerajaan Malaysia untuk menampung sebarang kekurangan. Perincian lanjut mengenai pertimbangan penting yang digunakan dinyatakan dalam Nota 4(b).

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

9. Sukuk UJSB dan terimaan pada kos terlunas (samb.)

vi) Pemerolehan semula Sukuk yang diterbitkan oleh UJSB (samb.)

Pemerolehan semula Sukuk yang diterbitkan oleh UJSB boleh dianalisis dengan lebih lanjut seperti berikut:

	Nota	2024 RM'000	2023 RM'000
Jumlah yang dibawa (Nilai buku bersih di Buku TH)		23,815,554	23,107,525
Tolak: Aset bersih UJSB (kecuali Sukuk)	(i)	(9,740,524)	(9,038,732)
Kekurangan		14,075,030	14,068,793
Komitmen Jaminan oleh Kerajaan Malaysia		23,264,000	23,108,000
Lebihan bersih		9,188,970	9,039,207

(i) Aset bersih UJSB kecuali Sukuk seperti ditunjukkan dalam penyata kewangan diaudit UJSB pada 31 Disember 2023 (2023: 31 Disember 2022).

10. Aset kewangan pada kos terlunas

	Nota	Kumpulan	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Pada kos terlunas			
Sukuk		2,348,508	3,299,802
Sukuk jaminan Kerajaan		3,304,735	2,995,280
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga		120,000	570,000
Tolak: Rosot nilai terkumpul - Sukuk	(i)	(54)	(160)
		5,773,189	6,864,922

	Nota	TH	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Pada kos terlunas			
Sukuk		2,998,508	3,949,802
Sukuk jaminan Kerajaan		3,304,735	2,995,280
Sijil Hutang Islam Boleh Niaga		120,000	570,000
Tolak: Rosot nilai terkumpul - Sukuk	(i)	(54)	(160)
		6,423,189	7,514,922

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

10. Aset kewangan pada kos terlunas *(samb.)*

Instrumen hutang pada kos terlunas termasuk sekuriti/instrumen hutang tidak ditaraf.

(i) Pergerakan peruntukan kerugian bagi instrumen hutang pada kos terlunas adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	160	389	160	389
Pembalikan bersih yang diiktiraf dalam untung atau rugi (Nota 34)	(106)	(229)	(106)	(229)
Pada 31 Disember	54	160	54	160

11. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain

	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pembiayaan kepada syarikat subsidiari	1,442,529	1,484,676
Tolak: Rosot nilai terkumpul - Penilaian individu	(522,879)	(580,209)
	919,650	904,467

Pembiayaan daripada TH kepada syarikat subsidiari di Malaysia berjumlah RM271,601,000 (2023: RM297,407,000) dikenakan margin keuntungan 5.5% setahun (2023: 5.5% setahun). Pembiayaan daripada TH kepada syarikat subsidiari luar negara berjumlah RM1,170,928,000 bersamaan GBP208,406,000 (2023: RM1,187,269,000 bersamaan GBP203,042,000) dikenakan margin keuntungan antara 3.0% hingga 4.5% setahun (2023: 3.0% hingga 4.5% setahun).

TH	ECL seumur hidup RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2024	580,209	580,209
Peruntukan tahun semasa (Nota 34)	38,723	38,723
Jumlah dibalikkan semula tahun semasa (Nota 34)	(76,329)	(76,329)
Perbezaan tukaran asing	(19,724)	(19,724)
Pada 31 Disember 2024	522,879	522,879

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

11. Pembiayaan, pendahuluan dan lain-lain (samb.)

TH (samb.)	ECL seumur hidup RM'000	Jumlah RM'000
Pada 1 Januari 2023	463,223	463,223
Peruntukan tahun semasa (Nota 34)	80,752	80,752
Jumlah dibalikkan semula tahun semasa (Nota 34)	(3,913)	(3,913)
Perbezaan tukaran asing	40,147	40,147
Pada 31 Disember 2023	580,209	580,209

12. Terimaan dari pajakan kewangan

Nota	Kumpulan / TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	746,460	2,769,012
Terimaan tahun semasa	(71,912)	(74,830)
Peningkatan nilai tahun semasa	37,377	43,584
Hapus kira	-	(12,933)
Dinyahiktiraf berikutan penamatan kontrak	-	(2,006,987)
Perbezaan tukaran asing	(14,358)	28,614
	697,567	746,460
Tolak: Rosot nilai terkumpul (i)	(78,414)	(66,981)
Pada 31 Disember	619,153	679,479

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

12. Terimaan dari pajakan kewangan *(samb.)*

Analisis pengumuran bagi terimaan dari pajakan kewangan

Analisis pengumuran bagi terimaan dari pajakan kewangan Kumpulan dan **TH** adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Belum melebihi tempoh dan tidak dirosot nilai	613,196	673,359
Melebihi tempoh tetapi tidak dirosot nilai:		
- Melebihi tempoh 1 hingga 30 hari dan tidak dirosot nilai	5,957	6,120
- Melebihi tempoh 31 hingga 60 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
- Melebihi tempoh 61 hingga 90 hari dan tidak dirosot nilai	-	-
- Melebihi tempoh 90 hari	-	-
	5,957	6,120
Rosot nilai	78,414	66,981
	697,567	746,460

(i) Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi terimaan dari pajakan kewangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan / TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	66,981	1,006,416
Jumlah pembalikan tahun semasa (Nota 34)	-	(22,257)
Caj tahun semasa (Nota 34)	13,036	37,318
Dinyahiktiraf berikutan penamatan kontrak	-	(957,360)
Perbezaan tukaran asing	(1,603)	2,864
Pada 31 Disember	78,414	66,981

Termasuk dalam terimaan dari pajakan kewangan yang belum dijelaskan adalah RM195,555,000 (2023: RM215,952,000) daripada rakan niaga berkaitan sewa pajakan hartanah yang terletak di Makkah. Daripada keseluruhan jumlah yang perlu dibayar oleh rakan-rakan niaga, RM185,060,000 (2023: RM183,269,000) adalah dijamin oleh nota janji tertentu, yang boleh berkuat kuasa di bawah undang-undang Kerajaan Arab Saudi.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

13. Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas

	Nota	Kumpulan	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Terimaan perdagangan			
Terimaan perdagangan	(i)	1,616,391	1,653,709
Pendapatan sewa terakru		121,011	115,657
Aset kontrak (Nota 33(b))		7,005	2,137
Tolak: Rosot nilai terkumpul	(i)	(1,064,964)	(422,694)
		679,443	1,348,809
Terimaan lain			
Terimaan lain, deposit dan prabayaran	(ii)	552,887	507,941
Terimaan berkaitan haji		159,762	-
Tunai dipegang ejen sewa		27,170	56,308
Pembiayaan kakitangan		2,325	2,643
Jumlah hutang daripada:			
- Entiti usahasama		85,157	154,503
Tolak: Rosot nilai terkumpul			
- Terimaan lain	(ii)	(38,481)	(25,713)
- Entiti usahasama	(iii)	(2,690)	(93,293)
		786,130	602,389
		1,465,573	1,951,198

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

13. Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas *(samb.)*

	Nota	TH	
		2024 RM'000	2023 RM'000
Terimaan perdagangan			
Terimaan perdagangan	(i)	1,453,476	1,478,441
Pendapatan sewa terakru		121,011	115,657
<i>Tolak:</i> Rosot nilai terkumpul	(i)	(1,056,658)	(415,832)
		517,829	1,178,266
Terimaan lain			
Terimaan lain, deposit dan prabayaran	(ii)	419,815	423,274
Terimaan berkaitan haji		159,762	-
Pembiayaan kakitangan		2,325	2,338
Jumlah hutang daripada:			
- Syarikat subsidiari			1,683,334
- Syarikat bersekutu			141,558
<i>Tolak:</i> Rosot nilai terkumpul			
- Terimaan lain	(ii)	(17,988)	(5,209)
- Jumlah hutang daripada syarikat subsidiari	(iv)	(412,391)	(450,275)
		1,939,790	1,795,020
		2,457,619	2,973,286

i) Terimaan perdagangan

Terimaan perdagangan adalah jumlah hutang daripada pelanggan untuk barang atau perkhidmatan yang diberikan dalam urusan perniagaan biasa dan secara amnya diberi tempoh kredit selama 30 hari. Termasuk dalam terimaan perdagangan adalah terimaan sewa, keuntungan/kupon terakru dan pendapatan terakru dari pelaburan pasaran wang. Oleh kerana tempoh hutang yang bersifat jangka pendek, jumlah hutang ini dianggap setara dengan nilai saksama.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

13. Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas (samb.)

i) Terimaan perdagangan (samb.)

Analisis pengumuran terimaan perdagangan

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Belum melebihi tempoh dan tidak dirosot nilai	482,610	1,157,220	379,783	1,042,446
Melebihi tempoh 1 hingga 30 hari dan tidak dirosot nilai	21,110	10,615	4,061	895
Melebihi tempoh 31 hingga 60 hari dan tidak dirosot nilai	4,465	4,419	3,966	4,041
Melebihi tempoh 61 hingga 90 hari dan tidak dirosot nilai	1,352	2,920	1,050	2,689
Melebihi tempoh 90 hari	41,890	55,841	7,958	12,538
	68,817	73,795	17,035	20,163
Rosot nilai	1,064,964	422,694	1,056,658	415,832
	1,616,391	1,653,709	1,453,476	1,478,441

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi terimaan perdagangan adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	422,694	28,877	415,832	22,578
Caj tahun semasa (Nota 34)	674,645	392,806	670,989	390,020
Hapus kira	(1,640)	(1,215)	-	-
Pembalikan rosot nilai (Nota 34)	(17,222)	(3,781)	(16,828)	(2,773)
Perbezaan tukaran asing	(13,513)	6,007	(13,335)	6,007
Pada 31 Disember	1,064,964	422,694	1,056,658	415,832

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

13. Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas *(samb.)*

ii) Terimaan lain

Termasuk dalam terimaan lain ialah Sukuk Tranche A dan Tranche C Menara ABS pada jumlah dibawa sebanyak RM316.8 juta (2023: RM329.5 juta) yang dipindahkan daripada aset kewangan pada FVTPL dan FVOCI pada tahun kewangan sebelum berikutan kematangan dan keingkaran pembayaran balik pada 13 Januari 2023.

Antara tahun 2021 hingga 2023, Sukuk Tranche A Menara ABS telah mengalami beberapa penurunan penarafan kredit, dengan penarafan akhir ‘D’ yang mencerminkan kegagalan Menara ABS untuk menebus RM345 juta Sukuk Tranche A yang tertunggak yang perlu dibayar pada 13 Januari 2023.

Sukuk Ijarah	Penarafan Asal	Penurunan penarafan kredit pada				Tarikh Matang Sah	Nilai nominal pegangan
		28 Jul 2021	29 Mac 2022	21 Sep 2022	13 Jan 2023		TH (RM Mil)
Tranche A							
Tranche A1	AAA	AA2	BBB1	C3	D	13 Jan 2023	24
Tranche A2	AA2	A1	BBB3	C3	D	13 Jan 2023	20
Tranche A3	AA3	A3	BB2	C3	D	13 Jan 2023	30
Tranche A4	AA3	A3	BB2	C3	D	13 Jan 2023	10
Tranche B							
Tranche C							
		Tidak ditaraf				Telah ditebus	
						13 Jan 2023	500
Jumlah							584

Kegagalan Menara ABS untuk menebus Sukuk pada Tarikh Matang Sah pada 13 Januari 2023 telah menyebabkan Sukuk tersebut jatuh di bawah Peristiwa Pembubaran, iaitu keingkaran dalam pembayaran prinsipal. AmanahRaya Trustee Berhad sebagai Pemegang Amanah telah melaksanakan semua haknya di bawah Perisytiharan Amanah untuk tujuan penguatkuasaan Peristiwa Pembubaran termasuk merealisasikan dan melupuskan Aset Amanah yang berkaitan.

Sehingga kini, Menara ABS telah berjaya melupuskan hanya 2 daripada 4 hartanahnya. TM Cyberjaya dijual pada 13 Mei 2022 pada harga RM45 juta, manakala Wisma TM Taman Desa dijual pada 5 September 2022 pada harga RM35 juta.

Bagi pemulihan baki Sukuk yang tertunggak, cadangan penyelesaian telah dimuktamadkan dan telah diluluskan pada 11 Mac 2024 ke atas Pelan Pemulihan Sukuk Menara ABS (“Pelan”) di mana antara isi kandungan Pelan tersebut adalah:

- i) pengambilalihan Menara ABS oleh **TH**; dan
 - ii) membaik pulih bangunan bagi meningkatkan kadar penyewaan seterusnya menaikkan nilai hartanah Menara TM Bangsar.
- Pelan tersebut seterusnya telah diluluskan oleh pemegang Sukuk Menara ABS pada 30 Ogos 2024, di mana **TH** akan:
- i) melanggan Saham Biasa baharu yang akan diterbitkan oleh Menara ABS;
 - ii) mengambil alih saham sedia ada yang dimiliki oleh Pemegang Amanah; dan
 - iii) seterusnya mengguna pakai keseluruhan hasil langganan saham baru tersebut bagi menyelesaikan Sukuk yang masih tertunggak.

Pelan pengambilalihan Menara ABS oleh **TH** dijangkakan akan selesai sepenuhnya pada separuh pertama tahun kewangan 2025.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

13. Terimaan perdagangan dan lain-lain pada kos terlunas (samb.)

ii) Terimaan lain (samb.)

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi terimaan lain adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	<u>2024</u> RM'000	<u>2023</u> RM'000	<u>2024</u> RM'000	<u>2023</u> RM'000
Pada 1 Januari	25,713	23,874	5,209	5,150
Caj tahun semasa (Nota 34)	12,779	1,865	12,779	59
Pembalikan rosot nilai (Nota 34)	(11)	(26)	-	-
Pada 31 Disember	38,481	25,713	17,988	5,209

iii) Jumlah hutang daripada entiti usahasama

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi jumlah hutang dari entiti usahasama adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	<u>2024</u> RM'000	<u>2023</u> RM'000
Pada 1 Januari	93,293	81,462
Caj tahun semasa (Nota 34)	-	11,988
Pembalikan rosot nilai (Nota 34)	(62,919)	-
Hapus kira	(27,684)	(157)
Pada 31 Disember	2,690	93,293

iv) Jumlah hutang daripada syarikat subsidiari

Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi jumlah hutang daripada syarikat subsidiari adalah seperti berikut:

	TH	
	<u>2024</u> RM'000	<u>2023</u> RM'000
Pada 1 Januari	450,275	145,187
Caj tahun semasa (Nota 34)	22,431	303,830
Pembalikan rosot nilai (Nota 34)	(45,524)	(5,766)
Perbezaan tukaran asing	(14,791)	7,024
Pada 31 Disember	412,391	450,275

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

14. Aset agrikultur

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	21,940	20,113
Perubahan nilai saksama yang diiktiraf dalam untung atau rugi	5,594	1,819
Pindahan kepada aset dipegang untuk dijual	(1,266)	-
Kesan pergerakan kadar tukaran wang	(15)	8
Pada 31 Disember	26,253	21,940

Perincian perubahan nilai saksama bagi aset agrikultur yang diiktiraf dalam untung atau rugi tahun semasa adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Aset agrikultur	5,594	1,819
Aset agrikultur diklasifikasikan sebagai aset dipegang untuk dijual	1,657	(52)
	7,251	1,767

Pada tahun kewangan semasa, Kumpulan menuai kira-kira 809,519 tan (2023: 787,741 tan) buah tandan segar (“FFB”). Kumpulan telah mengambil kira kandungan minyak dari semua FFB yang belum matang dari minggu selepas pendebungaan hingga minggu sebelum penuaian. Oleh sebab transformasi biologi FFB sebelum kandungan minyak meningkat secara mendadak dalam tempoh satu (1) bulan sebelum penuaian, FFB yang melebihi satu (1) bulan sebelum penuaian diasingkan daripada penilaian kerana nilai saksama buah tersebut dianggap terlalu kecil. Nilai saksama FFB dikira berdasarkan kaedah pendapatan yang mengambil kira nilai semasa bersih bagi semua aliran tunai bersih yang berkait secara langsung termasuk caj-caj aset yang terlibat. Aset agrikultur dikelaskan sebagai aset semasa bagi tanaman penghasil yang dijangka akan dituai.

Input penting tetapi tidak dapat dirujuk yang digunakan dalam model penilaian dinyatakan per tan metrik (“mt”) adalah termasuk harga FFB (RM704/mt – RM931/mt) (2023: RM583/mt – RM717/mt).

Pengukuran nilai saksama bagi aset agrikultur Kumpulan dikategorikan dalam hierarki nilai saksama Tahap 3. Sekiranya harga jualan FFB meningkat atau menurun sebanyak 10%, keuntungan atau kerugian Kumpulan akan meningkat atau berkurangan masing-masing sekitar RM4,896,000 dan RM705,000.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

15. Inventori

Nota	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada kos		
Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	(i) 779,748	794,323
Kos pembangunan hartanah	(i) 213,366	138,225
Hartanah yang telah siap	(ii) 25,659	33,152
Stor	7,214	5,562
Barangan siap	4,215	6,154
	1,030,202	977,416

(i) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Baki pada 1 Januari	954,259	942,832
Tambah: Kos ditanggung tahun semasa	95,680	36,217
	1,049,939	979,049
Tolak: Kos diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi		
- Tahun semasa	(33,215)	(24,140)
- Inventori belum dijual	-	(650)
Tolak: Rosot nilai terkumpul	(23,610)	(21,711)
	993,114	932,548
Bahagian bukan semasa - tanah dipegang untuk pembangunan hartanah	(779,748)	(794,323)
Bahagian semasa - kos pembangunan hartanah	213,366	138,225

Bahagian kos pembangunan hartanah berkaitan dengan kerja-kerja pembangunan signifikan yang telah dilaksanakan dan dijangka akan siap dalam kitaran operasi biasa antara dua hingga tiga tahun dikelaskan sebagai aset semasa.

Perbelanjaan pembangunan hartanah yang dinyatakan dalam untung atau rugi merangkumi kos pembangunan hartanah yang dicaj, dan termasuk kos tanah dan kos sampingan lain yang ditanggung atas jualan tanah yang dicaj terus ke untung atau rugi.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

15. Inventori *(samb.)*

- (i) Tanah dipegang untuk pembangunan hartanah dan kos pembangunan hartanah *(samb.)*

Kos pembangunan hartanah Kumpulan yang dirosot nilai pada tarikh pelaporan dan pergerakan bagi peruntukan rosot nilai adalah seperti berikut:

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari	21,711	18,269
Caj tahun semasa (Nota 34)	1,899	3,442
Pada 31 Disember	23,610	21,711

- (ii) Hartanah yang telah siap

Pada tahun semasa, jumlah inventori yang diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam kos jualan dan rosot nilai Kumpulan adalah masing-masing RM7,483,824 (2023: RM20,980,513) dan RM9,485 (2023: RM Tiada).

16. Hartanah pelaburan

	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
<i>Pada nilai saksama</i>		
Pada 1 Januari	6,238,075	6,655,486
Tambahan	14,477	685
Pelupusan	(12,640)	(7,711)
Pindahan daripada/(kepada) hartanah, loji dan peralatan (Nota 23)	3,359	(6,200)
Pindahan kepada aset dipegang untuk dijual (Nota 26)	(62,228)	-
Pendapatan sewa terakru	(5,354)	(5,631)
Pelarasan nilai saksama seperti laporan penilaian (Nota 33)	99,738	(670,919)
Perbezaan tukaran asing	(90,598)	272,365
Pada 31 Disember	6,184,829	6,238,075

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

16. Hartanah pelaburan (samb.)

	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada nilai saksama		
Pada 1 Januari	4,081,987	4,070,046
Tambahan	10,108	685
Pelupusan	(8,050)	(7,711)
Pindahan daripada hartanah, loji dan peralatan (Nota 23)	3,759	-
Pindahan kepada aset dipegang untuk dijual (Nota 26)	(56,971)	-
Pendapatan sewa terakru	(5,354)	(5,631)
Pelarasan nilai saksama seperti laporan penilaian (Nota 33)	90,873	24,598
Pada 31 Disember	4,116,352	4,081,987

Pengaturan pajakan

Sesetengah hartanah pelaburan dipajak kepada penyewa di bawah pajakan operasi jangka panjang dengan sewa dijangka diterima secara bulanan atau suku tahunan. Bayaran pajakan minimum di bawah pajakan operasi hartanah pelaburan yang tidak boleh dibatalkan dan belum diiktiraf dalam penyata kewangan akan diterima seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Dalam tempoh satu tahun	427,641	309,920	268,894	251,258
Antara satu hingga lima tahun	1,502,662	1,051,119	1,132,178	1,037,955
Lebih dari 5 tahun	542,003	642,767	290,716	266,277
	2,472,306	2,003,806	1,691,788	1,555,490

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

16. Hartanah pelaburan *(samb.)*

Nilai saksama hartanah pelaburan Kumpulan dan **TH** dikategorikan seperti berikut:

Kumpulan	Tahap 2 RM'000	Tahap 3 RM'000	Jumlah RM'000
2024			
Tanah dan bangunan milik bebas	1,328,685	2,489,867	3,818,552
Tanah dan bangunan milik pajak	31,014	2,335,263	2,366,277
	1,359,699	4,825,130	6,184,829
2023			
Tanah dan bangunan milik bebas	1,095,712	2,688,875	3,784,587
Tanah dan bangunan milik pajak	42,923	2,410,565	2,453,488
	1,138,635	5,099,440	6,238,075
TH			
2024			
Tanah dan bangunan milik bebas	1,626,485	2,489,867	4,116,352
2023			
Tanah dan bangunan milik bebas	1,393,112	2,688,875	4,081,987

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

16. Hartanah pelaburan (samb.)

Dasar pindahan antara tahap

Nilai saksama sesuatu aset yang dipindahkan antara tahap ditentukan pada tarikh pindahan atau perubahan keadaan yang menyebabkan pindahan.

Nilai saksama Tahap 2

Nilai saksama Tahap 2 dianggarkan menggunakan input selain harga tercatat yang termasuk dalam Tahap 1 yang boleh dirujuk bagi hartanah pelaburan, sama ada secara langsung atau tidak langsung. Nilai saksama Tahap 2 bagi tanah dan bangunan secara amnya diperoleh menggunakan kaedah perbandingan harga jualan. Harga jualan bagi hartanah pelaburan yang seumpamanya dalam kawasan berdekatan diselaraskan untuk perbezaan dalam atribut penting seperti saiz hartanah. Input paling utama dalam kaedah penilaian ini adalah harga sekaki persegi dengan hartanah setara yang dibandingkan.

Nilai saksama Tahap 3

Nilai saksama Tahap 3 dianggarkan menggunakan input yang tidak dapat dirujuk bagi hartanah pelaburan. Nilai saksama hartanah pelaburan ditentukan dengan menggunakan aliran tunai didiskaunkan sebagai kaedah utama, dan pendekatan perbandingan harga jualan sebagai kaedah sekunder. Kaedah sekunder tersebut mempertimbangkan penjualan dan penyenaraian hartanah yang setara yang direkodkan di kawasan tersebut dan pelarasan dibuat antara hartanah dalam penilaian dan hartanah yang serupa dengannya. Pelarasan dibuat berkaitan dengan lokasi dan kebolehcapaian, ukuran dan bentuk lot, ciri-ciri fizikal, kekangan undang-undang dan peraturan, penawaran dan permintaan, kod bangunan dan sekatan awam.

17. Pelaburan dalam entiti usahasama

Nota	Kumpulan	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada kos		
Saham tidak tercatat	558,641	558,641
	558,641	558,641
Bahagian Kumpulan dalam rizab entiti usahasama	(369,442)	(367,587)
Tolak: Rosot nilai terkumpul (i)	(130)	(130)
	189,069	190,924

Nota	TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada kos		
Saham tidak tercatat	364,486	364,486
Tolak: Rosot nilai terkumpul (i)	(364,486)	(364,486)
	-	-

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 *(samb.)*

17. Pelaburan dalam entiti usahasama *(samb.)*

(i) Pergerakan peruntukan rosot nilai bagi pelaburan dalam entiti usahasama adalah seperti berikut:

	Kumpulan		TH	
	2024 RM'000	2023 RM'000	2024 RM'000	2023 RM'000
Pada 1 Januari/31 Disember	130	130	364,486	364,486

(ii) Entiti usahasama lain

Tiada rosot nilai diiktiraf dalam tahun kewangan 2024.
Butiran mengenai entiti usahasama adalah seperti berikut:

Nama syarikat	Aktiviti utama	Pegangan efektif	
		<u>2024</u> %	<u>2023</u> %
Tidak tercatat dan diperbadankan di Malaysia			
Trurich Resources Sdn. Bhd.	Pemegangan pelaburan, penanaman kelapa sawit, pemprosesan dan pemasaran produk sawit	50	50
TH Alam Management Sdn. Bhd.	Operasi dan penyewaan perkapalan	50	50
TH Properties Sdn. Bhd. <i>dan entiti usahasamanya:</i>			
59 Inc. Sdn Bhd.	Pembangunan hartanah	70	70
THP Utara Facilities Sdn. Bhd.	Pengurusan fasiliti	51	51

Semua entiti usahasama **TH** tidak diaudit oleh Ketua Audit Negara Malaysia.

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

17. Pelaburan dalam entiti usahasama (samb.)

Jadual berikut merumuskan maklumat mengenai entiti usahasama Kumpulan yang diselaraskan dengan sebarang perbezaan dalam dasar perakaunan:

	Trurich Resources Sdn. Bhd. RM'000	THP Utara Facilities Sdn. Bhd. RM'000	59 Inc. Sdn. Bhd. RM'000	TH Alam Management Sdn. Bhd. RM'000	Jumlah RM'000
2024					
Ringkasan penyata kedudukan kewangan					
Aset	-	58,700	397,271	23,340	479,311
Liabiliti	-	(40,139)	(142,217)	(21,210)	(203,566)
Aset bersih	-	18,561	255,054	2,130	275,745
Ringkasan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain					
Pendapatan	-	92,318	9,900	86,853	189,071
Keuntungan/(kerugian) tahun semasa	-	8,127	(2,806)	75,796	81,117
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain	-	8,127	(2,806)	75,796	81,117
Bahagian keuntungan/(kerugian) bersih tahun kewangan semasa	-	4,145	(1,965)	1,065	3,245

Penyesuaian maklumat kewangan yang dirumuskan di atas kepada jumlah dibawa pelaburan Kumpulan adalah seperti berikut:

	Trurich Resources Sdn. Bhd. RM'000	THP Utara Facilities Sdn. Bhd. RM'000	59 Inc. Sdn. Bhd. RM'000	TH Alam Management Sdn. Bhd. RM'000	Jumlah RM'000
Bahagian Kumpulan dalam aset bersih	-	9,466	178,538	1,065	189,069
Jumlah dibawa pelaburan Kumpulan	-	9,466	178,538	1,065	189,069

Lembaga Tabung Haji
(Ditubuhkan di bawah Akta Tabung Haji 1995)
dan syarikat-syarikat subsidiari

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAHIR 31 DISEMBER 2024 (samb.)

17. Pelaburan dalam entiti usahasama (samb.)

Jadual berikut merumuskan maklumat berkaitan entiti usahasama Kumpulan yang diselaraskan dengan sebarang perbezaan dalam dasar perakaunan: (samb.)

	Trurich Resources Sdn. Bhd. RM'000	THP Utara Facilities Sdn. Bhd. RM'000	59 Inc. Sdn. Bhd. RM'000	TH Alam Management Sdn. Bhd. RM'000	Jumlah RM'000
<u>2023</u>					
Ringkasan penyata kedudukan kewangan					
Aset	246,152	66,086	343,787	39,411	695,436
Liabiliti	(1,552,122)	(45,651)	(85,927)	(115,516)	(1,799,216)
(Liabiliti)/aset bersih	(1,305,970)	20,435	257,860	(76,105)	(1,103,780)
Ringkasan penyata untung atau rugi dan pendapatan komprehensif lain					
Pendapatan	68,397	89,620	-	-	158,017
Keuntungan/(kerugian) tahun semasa	-	15,561	(5,242)	-	10,319
Jumlah pendapatan/(kerugian) komprehensif lain	-	15,561	(5,242)	-	10,319
Bahagian keuntungan/(kerugian) bersih tahun kewangan semasa	-	7,936	(3,669)	-	4,267

Penyesuaian maklumat kewangan yang dirumuskan di atas kepada jumlah dibawa pelaburan Kumpulan adalah seperti berikut:

